



PENYATA RASMI

**MESYUARAT KETIGA
PENGGAL PERSIDANGAN KELIMA**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KEEMPAT BELAS**

6 MAC 2023 (ISNIN)

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERIP
ULAU PINANG**

PENYATA RASMI

MESYUARAT KETIGA PENGAGAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

6 MAC 2023 (ISNIN)

Kandungan	Muka Surat
Kehadiran Ahli-ahli Yang Berhormat	1 - 3
Pengumuman Oleh Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri	4
Pembentangan Usul Pengisytiharan Kekosongan Kerusi oleh YB. Timbalan Ketua Menteri I	6 - 11
Perbahasan Usul oleh Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Sing)	11 - 16
Perbahasan Usul oleh Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq)	17 - 22
Perbahasan Usul oleh Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hisao-Leung)	22 - 31
Perbahasan Usul oleh Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli binIbrahim)	31 - 33
Perbahasan Usul oleh Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil)	33 - 37
Perbahasan Usul oleh Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy)	37 - 39
Perbahasan Usul oleh Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly bin Md. Lazim)	39 - 44
Perbahasan Usul oleh Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. LeeChun Kit)	44 - 46
Perbahasan Usul oleh Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahrdin)	46 - 60

Kandungan	Muka Surat
Perbahasan Usul oleh Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail)	60 - 66
Perbahasan Usul oleh Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor)	66 - 69
Perbahasan Usul oleh Ahli Kawasan Penaga (YB. Moh. Yusni bin Mat Piah)	69 - 71
Perbahasan Usul oleh Y.A.B. Ketua Menteri	71 - 75
Penggulungan Usul oleh YB. Timbalan Ketua Menteri I	75 - 76
Pengumuman oleh YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri mengenai Usul Pengisytiharan Kekosongan Kerusi	76 - 77
SOALAN-SOALAN LISAN	
Soalan No. 1 – Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee)	78
Soalan No. 2 – Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik)	78
Soalan No. 3 – Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	81
Soalan No. 4 – Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong)	84
Soalan No. 5 – Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang)	87
Soalan No 6 – Ahli Kawasan Pulau tikus (YB. Lee Chun Kit)	90
Soalan No. 7 – Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan a/l Aramugam)	92
Soalan No. 8 – Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah bin Ismail)	94
Soalan No. 10 – Ahli Kawasan Telok Ayer Taar (YB. Dato' Mustafa Kamal bin Ahmad)	97
Soalan No. 13 – Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir bin Aziz)	98
DEWAN DITANGGUHKAN	

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT KETIGA PENGKAL PERSIDANGAN KELIMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

Tarikh : 6 MAC 2023 (ISNIN)
Masa : 9.30 Pagi
Tempat : Dewan Persidangan
Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
5.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
6.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
7.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjong Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Haji Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
13.	YB. Dato' Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP Dewan/ Sungai Bakap
14.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
15.	YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
16.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
17.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
18.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk

Bil.	Nama	Ahli Kawasan
19.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
20.	YB. Satees A/L Muniandy	Bagan Dalam
21.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
22.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
23.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
24.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
25.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
26.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
27.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
28.	YB. Dato' Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
29.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
30.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
31.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
32.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun
33.	YB. Daniel Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
34.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
35.	YB. Dato' Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
36.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
37.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga
38.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
39.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
40.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
41.	YB. Zolkifyl Bin Md. Lazim	Telok Bahang

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A
PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

HADIR

Bil.	Nama	Jawatan
1..	YB. Dato' Mohd. Sayuthi bin Bakar	Setiausaha Kerajaan Negeri
.2	YB. Dato' Norazmi bin Mohd. Narawi	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Puan Zabidah binti Safar	Pegawai Kewangan Negeri

TURUT HADIR

Puan Hasma binti Hashim	-	Setiausaha Dewan Undangan Negeri
Encik Meor Hamzah bin Abdullah Sani	-	Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha Dewan:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri. Bacaan Doa.

Timbalan Setiausaha Dewan:

Bacaan Doa.

Setiausaha Dewan:

Pengumuman oleh Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Selamat pagi Ahli-Ahli Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri telah pun menetapkan hari ini 6 Mac 2023 sebagai hari permulaan Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Undangan Negeri Keempat Belas melalui pengisytiharan yang diwartakan pada 26 Januari 2023. Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan pada hari ini mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan Yang Berhormat Dato' Mohd. Sayuthi bin Bakar yang telah memulakan tugas sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang bermula 19 Disember 2022 yang lalu.

Pada hari ini juga Dewan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Dato' Norazmi bin Mohd. Narawi, Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang yang akan bertukar ke Pejabat Peguam Negara pada 13 Mac 2023 nanti. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan akan terus bersidang sehingga semua urusan selesai. Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada sesi kali ini Dewan akan mempertimbangkan sejumlah 69 soalan lisan, 586 soalan bertulis, 1 Rang Undang-Undang dan 1 Usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

Setiausaha Dewan:

Pembentangan Risalah.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mohon membentangkan di atas meja Dewan, risalah Bil. 1 hingga 6, Tahun 2023 seperti yang tersenarai dalam susunan urusan mesyuarat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

Setiausaha Dewan:

Soalan-soalan, soalan bertulis.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan-soalan bertulis telah diletakkan di atas meja Ahli yang bertanya, selaras dengan Subperaturan 15(1)(h), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri dan akan dimasukkan dalam penyata rasmi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebelum Dewan beralih ke soalan sesi soalan lisan, saya selaku Yang di-Pertua Dewan ingin mengusulkan kepada Dewan yang mulia ini, selaras dengan Perkara 15(3), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Undangan Negeri Pulau Pinang bahawanya aturan urusan mesyuarat dipinda supaya Dewan boleh mempertimbangkan usul pengisytiharan kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di bawah Perkara 14A, Perlembagaan Negeri Pulau Pinang terlebih dahulu. Ia adalah mengambil kira kepentingan usul tersebut yang berkaitan dengan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dan berikutan keputusan Mahkamah pada 2 Mac yang lalu.

Oleh yang demikian, Dewan ini akan menyelesaikan usul ini terlebih dahulu. Maka Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya memohon persetujuan Dewan. Ahli-Ahli yang bersetuju katakan 'Ya'.

Ahli-ahli Dewan:

"Ya".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang tidak bersetuju katakan 'Tidak'.

Ahli-Ahli Dewan:

"Tidak".

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

'Ya' lebih banyak, usul dipersetujui.

Setiausaha Dewan:

Usul Pengisytiharan Kekosongan Kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di bawah Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh* dan Salam Sejahtera. Saya selaku Timbalan Ketua Menteri 1, Negeri Pulau Pinang mohon mencadangkan untuk membentangkan suatu usul yang bertajuk "Pengisytiharan Kekosongan Empat (4) Kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Di Bawah Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang" selaras dengan subperaturan 31(1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Dato Yang di-Pertua, saya mohon agar Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini dapat meluluskan Usul yang bertajuk "Pengisytiharan Kekosongan Empat (4) Kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Di Bawah Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang" akibat kegagalan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang berkenaan untuk mengosongkan kerusi mereka di bawah Fasal 14A(1) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang. Senarai kerusi dan ADUN yang terlibat adalah seperti berikut:

- (i) Seberang Jaya (N10) - YB. Dr. Afif bin Bahardin
- (ii) Sungai Aceh (N21) - YB. Zulkifli bin Ibrahim
- (iii) Bertam (N2) - YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq
- (iv) Telok Bahang (N40) - YB. Zolkifly bin Md Lazim

Dato' Yang di-Pertua, sekiranya Dewan ini bersetuju dengan Usul yang akan dibentangkan ini, maka Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri menurut Fasal 14A(4) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang hendaklah memberitahu Suruhanjaya Pilihan Raya bahawa telah berlakunya kekosongan 4 kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Dato' Yang di-Pertua, sepertimana Dewan ini sedia maklum, Kerajaan Negeri Pulau Pinang menerusi Enakmen Perlembagaan Negeri Pulau Pinang (Pindaan) 2012 [A.13/2012] telah meminda Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dengan memasukkan Perkara 14A yang menyentuh mengenai pertukaran parti politik seorang ahli Dewan Undang Negeri. Perkara 14A Perlembagaan Negeri ini telah dikuatkuasakan di Negeri Pulau Pinang sejak dari 8 Januari 2013. Perkara 14A(1) Perlembagaan Negeri adalah seperti yang berikut:

"Change of a member's political party

14A. (1) *Subject to this Article, a member of the Legislative Assembly shall vacate his seat if-*

- (a) having been elected as a candidate of a political party, he resigns or is expelled from, or ceases for any reason whatsoever to be a member of that party; or*

- (b) *having been elected otherwise than as a candidate of a political party, he joins a political party.*
- (2) *A member of the Legislative Assembly shall not be required to vacate his seat pursuant to this Article only by reason of –*
- (a) *the dissolution or cancellation of the registration of his party; or*
- (b) *his resignation from the membership of his party upon election as Speaker.*
- (3) *Notwithstanding anything contained in Article 13(5), a member of the Legislative Assembly who vacates his seat under this Article may seek re-election at any ensuing election.”*

Dato' Yang di-Pertua, Perkara 14A Perlembagaan Negeri ini menetapkan bahawa seseorang ADUN hendaklah mengosongkan kerusinya apabila ADUN tersebut melepaskan, berhenti atau dilucutkan keahliannya dari sesebuah parti politik ataupun apabila ADUN tersebut menyertai apa-apa parti politik yang lain.

Dato' Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan ini juga, Mahkamah Persekutuan dalam kes PA-24NCVC-707-10/2020, PA-24NCVC-708-10/2020 dan PA-24NCVC-709-10/202 yang diketuai oleh Yang Amat Arif Tun Tengku Maimun Binti Tuan Mat bersama 6 orang lagi Yang Arif Hakim Mahkamah Persekutuan telah memutuskan Perkara 14A Perlembagaan Negeri tidak bertentangan dengan Perkara 10(1)(c) Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini, apabila berlakunya pertukaran parti politik oleh seseorang ADUN, maka berdasarkan perenggan 14A(1)(a) Perlembagaan Negeri, ADUN tersebut hendaklah mengosongkan kerusinya. Namun jika seseorang ADUN tersebut enggan mengosongkan kerusinya maka keputusan mengenai perkara tersebut hendaklah diputuskan oleh Dewan Undangan Negeri melalui suatu Usul berdasarkan Fasal 18(1) Perlembagaan Negeri yang menetapkan seperti berikut:

“Decision as to disqualification

18. (1) If any question arises whether a member of the Legislative Assembly has become disqualified for membership, the decision of the Assembly shall be taken and shall be final:

Provided that this Article shall not be taken to prevent the practice of the Assembly postponing a decision in order to allow for the taking or determination of any proceedings that may affect the decision (including proceedings for removal of the disqualification).”

Dato' Yang di-Pertua,

Perkara mengenai pengosongan kerusi seseorang ADUN hendaklah diputuskan oleh Dewan Undangan Negeri melalui Usul kerana ianya melibatkan persoalan fakta (*question of facts*) dengan izin yang perlu dipadankan dengan ketetapan pemakaian Perkara 14A Perlembagaan Negeri tersebut.

Kedudukan dua (2) ahli Parti Keadilan Rakyat (PKR), dalam hal ini Usul yang berkaitan dengan status dua (2) ADUN PKR ianya berbangkit akibat pemecatan keahlian yang menyebabkan kedua-kedua ADUN tersebut tidak lagi ahli PKR.

YB. Zulkifli Ibrahim dan YB. Dr. Afif Bahardin telah dipecat keanggotaan Parti Keadilan pada 28 Jun 2020 kerana penglibatan mereka di dalam apa yang disebut *Sheraton move*. Kedudukan dua (2) Ahli Parti BERSATU, bagi dua (2) ADUN BERSATU pula, fakta kedua-kedua ADUN tersebut menggunakan lambang PKR atas merit watakah pencalonan yang dibuat oleh Presiden PKR ketika itu adalah satu amalan yang sudahpun diketahui umum.

Dan semasa langkah *Sheraton* tersebut, Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Peribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dalam mesyuarat khas yang diadakan pada 23 Februari 2020 telah membuat keputusan untuk keluar daripada parti Pakatan Harapan, YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq dan YB. Zolkify bin Md. Lazim telah mengesahkan untuk mengikut jejak PPBM beberapa minggu selepas itu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Rujukan terhadap Perenggan 11(1)(c) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihanraya) 1981 adalah sangat penting dalam merungkai perkara ini dimana ia menetapkan seperti yang berikut :

“Pilihan raya yang dipertandingkan”

(c) Bagi maksud subperaturan ini sesuatu parti politik boleh mengemukakan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya untuk diluluskannya dan untuk didaftarkan jika diluluskan sedemikian, suatu simbol yang dalam subperaturan ini disebut simbol parti bagi kegunaan calon dalam mana-mana pilihanraya”

Manakala peraturan 25F Peraturan-Peraturan Pilihanraya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 yang memperuntukkan perkara sepertimana yang berikut:

“Pengisytiharan mengenai parti politik yang menang

25F. Selepas selesai penjumlahan rasmi dan pembuatan pengisytiharan di bawah subperaturan 25(D)(7) berkenaan dengan semua pilihan raya yang dipertandingkan dalam pilihan raya umum bagi Dewan Rakyat atau sesuatu Dewan Undangan Negeri, Suruhanjaya Pilihan Raya boleh membuat pengisytiharan bahawa sesuatu parti politik yang telah menamakan calon untuk bertanding dalam pilihan raya umum itu telah memenangi pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika parti politik itu telah memperoleh suatu majoriti melebihi lima puluh peratus daripada jumlah kerusi yang diperuntukkan bagi pemilihan ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri itu”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat tangguh usul sat. Saya memohon rakaman video di dalam Dewan ini tidak dibenarkan. Siapa nama dia? *No*, yang di sini saya tidak izinkan. Di sini sudah ada rakaman secara *live* dan mengikut peraturan pun ditetapkan tidak boleh.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya hanya merekod diri saya sendiri saja untuk saya belajar balik macam mana saya hendak berucap.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jangan rekod yang lain.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya tidak rekod yang lain, saya rekod diri saya sahaja

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ikut perintah Speaker.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya hanya rekod diri saya sahaja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

No, no, no tidak. Kalau hendak, *you get your friend to record*, bukan secara letak menghadapi orang yang lain.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Di Parlimen buat benda yang sama Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Parlimen, Parlimen lah. Parlimen kalau *Speaker* tidak halangi ikut *Speaker* Parlimen. Di sini, sini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya dengar Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal bagi hujah ada undang-undang guna yang pihak Persekutuan punya, ada undang-undang yang tidak, jadi saya pun tidak tahu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Settle, now.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Jadi saya pakai yang ini sebab saya tengok ini telah menjadi amalan

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Eh tidak boleh lah. Ketua Speaker, sila.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Ini untuk rekod untuk diri saya sahaja tengok.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya, sambung.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Berdasarkan kedua-dua peruntukan undang-undang di atas, adalah jelas bahawa kedua-dua ADUN BERSATU tersebut bertanding dengan pencalonan PKR dan bukannya atas pencalonan parti BERSATU memandangkan parti BERSATU belum lagi berdaftar sebagai parti politik pada ketika PRU-14. Perkara ini juga adalah selaras dengan kedudukan yang diambil oleh kedua-dua ADUN BERSATU di dalam kes mahkamah iaitu Saman Pemula No. PA-24NCVC-708-10/2010 di mana dalam affidavit kedua-dua ADUN BERSATU tersebut, mereka sendiri telah mengakui bahawa mereka bertanding pada PRU-14 tersebut di bawah logo PKR sebagai sebahagian dari Pakatan Harapan yang termasuk PKR, DAP, AMANAH dan BERSATU. Malah dalam affidavit kedua-dua ADUN BERSATU tersebut juga, mereka menyatakan terdapat pemberontakan dalam Pakatan Harapan yang menyebabkan BERSATU keluar dari Pakatan Harapan dan telah menubuhkan Perikatan Nasional.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya ingin mencelah sedikit sahaja.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagi Usul didengar dahulu.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Malah dalam afidavit kedua-dua ADUN BERSATU tersebut juga, mereka menyatakan terdapat 'pemberontakan' dalam Pakatan Harapan yang menyebabkan BERSATU keluar dari Pakatan Harapan dan telah menubuhkan Perikatan Nasional bersama UMNO dan PAS. Mereka juga mengakui telah menarik balik sokongan mereka daripada Pakatan Harapan. Oleh itu, kedua-dua ADUN ini sewajarnya disifatkan terjumlah sebagai tindakan melompat parti berdasarkan kepada platform parti politik yang digunakan sebagai parti politik yang bertanding pada ketika PRU-14.

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri,

Walau bagaimanapun, Dewan ini hendaklah juga mengambil maklum mengenai *proviso* di bawah Fasal 19(5) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang bahawa suatu kekosongan luar jangka tidak boleh diisi memandangkan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang akan terbubar dalam tempoh kurang dari dua (2) tahun. Oleh yang demikian, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon mencadangkan Usul ini untuk dibahaskan. Sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Pinang Tunggal. Saya perlukan sokongan atas usul ini. Tiada? Sila Yang Berhormat Ahli Kawasan Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, terima kasih kepada Timbalan Ketua Menteri saya yang telah pun meletakkan suatu usul di sidang pada pagi ini, ia adalah begitu bersejarah *since* saya begitu gembira dapat juga memberi sedikit pandangan saya berkenaan isu ini sepertimana telah pun Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, dinyatakan Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri 1, tadi Kerajaan Negeri Pulau Pinang mulakan proses ini. Proses itu bermula apabila pada 8 Januari 2013 kita luluskan suatu pindaan kepada Perlembagaan Kerajaan Negeri Pulau Pinang (*The Penang State Constitution*), *I would mention that it now* PSC dengan izin iaitu dengan meletakkan satu peruntukan baru iaitu Artikel 14A dimana kita ada hak untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang melompat parti. *Let us be very frank and straight forward about it.*

Tadi Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri 1 telah pun baca *but I don't know which to refer it basically* peruntukan itu adalah untuk melarang aktiviti pelompatan parti kerana itu adalah satu pengkhianatan kepada rakyat yang mengundi kepada mereka, itu sahaja, *and that is reason why we have Artikel 14A and that is reason why we are here today*. Sekarang untuk muktamadkan proses tersebut apabila kita ada undang-undang ia perlu diambil penguatkuasaan dan itulah yang sedang berlaku pada pagi ini di Pulau Pinang. *Wait a minute I'm speaking seat down, I said no, you seat down, you will have your time, sit down first*, jangan ganggu.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti ada masa saya bagi, saya hendak *you seat down first*.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

You can record yourself.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

I just want to ask a question.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Later, later.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Because you are speaking tadi, you dah bercakap boleh kita hendak bertanya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Boleh, lepas saya habiskan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti ada masa.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin) :

Okey, saya tunggu Yang Berhormat Ahli Kawasan Datok Keramat bagi.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

You are my friend but wait wait listen listen.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Friend tak friend.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Wait, wait I got nothing personal about it, but when you do things like this.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya bangkit.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

The consequences.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Yang Berhormat Datuk Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

I am very sorry I has to do this job today sit down now, listen to me first.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Usul pun belum disokong.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Kalau Yang Berhormat kata lepas ini okay, lepas ini la, tak payah lah marah marah.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Duduk, duduk dulu *settle*, nanti nanti ada masa.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Jangan hendak marah-marah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

I have nothing personal with all of you,

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya bangkit.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Rasanya boleh bahas nantilah Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya, *sit down please.*

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya minta laluan secara terhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

I am talking about the law, I am talking about the constitution.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Dah bagi laluan dah.

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena binti Abdul Rashid):

Duduk lah, duduk.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Why you so upset, kenapa you so upset saya hendak tanya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Because I have not finish my speech.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya, ada masa saya akan bagi, kalau tidak ada nanti saya akan tolak masa semua yang ini. Sila, Yang Berhormat Ahli Kawasan Datok Keramat. Usul pun belum sampai disokong.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya minta elok-elok, duduk, duduk elok-elok. *Make sure you are comfortable sit down okay, thank you very much. Okay, next next can I continue since no point we wasting time.*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cepat, cepat, sila, sila, sila, sila.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Okay, allow me so. So apa yang berlaku pada tarikh bersejarah 8 Januari 2013 itu membawa langkah ke hari ini yang adalah tarikh tersejarah di seluruh Malaysia bukan di Pulau Pinang for the first time this is going to happen kita akan minta mereka yang telah pun langgar peruntukan Perlembagaan Negeri untuk keluar daripada Dewan dan itulah hakikat dan itulah akibat apabila kita buat kejadian dan perkara seperti parti lompat parti dan sebagainya yang adalah mengkhianati rakyat yang mengundi kita ke dalam Dewan ini. I will repeat that over and over again because that is the bottom line, itu sahaja Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, I just want to quickly say one thing kita ada satu proses perundangan juga di mana kes telah diambil Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri oleh pihak keempat kita Yang Berhormat Khaliq Mehtab daripada Bertam, Yang Berhormat Zolkifly bin Md. Lazim daripada pihak Teluk Bahang dan juga my friend Yang Berhormat Dr. Afif Bahardin daripada Seberang Jaya dan juga Yang Berhormat Zulkifli bin Ibrahim mereka ambil satu tindakan Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, just to put thing in perspective we started with that day challenging in court, fair, itu adalah hak semua untuk mengambil tindakan dari segi peruntukan perundangan no issue dan ia telah pergi ke mahkamah dan mahkamah telah pun baru-baru ini pada 3 Mac 2023 just on 3rd March 2023 memberi satu perintah yang menolak permohonan mereka untuk wait, wait, wait.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Seberang jaya merakam lagi. Dia bukan merakam diri dia sahaja saya pun ada dalam video itu. Saya complain lah.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

*This video is really mengganggu saya. So I just continue Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, so permohonan untuk menangguhkan prosiding pada pagi ini iaitu untuk mendapatkan satu *Erinford Injunction* iaitu suatu injuksi untuk menahan daripada kita membincangkan ataupun meneruskan dengan usul pada pagi ini. Itu telah dibincangkan atau dibicarakan pada 28 Februari dan pada 3 Mac 2023 baru-baru ini keputusan daripada Datuk Azizan Hakim Mahkamah di Putrajaya di Kuala Lumpur telah pun menyatakan bahawasanya ditolak and I just want quickly tell you why so that you understand dan dengan izin Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, it's very important because it is not just a constitutional matter but it is a constitutional matter that now has been affirm by the court, now what happen was this if I can just quickly it say and refer to the judgment just a few paragraph tetapi saya minta izin kerana judgment itu dalam Bahasa Inggeris. I'll be very quick, now what has happened is this in accent.*

Apa yang dinyatakan and it is very important because we know the position. Yang pertama adalah ada satu konsep yang dikenali sebagai *separation of powers* iaitu kita ada pengasingan kuasa. That is di antara Dewan Undangan ataupun Parlimen *the executive* di antara *legislature*. Sorry, first one. The second is the executive which is where we are today either Dewan Undangan or Parliament and the third is kuasa penghakiman *the legislature*. There is the separation of powers is very clear. So, this judgement.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Judiciary.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sorry. Yes, judiciary. Sorry, sorry. So, it is exact is judiciary the legislature. Three. So what this judgement says if refers to banyak keputusan yang sudah pun kita tahu kalau kita dalam bidang perundangan adalah bahawasanya dan affirm dan mengesahkan prinsip bahawasanya satu daripada bahagian itu tidak boleh interfere dengan ataupun ganggu dengan yang lain.

Jadi isu dia adalah begini, *at the end of that decision* apa yang di ambil ataupun diputus adalah kalau ada keputusan daripada pihak Dewan Undangan Negeri ataupun Parlimen maka pihak kehakiman tidak boleh ganggu dengan keputusan itu. Oleh yang demikian, permohonan tersebut ditolak. Jadi saya hendak ulangi dan peringati semua bahawasanya apabila kita ada dalam Dewan Undangan Negeri kita ada hak kita untuk buat keputusan dan pada pagi ini itulah apa yang kita sedang buat dan itu telah pun diiktiraf secara perundangan melalui satu keputusan mahkamah yang mana kita perlu akur, *that is the bottom line due to* dengan izin Dato' Speaker, *quick one in English I just want to say it is very clear it is non justiciable tidak boleh dihakimi that is the word.*

Itu digunakan Hakim Dato' Azizan dalam keputusan dia berkali ganda untuk mengekalkan prinsip tersebut yang sudah pun diterima pakai. *It is not justiciable so the decision here today cannot be interfered by the court and the court have agreed that we have the right. So I just want to put that on record* Dato' Speaker, *because it very important. I have the judgement here and I want to read here take the whole day so I take I will give all my learned friends some room to respond before I respond back but this judgement, I feel* Dato' Speaker, dengan izin *it is very strong judgement.* Ia melibatkan banyak keputusan daripada hakim-hakim daripada Mahkamah Persekutuan macam Tan Sri Eusoff Chin, Tan Sri Md Raus bin Sharif kepada baru-baru ini. Ini semua hakim, ini semua *Chief Justice* negara kita dan hakim di peringkat Mahkamah Persekutuan dan juga Dato' Azhar yang baru-baru ini juga Mahkamah Persekutuan *so it is strong judgement that we cannot disobey. I think now come to a point today's proceeding that is no reason for us to proceed with the motion* tiada sebab untuk kita tidak teruskan dengan usul ini dan mereka gagal mendapat satu permohonan ataupun buat satu permohonan kepada mahkamah rayuan setakat ini dan menunjukkan mereka tidak yakin dengan pendirian mereka sendiri. Jadi kita akan teruskan dengan usul ini untuk pastikan empat wakil ini keluar daripada Dewan. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Saya hendak uruskan dahulu usul ini nanti saya beri bahas. Ahli-ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi perbahasan atas usul yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Pinang Tunggal. Maka, saya hendak jemput Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ini. Sila. Tiada? Terima kasih. Sila Bertam. Saya bagi semua lingkungan dalam 10 minit.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Dato' Yang Di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Salam sejahtera kepada semua. Okey tidak sangka usul ini dipercepatkan dan Kerajaan Negeri malah tidak sabar hendak buang kami berempat. Pertama sekali Bertam ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Perikatan Nasional Pusat dan juga Perikatan Nasional Negeri Pulau Pinang dan juga rakan-rakan Perikatan Nasional saya di dalam Dewan yang mulia ini atas kepercayaan yang diberikan kepada Bertam untuk mengetuai barisan pembangkang di negeri ini walaupun, walaupun belum diiktiraf.

It is a different story insya-Allah kami selaku barisan pembangkang di Pulau Pinang akan sentiasa mendukung kepercayaan dan amanah rakyat yang telah memilih kami untuk menjadi suara semak dan imbang dengan izin *check and balance* dalam Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan sentiasa menjaga etika, tatasusila, disiplin kami di dalam dan di luar Dewan. Alhamdulillah Bertam tengok pada hari ini pembangkang di negeri masih kekal tujuh orang walaupun pada khidmatnya Pakatan Harapan bersama dengan Barisan Nasional telah bergabung untuk menubuhkan sebuah kerajaan campuran di peringkat Pusat namun di peringkat Negeri Pulau Pinang gabungan ini saya tengok belum lagi direalisasikan apapun kita tunggu sama-sama tengok sama-sama lihat apa perkembangannya.

Dato' Yang Dipertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, usul yang di bawa dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri kali ini iaitu usul pengisytiharan kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di bawah perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang akan Bertam kupas dan ulas dan bahas untuk penerangan dan kefahaman semua di dalam dan di luar dewan ini. Sebenarnya Bertam kecewa dan terguris hati sebab usul ini dibawa oleh sahabat Bertam sendiri, jiran yang paling dekat dengan Bertam, Yang Berhormat Pinang Tunggal. Okey tapi apakan daya mungkin ini satu arahan yang Yang Berhormat Pinang Tunggal selaku Timbalan Ketua Menteri 1 sendiri yang *cannot say no*. Pertama dan yang paling utama Bertam adalah Ahli Parti Pribumi Bersatu Malaysia ataupun singkatannya BERSATU sejak sebelum berlakunya Pilihanraya Negeri Ke-14. Tanggal 9 Mei 2018 Bertam telah dipilih oleh rakyat kawasan Bertam menjadi seorang Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Nanti.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Tidak.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Bertam di bawah logo BERSATU atau logo PKR?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

I will get there. Okey. Pada ketika itu Bertam walaupun seorang Ahli BERSATU telah bertanding atas tiket logo PKR.... (gangguan). Logo PKR okey. Semua Ahli-Ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini termasuk Yang Amat Berhormat Padang Kota sendiri kecuali Sungai Dua, Permatang Berangan, Penaga semua bertanding atas logo yang sama iaitu logo PKR. Kalau ikut logo semua lompat parti. Kenapa insiden sebegini berlaku. Ini adalah kerana pada ketika itu Pakatan Harapan belum dapat didaftarkan sebagai sebuah gabungan parti politik yang sah *not yet at that time*. Sebab itu kita terpaksa menggunakan satu logo sebagai identiti perjuangan disebabkan Pakatan Harapan belum didaftarkan pada ketika itu.

Bertam ingin sebutkan di sini bahawa Pakatan Harapan hanya didaftarkan sebagai sebuah gabungan parti politik pada 16 Mei 2018, *you can google no problem* iaitu seminggu selepas PRU ataupun PRN ke-14 dan BERSATU Yang Berhormat Pinang Tunggal telah diluluskan dan telah didaftarkan 14 Januari 2017 oleh ROS. Tidak betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pinang Tunggal bahawa BERSATU belum didaftarkan pada ketika itu. *You said just now. So, I'm here to makes thing right.* Selepas 22 bulan berkuasa telah berlakunya peralihan kerajaan di peringkat Pusat, maka terkeluarlah Bertam dan juga Teluk Bahang daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan selepas itu timbullah isu lompat parti kononnya kami lompat parti dan kena kosongkan kerusi kami. So lompat parti di mana berlakunya lompat parti? Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang yang mengatakan bahawa terdapat tiga senario di mana lompat parti terjadi. Bertam tidak ingin mengulas sama ada semasa undang-undang negeri ini digubal, dibahas dan diluluskan di dalam dewan yang mulia ini perkara tersebut adalah sah ataupun tidak pada ketika itu *I don't want get to that.*

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, senario pertama adalah di mana seorang Ahli Dewan Undangan Negeri bertukar parti. Bertam tegaskan bahawa Bertam dan Teluk Bahang tidak pernah sama sekali saya tegaskan sekali lagi tidak pernah sama sekali tukar parti. Kami berdua bertanding pada PRN Ke-14 sebagai ahli BERSATU dan kekal sehingga ke hari ini sebagai ahli BERSATU. So adakah meninggalkan Pakatan Harapan bermaksud lompat parti?..(gangguan) Untuk maklumat Dato' Speaker, Pakatan Harapan bukan sebuah parti adalah sebuah gabungan *coalition* parti-parti politik. Definisi parti di dalam Perlembagaan Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang tidak langsung diterjemahkan ataupun diberi maksud. *What is party is it mention in your Perlembagaan in your Perkara 14A* okey. Bertam *I show you this, this is my card* ahli BERSATU. Tak, *I hold it closed to me.* Nombor ahli 0003196 ahli yang ke 3196 ahli paling senior di Kepala Batas dan ahli seumur hidup.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Ahli paling senior telah keluar parti telah masuk Pejuang.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Bertam tidak pernah. *No, I said* paling senior di Kepala Batas.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Lepas itu dia keluar Pejuang masuk Putra sekarang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Ahli paling senior Yang Berhormat Tan Sri Muhyiddin masih lagi Presiden kami....(gangguan)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup, cukup. Seberang Jaya cukup. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak peringatkan. Kita sedang bincang satu usul yang serius dan saya hendak ia jalan dengan lancar dan professional sekali yang saya tidak benarkan untuk mengambil bahagian sila duduk yang saya jemput sila ucap. Sila.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Dato' Yang di-Pertua, Bertam tidak pernah mempunyai kad keahlian Pakatan Harapan. *I never had membership card and never had membership number* Pakatan Harapan. Bertam percaya semua ahli di bawah Pakatan Harapan di dalam Dewan yang mulia ini *I'm sure you do not have a membership card, membership number of* Pakatan Harapan. *What you have is only membership numbers of your on individual* parti DAP, Amanah, PKR *like for us BERSATU, UMNO, PAS. I'm talking about membership....*(gangguan)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kita dengar.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Jadi, di mana letaknya isu Bertam dan Teluk Bahang lompat atau tukar parti ini semua mengarut sama sekali takkan bila sudah tidak sokong Kerajaan Negeri di kira lompat parti. Senario kedua, di mana seorang ahli Dewan Undangan Negeri dipecat daripada parti sendiri. Bertam dan Teluk Bahang memang setakat hari ini *Alhamdulillah* masih lagi ahli parti tidak dipecat dan tidak ada ura-ura akan dipecat tapi dalam isu ini Bertam ingin mengulas mengenai nasib sahabat-sahabat saya ini Seberang Jaya dengan Sungai Acheh. Ia betul mereka berdua dipecat oleh PKR dan kalau diikutkan perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang maka terjadi senario lompat parti. *But what is the definition.* Apa definisi pechat. Setahu Bertam, Seberang Jaya dan Sungai Acheh telah dipecat tanpa diberikan ruang dan peluang untuk

membela diri. Tidak pula dipanggil untuk menghadap Lembaga Disiplin oleh parti lama mereka berdua. Tidak diberikan ruang dan peluang untuk membela diri, *okay*.

Oleh yang demikian, adakah pemecatan ini sah. Adakah Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang menyatakan dengan terperinci berkenaan maksud atau terjemahan pecat? Kalau tak ada, nampak tak betapa longgarnya Perkara 14A ini. Dan Bertam percaya isu ini akan diulas dengan lebih terperinci oleh tuan-tuan badan sendiri selepas ini.

Dan senario ketiga, apabila seorang Ahli Dewan Undangan Negeri mengisytiharkan dirinya sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Bebas atau pun menang atas tiket bebas. Tapi masuk parti baru. Isu ini memang tidak relevan langsung terhadap kami berempat.

Oleh yang demikian, Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang tidak terpakai terhadap Bertam. Tidak terpakai terhadap kami berempat, dan kes ini masih di peringkat rayuan. Untuk makluman semua, dan telah difailkan di Mahkamah Rayuan Putrajaya.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang telah diwujudkan untuk memenuhi keperluan politik pihak-pihak tertentu. Di dalam kes Bertam dan Telok Bahang, Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang digunapakai untuk menghukum Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang mana partinya telah berubah, *political allegiance*.

Ini bukankah, ini bukanlah atau pun tidak boleh menjadi niat dan tujuan mana-mana Akta Lompat Parti yang digubal. Sekiranya Perkara 14A Perlembagaan di Pulau Pinang digunapakai dengan cara menghukum kami berempat, ini merupakan satu contoh yang terang lagi jelas di mana enakmen ini bertujuan untuk merompak kuasa memilih seorang Ahli Dewan Undangan Negeri daripada tangan rakyat yang memilih kami berempat.

PRN-15 pun dalam masa empat bulan lebih lagi. Dewan Undangan Negeri pun akan terbuang dalam bulan enam. Kita difahamkan Yang Amat Berhormat Padang Kota telah buat *statement sometime in June, State* apa ni *State Assembly will be dissolved*. So, apa yang kalut sangat nak buang kami berempat ni. Nak bagi kami pencen awal? *What is the point? What are you all afraid of? What can the four of us do against all of you?*

Dan sekiranya hari ini kami berempat hilang kerusi yang disandang di dalam Dewan ini, percayalah rakyat yang memilih kami tidak akan melupai kezaliman yang diperlakukan terhadap kami di mana kehilangan kerusi kami bukan disebabkan oleh kesalahan kami sendiri. Kami dipilih oleh rakyat, biarlah rakyat yang tentukan nasib kami masa PRN ke-15.

Okay, you all have no right to kick us out from our seats. You all have no right. Apabila negara ini telah pun ada Akta Lompat Parti, Akta A1663 yang diluluskan di Parlimen tahun lepas, apa gunanya Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang jikalau bercanggah dengan akta tersebut.

Perkara yang seharusnya dilakukan dan sepatutnya dibuat adalah meminda Perkara 14A supaya selari dengan Akta Lompat Parti diperingkat Persekutuan. *That's the right thing. Why must there be a different standard.* Kenapa Pulau Pinang perlu dilihat sebagai sebuah negeri yang tidak mengendahakan undang-undang

Persekutuan. Buat ikut suka hati. *When we have a Federal Law, amend your State Enactment to be line with the Federal Law. That's the right thing.*

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Yang Berhormat Bertam.

Ahli Kawaan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Sekali lagi.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Bertam ingin menjelaskan...(gangguan)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Biar habis dulu.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Bertam, bagi peluang mencelah.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Bertam tak pernah lompat parti mahupun tukar PARTI. Bertam kekal setia pada rakyat yang telah memilih Bertam dan usul ini sememangnya merosakkan institusi demokrasi. Dan isu mengenai khianat mandat rakyat. Kononnya kami lompat parti, khianat mandat rakyat.

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kami dipilih oleh rakyat untuk menjadi suara rakyat. Berkhidmat untuk kesejahteraan dan kemajuan yang boleh dibawa ke kawasan kami masing-masing. Sejak dipilih menjadi wakil rakyat, Bertam telah cuba berkhidmat untuk rakyat Bertam. Tak kira sama ada yang telah mengundi Bertam atau pun tidak.

Bertam mungkin tidak boleh memanggil diri sendiri wakil rakyat yang cemerlang, *I'm may not be the best wakil rakyat in this whole state. But I believe I've done my best for the people in my kawasan and my people know it.*

Bertam tidak pernah sama sekali mengkhianati mandat rakyat yang telah memilih Bertam menjadi wakil rakyat dan suara rakyat. Yang memerlukan pembaharuan dan bantuan di Bertam. Apa yang dikatakan khianat adalah orang yang cakap lain, buat lain. Yang cakap tak serupa bikin.

Yang janji tolak rasuah dan salah guna kuasa tapi sekarang peluk, cium, jilat orang yang sama. Itulah khianat! Bukan kami. Oleh yang demikian, Bertam merasa Ahli-Ahli....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Tan Sri Muhyiddin menjadi PM dengan sokongan siapa?

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Satees a/l Muniandy):

Minta tarik balik, minta tarik balik perkataan....(gangguan)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Yang mempunyai integriti dan tanggungjawab, agar membuat keputusan yang tepat. Sepatutnya usul ini perlu ditarik balik.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Kalau Tan Sri Muhyiddin cium, dihalalkan.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Percayalah. Percayalah terbuangnya kami berempat pada hari ini, hilangnya suara pembangkang di dalam Dewan ini nescaya akan menjadi satu titik hitam di dalam sejarah Negeri Pulau Pinang. *You can throw us out, but we'll be back stronger. I promise.* Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Hitam itu *sheraton move*, titik hitam.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Dan cara yang paling baik adalah dengar. Jangan ganggu. Sila, saya jemput. Tak ada. Saya nak Bukit Tengah dulu. Saya lihat nanti saya bagi hah.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Terima kasih Dato' Speaker, membenarkan saya membahaskan usul hari ini dan Salam Malaysia Madani.

Dato' Speaker, ya ini mungkin Sidang DUN terakhir kita. Dan dalam Sidang DUN terakhir kita sebelum pilihan raya maka, satu isu yang paling penting yang masih

belum diselesaikan adalah isu pengosongan empat kerusi ADUN yang lompat parti Dato' Speaker yang kena diselesaikan hari ini. Tadi kita mendengar ucapan daripada TKM dan juga Datok Keramat yang telah memberikan *background* atau pun latar belakang kepada usul ini.

Saya sebelum, sebelum sidang yang sebelum ini, saya telahpun mengucapkan bahawa sekiranya keempat-empat ADUN yang terbabit dalam kes ini mempunyai integriti, mempunyai moral dan menegakkan Perlembagaan Negeri kita, mereka seharusnya letak jawatan sendiri. Tak payah tunggu usul yang dibawa hari ini untuk mereka keluar daripada Dewan Undangan Negeri. **(Ahli Dewan menepuk meja)**

Sebab, sebab Artikel Perkara 14A jelas apabila mereka keluar daripada parti ataupun tiket yang mereka dipilih maka, mereka akan hilang kelayakan mereka untuk duduk dalam Dewan yang mulia ini, Dato' Speaker. Saya mendengar tadi ucapan daripada sahabat saya Bertam. Tetapi sepanjang ucapan beliau, beliau mengelak daripada menjawab isu utama prinsip tunggak kita hari ini kenapa kita nak menegakkan Artikel 14A, adalah sebab mereka dipilih atas tiket Logo Keadilan Pakatan Harapan. Dan apabila mereka meninggal, mengambil keputusan meninggalkan Pakatan Harapan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Tidak mengelak.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Maka....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Agreed to that.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Maka, maka nanti saya habis dulu...(gangguan). Bertam, *you* sudah ada peluang, maka bagi saya habis dulu. Maka apabila keluar, mengambil keputusan daripada PH, kamu empat telahpun mengkhianati mandat rakyat. Itu prinsip dia.

Dato' Speaker, sebelum apabila perkara usul ini dibangkitkan beberapa hari lalu, kita mendengar suara-suara pembangkang diluar telah pun mengeluarkan kenyataan yang berbagai-bagai. Katakan usul ini tidak adil, tidak ada sembang imbang, semak imbang, *no check and balance* bahawa yang lebih lucu lagi adalah bahawa kita dalam PH takut. Takut sokongan, gelombang PN yang semakin kuat dan kita nak buat ini secepat-cepat kerana nak hukum balas kepada empat-empat ADUN ini. Tetapi, hakikatnya Tuan Speaker, Dato' Speaker jelas ini semua kelake berkarut.

Kenapa saya kata begitu, yang pertama kelake. Kelakar, okey. Kelake, kelakar. *Okay. Funny.* Seberang Jaya, yang pertama sebenarnya perkara yang dibawa di Dewan yang mulia ini telah pun bermula dalam tahun 2020. Pada masa itu memang sudah ada usaha nak untuk mengusulkan perkara yang hari ini.

Tetapi, terima kasih kepada empat ADUN yang berkait. Mereka bawa kes ini kepada mahkamah. Bukan kita takut. Bukan kita takut. Tetapi, memberi ruang kepada empat-empat ADUN untuk ber, ber, apa ni untuk membawa kes ini kepada mahkamah untuk diselesaikan. Dan saya nak katakan disini Dato' Speaker, terima kasih kepada mereka membawa kes ini kepada mahkamah.

Maka, pada 3 haribulan Ogos tahun lepas Mahkamah Persekutuan yang dipengerusikan pada masa itu oleh Ketua Hakim Negara sendiri, Tengku Maimun Tuan Mat dengan tujuh panel hakim-hakim sebulat suara *unanimously* memutuskan bahawa Perlembagaan Artikel 14A adalah sah dan tidak melanggar Perlembagaan Persekutuan. (**Ahli Dewan menepuk meja**)

Perkara ini telahpun diselesaikan. *There is no more issue on the constitutionality of Article 14A*, Bertam.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Yang Berhormat, saya nak tambah sikit.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Boleh. Boleh saya bagi ruang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Maklumat sikit. *Keep repeating* maklumat yang dapat tentang keputusan tu. Tetapi, Yang Berhormat kena sedar bahawa dalam keputusan itu juga tidak dinyatakan oleh CJ bahawa *whether Article 14A should be applied in this manner*. Dia hanya menyatakan bahawa undang-undang itu tidak melanggar Perlembagaan.

Tetapi, dari segi definisi bagaimana ianya harus di *execute* atau harus dilaksanakan, tidak diberikan penjelasan. *Whether Article 14A violates in the freedom of speech or the basic structure doctrine* itu pun tidak dijelaskan.

Jadi sebab itu, perkara tu masih lagi di peringkat Mahkamah Rayuan. Sebab tu kita ada lagi proses Yang Berhormat. So, saya minta Yang Berhormat ambil maklum.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Seberang Jaya, mungkin nanti Seberang Jaya boleh pergi ambil kursus undang-undanglah. Dapat satu Ijazah Undang-Undang. Tetapi, hakikatnya Mahkamah Persekutuan, tujuh hakim yang arif *unanimously* telah memutuskan bahawa Artikel 14A adalah sah di bawah undang-undang dan tidak melanggar Perlembagaan Persekutuan. *That is the facts*.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya minta *just one, just one quick*.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Dan....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB....(gangguan).

Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

On this issue very important.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB.

Ahli Kawasan Datuk Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya rujuk kepada keputusan dimana kita ada pada pagi ini iaitu keputusan yang melanggar, apa ni menolak permohonan mereka. At paragraph 19, *I just read.... (dengan izin) very quick one, just two sentences. "Given that Article 14A have been determined to be constitutional by the Federal Court the first defendant which is Dato' has construe duty to have motion discuss". "A grant of any injunctive order, would undermine the doctrine of separation power of power" which is what I mentioned just know."* So, that is following what my learn friend just said just know. Thank you.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okay, Bukit Tengah sambung. Rumus.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Dan Dato' Speaker, dalam Mahkamah Persekutuan keputusan *oral decision* yang diberikan pada masa 3 haribulan Ogos dinyatakan juga bila sebut atas Perkara Artikel 10C "Kebebasan seseorang untuk menyertai *Freedom of Association*".

Dia kata dan memutuskan Ahli-Ahli Dewan Rakyat, dia berbeza dengan orang biasa. Maka hak kita dalam sebagai Ahli Wakil Rakyat, kita ikat oleh peraturan-peraturan yang dibuat dalam Dewan yang mulia ini.

Jadi, tidak bercanggah langsung kepada Artikel 10C dalam Perlembagaan Persekutuan. Dato' Speaker, saya katakan tadi memang kita tak takut. Memang bukan sebab kita takut sokongan atau pun gelombang PN yang mereka di luar-luar menguar-uarkan. Tetapi, perkara ini dilambatkan kerana kes yang dibawa oleh keempat-empat ADUN.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nanti bagi habis dulu, Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung) :

Dah nak habis, nanti Dato' Speaker tak nak bagi saya masuk.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Bukan sebab...(gangguan)..

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Duduk. Duduk. *Sorry*, Seberang Jaya...(gangguan)..

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Yang Berhormat tengah ajar pasal undang-undang, saya nak tanya soalan undang-undang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Nantilah, Seberang Jaya nantilah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin) :

Boleh. Tak sebab dia *lawyer*. Saya kena ambil kursus lagi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

No. No.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Dia *lawyer*. Yang Berhormat Bukit Tengah, saya nak tanya Yang Berhormat Bukit Tengah, kita ada Perlembagaan Negeri dan juga Perlembagaan Persekutuan. *At any point any junction* selalunya Perlembagaan Persekutuan akan *supersede* Perlembagaan Negeri dalam undang-undang. Terutamanya undang-undang berkaitan dengan soal institusi, soal demokrasi,

Apa pandangan Yang Berhormat, kenapa di dalam Akta Lompat Parti yang diluluskan oleh Parlimen yang diundi oleh Yang Berhormat Tanjong pada ketika itu. Yang Berhormat Bagan dan juga Yang Berhormat Kulim, Bandar Baru, Akta Lompat Parti di peringkat Parlimen menyatakan bahawa *involuntary expulsion* itu tidak ada, perubahan parti politik *rigid* kepada Politik itu tidak dikira sebagai lompat parti di peringkat Parlimen, akta Parlimen tetapi di negeri kita guna pakai definisi seperti itu, yang mana *involuntary expulsion* yang diguna pakai. Kenapa BERSATU menyokong saya difahamkan ahli-ahli Parlimen Bersatu ketika itu dan Perikatan Nasional kenapa menyokong Akta Lompat Parti di peringkat Parlimen kerana ada *protection* yang diberikan kepada ahli-ahli Dewan Rakyat supaya mereka boleh menjadi suara yang berkesan kepada rakyat kerana apa yang berlaku di Pulau Pinang hari ini wakil-wakil

rakyat dipilih oleh rakyat bukan lagi menjadi suara rakyat tetapi menjadi suara kepada parti politik masing-masing dan juga menjadi suara kepada pemimpin-pemimpin politik yang ada di dalam itu. Kalau mereka tidak ada hak untuk menyuarakan suara rakyat jika mereka bertentangan dengan pandangan parti sebab itu saya nak tanya pandangan Yang Berhormat, apabila berlaku dua set undang-undang ini, apa pandangan Yang Berhormat adakah ini satu bentuk keadilan, adakah ini satu bentuk cara bagaimana demokrasi Pulau Pinang, demokrasi negara harus diteruskan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, *very quick one*. Saya nak nyatakan...(gangguan),...apa pun...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila Yang Berhormat Datok Keramat, jaga anda penyokong usul telah bagi masa untuk ucap tadi.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Just one sentence, one sentence. Pindaan ke atas Perlembagaan Persekutuan tidak mewajibkan negeri ikut, itu prinsip perundangan itu kursus saya bagi pada Yang Berhormat Seberang Jaya sekarang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, okey.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Saya nak jawab kepada Seberang Jaya, *okey* apa perbezaan di antara atau apa perbezaan di antara *Article 14A* dengan *Articel 49A* yang baru-baru ini diluluskan di Parlimen Pindaan Perlembagaan Akta 1663 ya Yang Berhormat Seberang Jaya berbeza untuk yang di Parlimen, *constitutional amendment* hanya terikat kepada ahli-ahli Parlimen dan dengar saya, saya belum habis lagi...(gangguan)...dengarla kepada *your lecturer you* iktiraf saya yang mengajar undang-undang dengar....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Jawapan Yang Berhormat Datok Keramat membuktikan....(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Dengar *you* punya *lecturer* dulu....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, okey..sudah..sudah....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khalid Mehtab bin Mohd Ishaq):

Anak murid..depa dulu....(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Dengar dulu..dengar dulu..Yang Berhormat Seberang Jaya *right*. Yang Perlembagaan Persekutuan hanya terikat dengan ahli-ahli Parlimen untuk Dewan Undangan Negeri, bidang kuasa Negeri yang kita menentukan hak kelayakan dan hak hilang kelayakan dan....(gangguan)...habis dah..habis dah..ini tidak bercanggah duduk dengar dulu..dengar dulu....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seberang Jaya..(gangguan)..nanti saya bagi.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Negeri-negeri masing-masing di bawah *schedule 98 Article 74 right*, Perlembagaan Persekutuan Negeri ada bidang kuasa kita sendiri untuk membuat peraturan-peraturan mengenai hak kelayakan ataupun hak hilang kelayakan. Kita tak perlu mengikut apa yang diluluskan di Parlimen kalau kita nak banding kalau kita nak banding Yang Berhormat Seberang Jaya kita punya *provision* jauh lebih baik sebab dia lebih lebar *we include the word expulsion* dalam peruntukan Artikel 14A manakala di Parlimen *because constitutional Federal Constitution 49A* tidak ada.

In any case kalau ada apa-apa keraguan *any ambiguity*... perkara itu akan diselesaikan oleh Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri hari ini, pagi ini selesaikan *once and for all*, Dato' Yang di-Pertua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Dan juga saya juga nak beritahu bacalah, buat *research* sikit, saya tengok pembangkang-pembangkang di luar bukan sahaja di dalam sini seperti saya katakan dia ada undang-undang kita ini bercanggah dengan Persekutuan yang saya katakan tadi *right*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Habis.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Belum habis lagi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila pendekkan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Okey..okey Dato' Yang di-Pertua..

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Orang lain nak...

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Saya tadi diganggu oleh Yang Berhormat Seberang Jaya dan sebagainya tadi. Saya nak cakapkan di sini bahawa kalaulah pihak-pihak pembangkang nak membantah pun nak cabar juga kita punya usul hari ini, guna alasan-alasan yang bijak pandai *we intelligent reason*, kita mahu pembangkang yang *intelligence* bijak dan bukan hanya cakap kosong-kosong tanpa guna akal....(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khalid Mehtab bin Mohd Ishaq):

Yang Berhormat, *please don't undermine our intelligent...*(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Yang Berhormat Bertam, *I tak mentioned you* pun..I kata yang di luar ... (gangguan)

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Gangguan...

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup...cukup..cukup..(gangguan)

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Eh duduklah tolong. Yang Berhormat Seberang Jaya...duduk..duduk....(gangguan)

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Pasal pengundi-pengundi Perikatan Nasional...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khalid Mehtab bin Mohd Ishaq):

Come on..Don't undermind us....(gangguan)

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Lagi satu muka surat sahaja Yang Berhormat Yang di-Pertua...(gangguan.)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Bukit Tengah kalau tak habis saya nak berhenti ya, sila..

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Isu yang kita berhadapan hari ini bukan saja seolah-olah berkait dengan 4 ADUN yang berada dalam Dewan yang mulia ini, kita tahu bahawa disebabkan mereka dan sebahagian besar lagi ada konspirasi komplot pada masa 2020, mereka selepas dipilih oleh tiket rakyat dalam tiket PH, mereka telah pun melompat parti dengan sekumpulan besar yang lain, yang kita semua tahu adalah langkah *Sheraton*. Nak apa yang berlaku bukan sahaja berlaku di Pulau Pinang, mereka ini impaknya kepada seluruh negara Dato' Yang di-Pertua, kita dalam masa 3 tahun ini melihat Kerajaan bukan sahaja jatuh, menggugat kestabilan negara, 2 Kerajaan kemudian dijatuhkan dua Perdana Menteri kita lihat, Parlimen digantung dan juga keugatan menggugat kestabilan 4 negeri-negeri lain di Malaysia : Kedah Perak, Melaka, Johor akibat daripada pengkhianatan kumpulan-kumpulan ini Dato' Yang di-Pertua, jadi saya diingatkan baru-baru ini oleh titah Yang di-Pertuan Agong dalam Sidang Pembukaan Mesyuarat Parlimen Pertama bulan Februari 13 Mac 13 Februari di mana Yang di-Pertuan Agong telah pun menyatakan bahawa kalau episod yang menyebabkan Tun Mahathir meletak jawatan sebagai Perdana Menteri tidak berlaku, maka seluruh nescaya rantauan rangkaian kemelut politik tidak akanlah berlarutan sampai PRU yang ke 15. Itu semua dapat dielakkan kalau bukan langkah *Sheraton* Dato' Yang di-Pertua, lebih penting adalah pesanan terakhir oleh Yang di-Pertuan Agong kepada wakil-wakil rakyat jangan bersikap hanya nak menilik balas dan menanti pujian, sebaliknya jaga nama baik dan kehormatan Dewan Yang Mulia ini dan berkhidmat setulus hati bagi rakyat *put the people interest ahead before their personal interest for glory power and position*.

Yang itu yang kita lihat saya rasa pandangan Yang di-Pertuan Agong kita perlu mengikuti *we have to hit the advice* Yang di-Pertuan Agong dan dalam perkara ini saya percaya bahawa usul hari ini mencerminkan kehendak Yang di-Pertuan Agong untuk mendahulukan kepentingan rakyat, untuk menegakkan Perlembagaan Negeri kita, kemuliaan Dewan ini dan untuk mendirikan bagi rakyat-rakyat yang diketepikan selepas langkah *Sheraton all they could do was watch on the side line while this politician created total chaos in the whole country of Malaysia for their own benefit* hanya seolah-olah merampas kuasa *the people did not have their voice today* dalam Dewan Yang Mulia ini *we are giving the people the rakyat voice to decide and to repair* apa yang telah pun dilakukan. Saya menyokong sepenuhnya usul ini untuk memulihkan prinsip asas demokrasi pemilihan rakyat *the representative democracy* dan *accountability* wakil rakyat yang mengkhianati mandat rakyat seperti yang

termaktub dalam Perkara 14A Perlembagaan Negeri, dengan itu, saya pohon untuk setuju dan sepenuhnya usul yang dibawa hari ini, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tengah. Sila Yang Berhormat Sungai Aceh.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli bin Ibrahim):

(*Bacaan Doa*). Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua yang memberi ruang kepada saya untuk membahaskan usul yang telah dibentangkan sebentar tadi dengan tidak lain usul yang telah dibawa Kerajaan Negeri tentang pengosongan 4 kerusi iaitu Sungai Aceh, Seberang Jaya, Bertam dan juga Teluk Bahang tetapi sepatutnya hari ini membawa usul yang sepatutnya dibawa Kerajaan Negeri iaitu pindaan asal undang-undang Akta Lompat Parti selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan membawa semula kepada rentetan yang berlaku pada Jun 2020 awal Jun sewaktu saya dipanggil oleh Ketua Parti, saya ingin saya nukilkan supaya menjadi rekod dalam Dewan yang mulia ini kerana di luar sana, pelbagai persepsi dimainkan isu pemecatan saya sehingga dikatakan konon saya melompat parti. Saya telah menerima surat pecat daripada parti saya pada penghujung Jun 2020 yang telah ditandatangani oleh Setiausaha Agung Parti pada waktu itu bahkan ada antara yang dibincangkan soal kerjasama komponen PH oleh PKR di Pulau Pinang bahkan bukan menjadi rahsia ahli parti bahawasanya PKR sendiri curiga dengan keikhlasan rakan komponen dalam Pakatan Harapan sejak awal saya berada dalam Mesyuarat Perhubungan Negeri Keadilan yang diketuai oleh Dato' Mansor selaku Ketua Perhubungan Negeri ketika itu, bahkan bukan menjadi rahsia juga bahawa saya adalah orang Presiden Parti, yang Yang Berhormat Seberang Jaya pula adalah Timbalan Presiden.

Untuk makluman rakan-rakan dan juga mereka di luar sana, sewaktu saya berada di Pejabat Presiden sewaktu itu saya dipanggil di Bukit Gasing ada beberapa teguran-teguran yang saya bangkitkan di antaranya persoalan mengenai kenapa perlu diganggu pentadbiran Kerajaan sekarang sewaktu itu, kerana isu COVID yang mendepani bukan sahaja negara tetapi seluruh dunia yang menghadapi krisis itu, saya juga ditegur mengenai agihan peruntukan DUN Sungai Aceh kerana ada rombongan yang berjumpa Presiden oleh ahli parti sendiri di kawasan saya yang tidak berpuas hati kerana agihan penyaluran permohonan peruntukan bukan kepada ahli parti semata-mata tetapi kegunaan untuk masyarakat walaupun dia permohonan daripada Parti UMNO, PAS atau pun mereka-mereka NGO yang terlibat dengan parti lawan waktu itu kerana saya bukan setakat Ahli Dewan Undangan Negeri PKR tetapi saya juga Ahli Dewan Undangan Sungai Aceh sebab itu telah menjadi tanggungjawab saya, saya juga membuat teguran terhadap hubungan antara dua komponen parti di depan Presiden waktu itu setiap kali apa yang berlaku dalam Mesyuarat Perhubungan Negeri seperti yang saya jelaskan tadi bahkan seperti yang disebutkan oleh rakan saya daripada Yang Berhormat Pinang Tunggal bahawa saya berada di *Sheraton Move*, saya nak nyatakan di sini saya tidak ada pada waktu ketika kejadian di *Sheraton* waktu itu, bahkan mungkin disebabkan oleh itu juga saya telah dipecat oleh parti saya sendiri. Apakah mati ruang demokrasi dalam parti saya waktu itu? Saya tak dipanggil langsung untuk menyatakan apa kesalahan saya sebelum diambil tindakan baik

daripada Lembaga Disiplin bahkan saya tidak pernah menerima sebarang surat sama ada surat tunjuk sebab, surat diberi amaran atau pun digantung daripada parti. Tiba-tiba saya terima surat pecat pada penghujung tahun Jun 2020, apa salah saya? sedangkan saya berada dalam parti waktu itu dan menjadi urusetia, membantu Setiausaha Agung penaja waktu penubuhan parti pada 4hb April 1999 dan perasmian parti itu di Renaissance Hotel Kuala Lumpur waktu itu. Tapi amat malang sekali parti yang saya bina bersama-sama dengan rakan-rakan parti itu sepak keluar saya terajang daripada parti itu sendiri dan hari ini usul yang dibawa untuk mengosongkan kerusi Sungai Aceh, Seberang Jaya yang tidak setuju atau pun kritis dengan pimpinan parti.

Dato' Yang di-Pertua, apakah adil untuk pengundi-pengundi Sungai Aceh dan juga kawasan-kawasan kami paling pelik sekali ADUN Bertam dengan ADUN Teluk Bahang bertanding atas tiket Parti Keadilan Rakyat yang tidak tubuhkan lagi Pakatan Harapan waktu itu. Ahli BERSATU sampai hari ini Ahli BERSATU, bawa usul untuk kosongkan kerusi mereka bahkan disebut tadi oleh rakan-rakan kita bahawa enakmen ini undang-undang ini dibuat pada 8 Januari 2013. Lupakah dalam Dewan ini juga kita ada seorang wakil rakyat daripada Permatang Pasir yang lepas, yang waktu itu parti dia sendiri minta untuk keluar tidak bersama dengan Pakatan Rakyat dan akhirnya rakyat, Pakatan Rakyat *collapse* di peringkat Persekutuan dan juga di Negeri Pulau Pinang tetapi sebab mesra ADUN Permatang Pasir waktu itu dengan Kerajaan Negeri enakmen ini tidak terpakai pada mereka, pada pada beliau. *Double standard* ini saya katakan *double standard*.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Yang menguntungkan Kerajaan Negeri depa terima.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Zulkifli bin Ibrahim):

Sebab sokong tak ambil tindakan sebab tak sokong ambil tindakan Dato' Yang di-Pertua, saya merasakan cukup hairan kenapa usul ini dibawa tergesa-gesa memandangkan Air Putih sendiri tadi ada tahun lepas melalui media massa membangkitkan supaya Kerajaan Negeri mangambil pendekatan mempercepatkan pindaan khas selaras untuk sama perundangan di Negeri Pulau Pinang dengan peringkat Persekutuan walaupun ada rakan-rakan kata ini hak negeri ini hak apa ini yang dibangkitkan oleh Seberang Jaya tadi *double standard* tetapi hari ini seluruh rakyat di luar sana menyaksikan apa yang berlaku di Dewan yang mulia ini jangan la Dewan ini yang sepatutnya dijadikan Dewan perbincangan perbahasan yang memberikan manfaat kepada rakyat. Contohnya sepanjang daripada 2020 sampai ke sesi yang lepas saya membawa banyak usul berkaitan dengan masyarakat di kawasan Sungai Aceh bahkan harini jikalau dikatakan dikosongkan kerusi jangan kata petang ini pun dah tak boleh cop buku sekolah dah sampai setara itu nak buat. Sebab itulah bagi saya ruang demokrasi telah dimatikan secara tak langsung di dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Yang di Pertua, sebelum saya menutup perbahasan saya ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengundi-pengundi saya di DUN Sungai Aceh saya memohon ampun dan maaf sekiranya ada kekurangan sepanjang saya menjadi wakil rakyat di Sungai Aceh baik yang menyokong atau pun tidak .Terima kasih juga kepada Dato' Yang di-Pertua, seluruh rakan-rakan termasuk Ketua

Pembangkok dalam tempoh kurang daripada tiga (3) bulan lagi kemungkinan untuk cukup tempoh lima (5) tahun kita bersama di dalam Dewan ini, terima kasih juga Ketua-Ketua Jabatan, Agensi-Agensi serta seluruh kakitangan kerajaan daripada negeri dan juga persekutuan yang membantu dan memudahkan segala urusan dan permasalahan penduduk Sungai Acheh.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga ingin ingatkan kepada mereka serta pendokong-pendokong mereka yang mana ketika rakyat sehalu dengan mereka, oh! mereka ini pejuang mereka ini adalah wira tetapi taktala tidak sehaluan dah jadi pembangkang pun kami ini dikatakan khianat sedangkan yang khianat dengan rakyat yang munafik berjanji hari ini 102 hari, 7 jam 50 minit menang hari ini bukan sebulan bukan seminggu 24 jam turun harga minyak ini sebenarnya pengkhianatan kepada rakyat sebenarnya. Saya menolak tidak menyokong usul ini. Sekian Yang Berhormat Dato' Speaker *Insyallah* saya akan kembali lagi selepas ini. Terima Kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri

Terima kasih Sungai Acheh dan saya nak jemput ya Permatang Pasir, sila

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Terima kasih ya, Dato' Yang di-Pertua, Dato' Yang di-Pertua dan rakan-rakan yang saya hormati sekalian, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya berbahas tentang usul yang amat penting dalam kita mengendalikan sistem demokrasi dalam Negeri Pulau Pinang ini.

Dato' Yang di-Pertua saya menyokong usul ini memandangkan keempat-empat rakan-rakan kita ini *falls within the ambit of this* usul dengan Yang di-Pertua,...(dengan izin) di mana mereka menghujahkan hujah oleh Bertam dan juga Sungai Acheh tadi tentang dua keadaan, ada dua kumpulan dikalangan mereka ini iaitu kumpulan yang pertama mengatakan mereka dipecat dan yang kedua mengatakan mereka kekal dengan parti tetapi tidak keluar parti. Untuk kumpulan yang pertama Sungai Acheh dan juga Seberang Jaya, mereka dipecat tetapi kalau kita melihat kepada *provision 14A* Dato Yang di-Pertua, yang mengatakan tentang yang pertama "*having been elected has been candidates of the political party he designed or his expiled or see for any reason whatsoever to be a member of that party*". *The key words here* Dato Yang di-Pertua adalah "*see what for any reasons for whatsoever*". So apabila mereka diambil tindakan oleh parti mereka Keadilan ketika itu sama ada dipecat ataupun tidak tetapi *for whatever reason* mereka telah meninggalkan parti itu dan sekarang telah memilih untuk bersama dengan Parti Bersatu dan mereka berada didalam blok pembangkang hari ini dan sebab itu saya menghujahkan bahawa mereka berdua *fall within the embit for this* usul Dato' Yang di-Pertua dan kita juga mengambil maklum tentang keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Persekutuan yang mengatakan bahawa kami berpandangan ini keputusan ataupun rasional oleh CJ, *Chief Justice* kami berpandangan *respondent* iaitu Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang berhak membuat undang-undang itu untuk menentukan kelayakkan keahlian jadi apa yang kita nak bahaskan hari ini adalah bagaimana kita nak laksanakan undang-undang ini. Undang-undang ini telah diputuskan oleh mahkamah tertinggi *have being decided by the High Court*, Mahkamah tertinggi dalam negara kita bahawa ini adalah undang-undang yang sah dan tidak boleh dicabar lagi dan oleh itu apa yang kita lakukan hari ini usul untuk

mengosongkan kerusi-kerusi ini adalah cara untuk kita *execute* kan undang-undang ini. Ini secara langsung menjawab soalan yang diutarakan oleh rakan saya dari Seberang Jaya tadi yang menyatakan bahawa mahkamah tidak menentukan cara pelaksanaan.

Dato' Yang di-Pertua, apa yang diputuskan oleh mahkamah adalah persoalan undang-undang. Undang-undang telah dijawab bahawa Artikel 14A ini adalah sah apa yang kita bicarakan hari ini dalam Dewan yang mulia ini adalah bagaimana kita nak *exit* kan bagaimana kita nak *executed* kan undang-undang ini dan apabila usul ini dibawa dan itula cara untuk kita *executed* kan dan apa kita bahaskan hari ini apa yang kita putuskan sebentar nanti adalah cara bagaimana kita nak melaksanakan undang-undang ini dan saya juga ingin membawa perhatian Dewan ini kepada keputusan yang sama oleh Mahkamah Persekutuan yang mengatakan bahawa hak untuk menjadi anggota atau kekal sebagai anggota tidak dijamin mengikut Artikel 101C Perlembagaan Persekutuan. Keahlian ditentukan Pelembagaan atau Undang-Undang Tubuh Negeri. Keupayaan wakil rakyat menukar keahlian parti politik merupakan sebahagian daripada demokrasi berparlimen. Menukar keahlian juga tidak boleh meminggirkan watak rakyat biasa berhubung hak mereka untuk bebas berserikat.

Justeru ia boleh dilihat secara sah yang diluluskan oleh perundangan ini bermaksud bahawa status kita sebagai seorang wakil rakyat dan juga sebagai seorang pengundi biasa adalah berbeza kerana seorang wakil rakyat tanggungjawab hakikinya adalah di dalam Dewan yang mulia ini. Kita mempunyai satu tanggungjawab yang khusus sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri untuk memastikan sistem demokrasi itu berjalan dengan baik dan lancar dan dihormati oleh rakyat secara keseluruhannya. Apabila kita menjadi wakil rakyat, kita terikat dengan Dewan ini kita bukan menjadi sebagai pengundi biasa diluar sana tetapi kita masuk pilihan raya masuk bertanding pada 2018 kita masuk sebagai ahli parti dan dalam Perlembagaan dan Tubuh Negeri Dato' Yang di-Pertua Artikel 14A ini juga ia tidak bercanggah dengan Artikel 49A Perlembagaan Persekutuan. Ini adalah kerana *up words* yang digunakan adalah berbeza dalam Artikel 14A Tubuh Negeri Pulau Pinang ia tidak menyatakan tentang keadaan di mana parti itu bertukar haluan, bertukar blok di dalam Artikel 49A ia dinyatakan secara jelas tetapi dalam Undang-Undang Tubuh Negeri Pulau Pinang ia tidak dinyatakan secara jelas. Jadi apa yang kita perlu lakukan hari ini adalah untuk menafsirkan undang-undang ini secara *purposive approach*. Dalam undang-undang Dato' Yang di-Pertua kita ada (2) dua cara bagaimana kita nak menafsirkan satu undang-undang satu *little approach*, satu *purposive approach* dalam *purposive approach* kita melihat kepada peruntukan undang-undang ini untuk mengelakkan berlakunya pertukaran kerajaan mengelak berlakunya pertukaran parti politik kepada blok pemerintah kepada blok pembangkang sehingga boleh menjatuhkan kerajaan tetapi *alhamdulillah* walaupun di Pulau Pinang ini kesan apabila kerajaan itu terjaga *has been preserved* kerana kekuatan kita di pihak pemerintah tetapi *high temporarily... (gangguan)*.

Ahli Kawasan Bukit Tengah: (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Boleh tambah sikit. Boleh mendapat penjelasan. Permatang Pasir saya tertarik dengan isu percanggahan ini Artikel 14A dengan Artikel 49A Perlembagaan Persekutuan saya rujuk kepada kes Mahkamah Persekutuan *Supreme Court Abdul Karim, Abdul Ghani* lawan Dewan Undangan Negeri Sabah ini kes 1988. Apakah

pandangan *it's logic* pada masa itu Hashim Yeok Sani yang menyatakan bahawa "*There is no doubt in my mind that subject of this qualification of a member of the federal Parliament is the federal subject* tetapi apa yang penting adalah susulan daripada itu *the subject of this qualification of the member of the legislative assembly of the state is a state subject.*" Apa pandangan Dato Permatang Pasir?

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bukit Tengah yang telahpun diputuskan di dalam mahkamah itu tidak perlulah berulang alik di Dewan ini lah semua sudah tahu 14A tidak bercanggah.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Saya percaya tahu Dato Yang di-Pertua tahu dan rakan-rakan saya tahu kecuali Seberang Jaya tadi kurang arif jadi saya nak terangkan secara secara *intellectual intelligent* bagaimana undang-undang ini ditafsir dan dibaca.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Masalah dia Yang Berhormat. Masalah dia Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pasir kita bicara sini soal *the prinsip very essence of democracy*. Semua kita dalam Dewan ini dipilih oleh rakyat. Yang Berhormat Permatang Pasir tak pilih saya. Yang Berhormat Pinang Tunggul tak pilih saya. Yang Berhormat Padang Kota tak pilih saya. Yang pilih saya orang Seberang Jaya yang berhak untuk menentukan sama ada saya masih ada di sini atau pun tidak adalah orang Seberang Jaya itu yang pertama ia ini ini asas dia ini asas demokrasi apa...(gangguan) eh! dengar dulu cuma bila Yang Berhormat bangkitkan tentang mahkamah apa semula ini okey la *subject matter* ini Yang Berhormat Datok Keramat, Permatang Pasir, Bukit Tengah semua *lawyer* saya tahu saya bukan *lawyer* saya doktor tetapi dalam masa yang sama tidak kah kita ada prinsip-prinsip asas seperti yang mana *all man are equal of the law*. Semua orang adalah patutnya tidak ada istilah *double standard* sebab tadi Yang Berhormat pun sebut bahawa undang-undang Artikel 14A ini longgar tidak memberi definasi tertentu sebagai contoh definasi *of involuntary expulsion* tidak diberi. Yang Berhormat bangkitkan tentang definisi parti tidak diberi dan benda ini sedang akan dibincangkan di dalam *court of appeal* sedang dibawa. Betul Artikel 14A secara asasnya Kerajaan Negeri mempunyai hak Dewan mempunyai hak untuk membuat undang-undangnya sendiri dan tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan itu kita semua setuju kita terima tetapi konten undang-undang itu sebab itu tadi Yang Berhormat Sungai Acheh tadi bangkitkan tentang kenapa pada tahun 2015, tadi Yang Berhormat Datok Keramat mengingatkan kita 8 Januari 2013 akta lompat parti disahkan diwartakan di Negeri Pulau Pinang. Ketika itu Pakatan Rakyat *collapse* kita ada Ahli Dewan Permatang Pasir ketika itu daripada PAS yang tidak bersama dalam gabungan *coalition* politik ini ketika itu tetapi kenapa kita tidak *execute* atas sebab lompat parti ketika itu? Kerana Kerajaan Negeri tidak membawa sebarang usul saya berada dalam Kerajaan Negeri ketika itu tidak membawa sebarang usul ketika itu dak dengar dulu...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Itu dah lama dah lama...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Sepatutnya sepatutnya kalau kita guna prinsip yang sama benda itu sudah terpakai pada tahun 2015 bukan soal Sheraton tak Sheraton...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Okey, okey Dato Yang di-Pertua.....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Seberang Jaya tak percaya ..(gangguan)...(*tidak jelas, gangguan oleh beberapa orang ADUN*)

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seberang Jaya tolong duduk bagi laluan, Seberang Jaya

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Seberang Jaya saja nak mengelirukan Dewan...(gangguan). Seberang Jaya saja nak mengelirukan..

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB Muhammad Faiz bin Fadzil):

Saya tak sebut arif tak arif. Saya cuma nak perjelaskan tentang undang-undang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB Dr. Afiff bin Bahardin):

Yang Berhormat perlu tahu bahawa keadilan ni perlu diletakkan pada tempatnya. Keadilan ini bukannya ikut suka rasa nafsu kita.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup Seberang Jaya. Permatang Pasir sambung.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB Muhammad Faiz bin Fadzil):

Ini keadilan yang kita nak letakkan YB. Dato' Yang di-Pertua. Apabila kita bertanding menjadi ADUN atas tiket parti kita, kita keluar daripada parti *for whatever reason*, dipecat atau sebagainya, tapi kita telah *join* parti lain. *Unless you, unless* Seberang Jaya kekal sebagai ADUN bebas.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB Dr. Afiff bin Bahardin):

Yang Berhormat dulu parti mana Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB Muhammad Faiz bin Fadzil):

Saya ketika saya menyertai Parti Amanah, saya bukan sebagai wakil rakyat...(gangguan). Saya bukan wakil rakyat ketika itu. Sebab itu Tengku Maimon membuat keputusan bahawa status wakil rakyat dengan pengundi berbeza. (gangguan). Saya nak menjawab sedikit daripada Seberang Jaya tadi. Saya tidak mengatakan bahawa Artikel 14A, Perlembagaan Negeri longgar atau tidak, tapi bersifat *inclusive because the word use whatsoever, for any reason whatsoever* yang bermaksud *inclusive* merangkumi semua perkara termasuk kepada Telok Bahang dan juga rakan saya di Bertam yang mana parti mereka keluar daripada blok asal dan *word whatsoever itu inclusive* dan inilah saya hujahkan tadi bahawa keempat-empat mereka *falls within the ambit of this motion*, Dato' Yang di-Pertua.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB Muhammad Faiz bin Fadzil):

Jadi saya menyokong usul ini supaya satu tindakan diambil kerana apa Dato' Yang di-Pertua, kerana kita perlu tunjukkan kepada rakyat disana *we are serious about this move*. Kita ada undang-undang dan bila ada undang-undang *this must be sanctioned*. Setiap undang-undang mesti ada, *consequence* dia, kesan dia. Jadi kesan dia apa? Kita tidak akan membiarkan keadaan ini berlarutan. Ooo.. kita buat undang-undang, kita pinda undang-undang, kita ceramah sana sini, kita berbicara diluar tentang tidak boleh lompat parti dan sebagainya tapi apabila tindakan lompat parti oleh mana-mana ADUN, mana-mana Wakil Rakyat di dalam negara ini tidak ada tindakan. Ini tidak boleh. Kita mesti menunjukkan keseriusan kita, ketelusan kita, keikhlasan kita kepada rakyat bahawa *we are serious with this law* dan kita dengan itu saya mohon untuk menyokong usul ini. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila. Ya, Bagan Dalam dulu. Ya.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB Satees a/I Muniandy):

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Saya tidak akan mengambil 10 minit seperti yang diberikan. Saya akan habiskan...(gangguan) ringkaskan, sebab sudah ada pakar-pakar undang-undang yang sudah mengulas. Seberang Jaya, saya sokong usul...(gangguan), Seberang Jaya dia saja nak ganggu semua, mungkin dia nak dikeluarkan oleh Dato' Speaker sebelum kita luluskan usul ini. Okey, lepas ni dia tak kacau la. Okey Dato' Yang di-Pertua, saya berdiri di sini untuk menyokong usul ini, saya tidak mahu pergi dan melihat dalam usul, aspek undang-undang, tetapi apa

hujahan daripada rakan-rakan saya, saya pun sedih la, hari ini rakan yang kita macam, Sungai Aceh dia pernah jadi Ahli Majlis bersama saya, Bertam dia jiran saya, Seberang Jaya dia jiran yang paling dekat, *my border* DUN.

Dato' Yang di-Pertua, hujah atau pun alasan mereka adalah kononnya daripada Bertam sendiri dia nyatakan saya tak lompat parti tapi parti saya keluar daripada gabungan dan tujuan usul ini adalah untuk menghukum sesiapa yang telah mengkhianati mandat rakyat, kalau itu bermakna kerusi Bersatu itu akan dikosongkan kita patut buat itu, Parti Bersatu yang dihukum sekarang, bukannya rakan saya daripada Bertam, perkara yang terhormat yang perlu dibuat oleh Bertam ataupun Telok Bahang pada masa itu adalah mengisytiharkan mereka mengosongkan kerusi ini kerana mendokong ataupun menghormati mandat rakyat yang telah mengundi Pakatan Rakyat pada 5hb, 9hb Mei 2018. Mereka tak buat itu. Mereka pegang kepada kerusi yang dimenang bahawa panji PKR itu, panji Pakatan Harapan itu sehinggalah ke saat ini dan mereka menyatakan kami tak keluar parti, kami tak keluar parti tetapi gabungan Pakatan Harapan itu dipecahkan oleh Parti BERSATU itu sendiri, pemimpin mereka sendiri dan rakan-rakan saya daripada Seberang Jaya, Sungai Aceh pula mereka nyatakan, "ooo kami tak keluar, kami tak keluar, kami dipecat". Rakan saya dari Sungai Aceh tadi dia kata masa *Sheraton*, saya tidak ada di *Sheraton* bermaksud dia setuju la. Seberang Jaya ada di *Sheraton*, boleh dipecat. Itu soalan saya... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB Zulkifli bin Ibrahim):

Yang Berhormat Bagan Dalam, maksud saya, saya menjawab tuduhan daripada Pinang Tunggal tadi...(gangguan). Ya, memang saya tidak ada di *Sheraton*. Boleh sahkan dengan Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB Satees a/l Muniandy):

So Seberang Jaya ada di *Sheraton*?

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB Zulkifli bin Ibrahim):

Saya tak tau....(gangguan). Tapi bagi diri saya memang, saya tidak ada di *Sheraton*.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB Satees a/l Muniandy):

Ada di *Sheraton*? Ada-ada. So, Dato' Yang di-Pertua, saya nak(gangguan), saya nak ucap di sini, *what is the intention of the law, intention of the law is to punish those who jump ship from the political party or political coalition* and saya rasa ini adalah satu usul yang lambat sebenarnya. Kita pada masa kita nak usulkan pada awal dulu mereka nyatakan jangan susahkan rakyat dengan pilihanraya kecil, kalau tak, Kerajaan Negeri dah buat awal-awal lagi, ok kita pun tidak mahu susahkan rakyat dengan pilihanraya kecil. Lepas itu kita nak bawa usul mereka lari ke mahkamah, dapatkan injunksi terhadap Speaker sendiri. *Okay. You walk or you run, is same. You when to the court to stop the usul*. Sekarang bila semua halangan itu sudah dipecah mereka kata ooo ini zalim. Apa yang zalim? Mereka menang dibawah satu gabungan

Pakatan Harapan dan mereka keluar daripada Pakatan Harapan perlulah terima padahnya. *If my friend from Bertam say, "no it's not fair to me", yes, it's not fair for you. But your party decided to come out of the Pakatan Harapan and you have to pay the price.* Kalau betul rakan saya dari Bertam berprinsip demokrasi sepatutnya cara terhormat rakan saya dari Bertam dan Telok Bahang patut letak jawatan haritu. Nyatakan *let us go and seat the mandate of the people again.* Itu perkara terhormat yang patut dibuat oleh Bertam dan juga Telok Bahang. Ini adalah pesanan saya dan Dato' Speaker, saya tidak mengambil masa yang lama saya menyokong usul ini. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Baik, terima kasih. Saya menjemput Yang Berhormat Zol.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly bin Md Lazim):

Assalamualaikum W.B.T. Dato' Speaker, Ketua Menteri dan semua yang hadir pada hari ini. Pertama saya ucapkan tahniah kepada kemenangan Perikatan Nasional yang besar di Malaysia atas sebab menyanggah hoi ya hoi. Ini yang berlaku dan hari ini sekali lagi kami ditipu di dalam Dewan ini apabila dituduh parti yang kami tubuh lewat sedangkan tarikh penubuhan parti itu telahpun dinyatakan dan boleh di *Google* di mana-mana. Sebab itu saya katakan hujah yang digunakan untuk menolak kami daripada Dewan Undangan Negeri ini adalah hujah untuk mematikan suara pembangkang *check and balance* disini. Sebab itu saya katakan tadi, Yang Berhormat Bertam telahpun nyatakan bahawa saya bertanding, kami bertanding atas Parti BERSATU menggunakan logo PKR yang tak belum berdaftar Pakatan Harapan. Pakatan Harapan didaftarkan selepas daripada pilihanraya, jadi tidak ada keahlian di sana dan juga tidak ada satu kesepakatan bahawa kita bertanding itu atas Pakatan Harapan. Jadi hari ini kami dipaksa untuk mengaku bahawa penipuan bahawa Pakatan Harapan tu ada pada masa tu. Ini satu penipuan.

Sebab itu "Hoi ya Hoi" ni berjangkit sampai ke Dewan Undangan Negeri pada hari ini. Saya lihat seolah-olah sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang dipilih oleh rakyat di DUN Telok Bahang N40 itu dipaksa untuk tidak menyanggah ataupun membangkang apa saja kerja kerja yang dibuat oleh Kerajaan DAP dan campuran yang berlaku. Dan saya rasa ini tidak adil kepada rakyat yang memilih dan mengundi kami dibawah sana. Ini boleh dibuktikan apabila rakyat menolak apabila kita tidak menunaikan janji seperti pilihanraya kecil di Melaka, itulah saya kata kalau hari ini pun boleh di adakan pilihanraya kecil, kalau undang-undang ini boleh dibuat bercanggah dengan persekutuan saya cabar Dewan Undangan Negeri ini, Parti DAP memerintah Pulau Pinang buat satu usul setiap *election* untuk N40 satu sahaja, kita tengok rakyat pilih siapa. Kita tengok rakyat pilih siapa hari ini. Ataupun macam takut.... (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Dato' Speaker, ini mengelirukan Dewan. Kita ada N40 sahaja. Mana ada N41....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly bin Md Lazim):

Tadi pagi tak korek telinga. 40 dengan 41 dia tak dengar. 41 Medan Indonesia belakang. Tak dak habislah...(gangguan). Sebab itu saya katakan Parti BERSATU yang didaftarkan pada tahun 2017 itu adalah parti yang sah yang diakui dan diterima oleh rakyat Malaysia dan dia telah dibuktikan dalam beberapa pilihan raya dan yang terakhir ini kita telah bergabung dalam Perikatan Nasional dan telah membuktikan kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa Parti BERSATU ini adalah parti politik yang berdaftar mempunyai ahli dan kami adalah ahli di sana. Sebab itu jangan tipu bahawa kami bukan Ahli BERSATU. "Hoi ya Hoi" ini tak boleh diguna dalam semua tempat, jadi itu sebab saya kata dalam PRU-14 itu kita semua bertanding atas tiket wakil rakyat masing-masing menggunakan lambang tetapi apabila sesuatu keadaan memaksa meninggalkan *coalition* atau pun gabungan itu kita tinggalkan. Mana mungkin kerajaan itu kuat hanya dengan satu makan malam di Sheraton boleh tumbang. Kalau nak salahkan Sheraton, Sheraton bukan buat pun makan malam ja saya perasan. Tapi dengan makan malam Sheraton kerajaan boleh tumbang. Ini satu kelemahan kerajaan sebab kerajaan lemah ini perlu ditegur. Hari ini kita berada di sini...(gangguan)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Kelemahan pemimpin BERSATU yang mengetuai kerajaan pada masa itu. Perdana Menteri daripada BERSATU yang mengetuai kerajaan pada masa itu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly bin Md Lazim):

Tapi semua Kalah, dalam pilihanraya negeri pun kalah. Siapa yang lemah? Di Melaka pun kalah, di Johor pun kalah....(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Muhyiddin pun kalah. Tak jadi Perdana Menteri.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly bin Md Lazim):

Dia menang. Di Pagoh dia menang.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Dia menang di Pagoh tapi tak jadi Perdana Menteri kalah jugalah tu.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly bin Md Lazim):

Kita tunggu. Kita tunggu bila rakyat menghukum hoi ya hoi. Kita akan tengok nanti. Apabila itu jangan...(gangguan). Jadi saya harap bahawa Undang-Undang 14A ini memanglah kita kata disahkan di sini. Tapi oleh kerana undang-undang ini telah cuba telah digunakan untuk mematikan demokrasi, apabila rujukan yang kita sebut tadi pernah berlaku DUN Permatang Pasir, ADUN daripada PAS, PAS keluar daripada

collition yang dikatakan Pakatan Rakyat dia tidak dikeluarkan pada Dewan, ini *double-standard*.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Telok Bahang, penjelasan-penjelasan, pada masa itu ada tak Dato' Salleh Man yang menjadi ADUN Permatang Pasir dipecat oleh PAS. soalan saya ada tak dia pernah dipecat oleh PAS?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify bin Md Lazim):

Adakah parti PAS itu masih dalam Pakatan Rakyat? Kamu faham tak?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Kalau kata dia keluar, adakah dia dipecat?...(gangguan)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify bin Md Lazim):

Ni kamu bahas 14A...(gangguan)

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afiff bin Bahardin):

Samalah Yang Berhormat, Telok Bahang dengan Bertam tak kena pecat pun dengan BERSATU. Okey. Paham dak?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify bin Md Lazim):

Ha. Rekod sebagai saya punya ucapan di situ. Bahawa kita tidak pernah keluar parti. Sebab itu saya kata, pindaan Perlembagaan Persekutuan (A 1663) Akta Lompat Parti ini adalah akta yang dibuat, dipersetujui ada juga Ahli Parlimen yang berada di Dewan ini. Tapi disana dipersetujui bahawa pecat parti tidak terlibat, dalam Akta Lompat Parti. Tapi di sini terlibat, ini saya kata tidak adil dan juga satu benda *double-standard* yang sedang berlaku dan dilakukan oleh ahli-ahli politik yang mencemarkan Dewan ini. Sebab ada benda dia buat dia kuatkuasa, ada benda ada tak kuatkuasa. Hoi ya hoi memang macam tu la. Kalau dia menyanyi, tapi dia tidak buat... (gangguan). Jadi saya harap bahawa Akta Lompat Parti yang ada di Pulau Pinang kami telah cuba untuk menghantar usul daripada cadangan kita kepada Ketua Pembangkang baru. Tu pun saya hairan kenapa sekarang di Kuala Lumpur dengan di Pulau Pinang tak sama *coalition* berbeza Itu pun satu lagi "Hoi ya Hoi". Sana cakap lain, sini cakap lain. Sepatutnya kita usulkan untuk pinda supaya Undang-Undang 14A ini selari dengan Persekutuan. Tapi usul ini ditolak.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Mohon penjelasan Telok Bahang. Mohon izinkan. Saya tertarik dengan lagu hoi ya hoi tu. Minta penjelasan tentang beberapa siri pendakwaan terhadap beberapa pemimpin BERSATU hari ini. Termasuk Ahli Parlimen Tasek Gelugor dan yang akan

datang beberapa lagi Ahli Parlimen yang tidak akan saya dedahkan, cuma nak minta pendapat adakah “Hoi ya Hoi” terpakai kepada Parti BERSATU. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly bin Md Lazim):

“Hoi ya Hoi” dinyanyikan kepada Timbalan Perdana Menteri, kepada Perdana Menteri, bukan pada orang yang tak ada Wakil Rakyat pada masa itu.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Double standard la. *Double standard* sebab satu juga didakwa dicalaj dimahkamah atas pertuduhan rasuah, jadi ia juga....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli bin Ibrahim):

...dia tak lantik yang mana ada kes mahkamah. Ini persoalannya...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

... Pembangkang tidak dilantik, sebab nak dilantik macam mana? Yang dilantik ni kalau belah kerajaan...(gangguan), BERSATU pembangkang. Pembangkang macam mana nak dilantik?...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly bin Md Lazim):

Saya bagi peluang supaya dia paham lagu “Hoi Ya Hoi “tu. Lagu “Hoi ya Hoi” tu kepada orang yang berjawatan. Haa. lagu bagus. Sedap....(gangguan)

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Lagu tu untuk BERSATU

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly bin Md Lazim):

Aaa.. bagus sedap lagu...(gangguan). Ia disampaikan pada orang yang berjawatan. Rasuah ini berlaku pada orang yang mengubah dengan kuasa tadi, orang yang kena tuduh ni cuba diconteng arang sebab dia tak ada wakil rakyat dan Perdana Menteri pun bukan daripada parti dia, Parti BERSATU masa dia sedekah derma pada dia....(gangguan).

Ahli Kawasan Batu Maung (YB. Dato’ Haji Abdul Halim bin Haji Hussain):

Bukan lompat si katak lompat?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify bin Md Lazim):

Lompat si katak lompat tu macam hoi ya hoi laaa....sama lagu lompat si katak lompat tu macam lagu hoi ya hoi...jadi kita berharap bahawa Dewan yang mulia ini kena faham jangan *double standard* lagi pun pilihanraya nak dekat dah,...(gangguan)

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Minta penjelasan sikitlah Teluk Bahang saya *just* nak tahu cakap banyak-banyak tentang *double standard* dan semua itu bukannya Telok Bahang pun pernah bertanding atas tiket PAS pada masa dahulu sekarang pulak *under* BERSATU? pernah lompat pun, *is not the 1st time*....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify bin Md Lazim):

Dalam dewan ni ada berapa orang yang satu Parti? belakang saya tak ada satu Parti depan saya tak ada satu Parti, banyak Parti lompat juga. Ini bukan masalah kita lompat Parti,...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Biar yang satu Parti untuk uruskan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Jangan normalisasikan lompat parti ini,..(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify bin Md Lazim):

Jangan menghina orang memilih parti yang lain-lain...sebab dia ada keputusan dia sendiri untuk pilih parti sebab tu kita sokong Perlembagaan Persekutuan 10A itu, 10 (1) itu memberi kebebasan kepada orang untuk memilih parti, sebab itu benda tu perlu dipertahankan jadi Undang-Undang Negeri ini dah kita lulus tapi kita gunakan untuk matikan demokrasi jadi saya harap, saya mohon lah supaya apa Dewan ini....(gangguan)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Dato' Yang Di-Pertua saya minta tarik balik matikan demokrasi itu sangkaan jahat. Dia kata kita buat usul untuk matikan demokrasi ini sangkaan jahat...(gangguan)

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkify bin Md Lazim):

Undang-undang ini tadi kata pakai tafsir, sebab dia longgar dia mentafsirkan bila bangkang keluar, saya pergi negeri China sama juga ada satu parti ja....(gangguan)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Kita tak minta PAS kosongkan kerusi pun (gangguan) ini sangkaan jahat Dato' Yang di-Pertua minta dia kena tarik balik dia kata matikan demokrasi...(gangguan), ini Dewan yang....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup, cukup, cukup habiskan, habiskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Zolkifly bin Md Lazim):

Saya harap bahawa kita minta supaya hoi ya hoi yang dinyanyikan tu mai kita menyanyi di Dewan Undangan Negeri N40 kalau boleh buat Undang-undang bercanggah dengan Persekutuan kita pinda minta SPR buat Pilihan Raya di N40 saya cabar, kita tengok mandat rakyat kepada parti mana, ini yang penting, dengan itu saya menolak usul pada hari ini, sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat saya sekali lagi nak tegas kalau bahas dengan baik saya izinkan tapi hujah yang telah pun berulang-alik tu pendek kan, sila saya minta Pulau Tikus dulu.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit)

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, untuk memberi saya satu peluang untuk membahaskan usul ini saya ingin mengingatkan kepada semua di sini bahawa Pulau Pinang perlu jadi satu contoh kepada bukan sahaja kepada negeri-negeri lain tetapi seluruh negara, apakah prinsip demokrasi dan prinsip demokrasi itu adalah yang demokrasi yang juga berdisiplin dan jangan mengkhianati mandat rakyat ini adalah penting sebab kalau kita berada di pergi keluar dan menanya soalan sebelum PRU yang lepas, selepas langkah Sheraton yang telah berlaku banyak telah hilang kepercayaan terhadap sistem demokrasi kita kerana walaupun mereka memilih satu parti untuk memerintah negara, macam itu saja boleh tumbang boleh tukar kerajaan macam itu, itu bukan sesuatu prinsip yang kita mengamalkan di Pulau Pinang terutamanya di Pulau Pinang, (gangguan) Baru *start* cakap saja sabarlah, nanti bahas lah...(gangguan), baru *start* belum masuk *point* lagi...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Yang Berhormat cakap pasal sebelum Pilihan Raya dengan selepas Pilihan Raya. Sebelum Pilihan Raya saya yakin Yang Berhormat Pulau Tikus kempen seluruh negara panggil penyamun, penyangak, hari ini macam ni Yang Berhormat (gangguan) DAP dengan Barisan Nasional yang dipimpin oleh Zahid Hamidi sebahagian daripada Kerajaan yang mana sebelum Pilihan Raya Umum 15 tak ada siapa pun fikir benda ini ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Terima kasih saya meneruskan, apabila Kerajaan Persekutuan masa itu tumbang bukan sahaja Kerajaan Persekutuan tetapi malah Negeri Melaka, Perak, Johor, Kedah juga semua pun tumbang so saya kita boleh melihat kesan apa pengkhianatan politik ini telah memberikan seluruh negara dan ini adalah sesuatu yang kita mesti memperkasakan, memperkasakan sistem demokrasi kita dan juga memperkasakan pilihan rakyat. Tetapi kalau kita tak, kita tak melaksanakan usul ini memang kehilangan kepercayaan, walaupun banyak orang boleh melihat rakyat boleh melihat bahawa kita ada undang-undang ini tetapi tidak menguatkuasakan. So oleh itu saya amat menyokong usul ini boleh melihat di seluruh dunia bukan sahaja di Malaysia yang ada Akta Anti Lompat Parti ini sebab boleh melihat jiran kita di Singapura memang ada dah lama dah bukan saja dekat India pun ada sistem demokrasi berparlimen ini bukan sesuatu yang baru, UK pun boleh melihat banyak penukaran kerajaan dan orang UK memang *fed up with politic also* dekat sana sebab *that's is the reason* kita mesti *make them believe in our politic again and the only way we can make them believe our politics again* dengan izin *is to empower the rakyat through this anti party hopping act*.

Point utama itu jangan mengkhianati kehendak rakyat, rakyat bukan sahaja memilih wakil rakyat pada masa itu, mereka memilih satu kerajaan mengikut parti politik, wakil rakyat tertentu itu, bukan sahaja memilih individu-individu pada masa itu boleh tanya kat luar apabila seorang memilih mereka lihat parti atau nama itu kebanyakan pun tak cam nama itu siapa tetapi mereka memilih kerana mereka adalah calon sesuatu parti dan mereka mahu penubuhan kerajaan oleh parti itu pada masa PRU-14 yang PRN ke-14 pada masa itu pada masa yang sama mereka telah memilih Pakatan Harapan untuk memerintah bukan sahaja di kerajaan Negeri Pulau Pinang tetapi Kerajaan Persekutuan. Oleh itu integriti itu adalah penting dan saya juga ingat bahawa Yang Berhormat Seberang Jaya yang mengundi untuk Akta ini pada masa dahulu apabila Yang Berhormat Seberang Jaya adalah EXCO.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Yang Berhormat saya minta maaf saya masuk 2013, Mei, Undang-Undang ini 2012.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Okey, okey saya tarik balik itu sorry *my mistake* tetapi apa yang *point* itu adalah *so after that he sat on the same government* lah dia tak pernah protes ada undang-undang ini kan dalam Perlembagaan Negeri kita, dia protes lepas dia keluarlah. Dan memang mandat rakyat 2018 boleh telah dikhianati pada pada masa itu begitu sahaja dan rakyat pada masa itu hilang kepercayaan terhadap ini. Oleh itu kita mesti mengguna tindakan ini sebagai satu pengajaran kepada ahli-ahli politik di seluruh negara bukan sahaja di Pulau Pinang di seluruh negara. *This is an example we make this an example so we tell* dengan izin *we go out there and tell everyone you continue doing this and we together with the people were teach you a lesson you will never forget*. So oleh itu kami rakyat Pulau Pinang juga tak mahu politik toksik Perikatan Nasional di negeri kita, lihat sahaja politik PN dekat Kedah sudah cukup, status Pulau Pinang sebagai satu sebuah negeri dalam Persekutuan Malaysia adalah jelas tapi MB Kedah boleh persoalkan lagi.

Ini adalah politik toksik yang kita tak perlukan, kita tak mahu di negeri kita dan sebagai penutupan saya nak cakap macam ini sahaja kalau PN nak membawa politik toksik mereka ke negeri kita rakyat Pulau Pinang telah bersedia untuk bangkit untuk Pulau Pinang dan mempertahankan diri daripada(gangguan)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

Yang Berhormat kita tunggu dan lihat, kita tunggu dan lihat PRN ke 15, *you wait and see!*, you wait and see!

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit)

We are not scared, we are not scared...just simple...(gangguan). Simple, very simple don't sing it, just bring it...(gangguan)

Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab bin Mohd Ishaq):

We would bring it on!... We would bring it on!...

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasihlah, Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya nak masuk ke sesi penggulungan saya nak bagi dua lagi, Seberang Jaya, sila.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Terima kasih Dato' Speaker. Hari ini saya mengambil peluang untuk terlibat sama dalam perbahasan usul ini kerana ianya melibatkan soal saya dan juga Teluk Bahang, Bertam dan Sungai Acheh yang mana hari ini saya ingin *recap* sedikit bagaimana saya mula-mula berada di Dewan ini. Tahun 2013 saya dipilih oleh orang Seberang Jaya ketika itu untuk mewakili DUN Seberang Jaya dan dilantik sebagai EXCO Kerajaan Negeri pada ketika itu. *Alhamdulillah* dalam tempoh hampir menjelang tahun ke-10 ini pelbagai perkara dan juga perubahan telah saya laksanakan atas amanah saya sebagai wakil rakyat di Seberang Jaya. Kita bina pasar baru, kita buat stadium mini Permatang Rawa, kita cat semula rumah-rumah, kita naik taraf taman-taman dan ini semua saya lakukan atas kesedaran bahawa saya dipilih oleh orang Seberang Jaya maka tanggungjawab saya untuk kembalikan balik khidmat saya kepada orang Seberang Jaya.

Hari ini saya berdiri di hadapan rakan-rakan saya yang ada di hadapan ini, yang mana kita semua juga dipilih oleh rakyat, yang mana hari ini saya tidak ingin membicarakan soal sama ada selepas usul ini diluluskan gugur atau tidak, status saya sebagai ADUN itu tidak penting yang lebih penting adalah tentang undang-undang yang sedang kita bahaskan ini kerana undang-undang ini telah terbukti kalau dibicarakan, diformalkan, dibahaskan masih ada banyak ruang-ruang lompong yang perlu diperbaiki, sebab itu saya tidak pernah mengatakan baru saya menolak Akta Lompat Parti. Sebab tu saya tak protes bukan soal protes atau tak protes tetapi Akta Lompat Parti Negeri Pulau Pinang pertamanya adalah undang-undang yang lemah ia tidak memberi kuasa kepada Speaker, ia tidak memberi kuasa kepada

Dewan ini untuk menentukan apabila berlaku proses apa yang dipanggil insiden lompat parti... (gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Pagi tadi pun saya bagi banyak peluang kepada menjawab panggilan saya sikit saja, sikit saja sikit....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Belum habis, sekejap. Sebab itu saya kata ianya undang-undang yang lemah undang-undang yang tidak lagi boleh terpakai pada saya walaupun mahkamah telah membuat keputusan tetapi masih ada ruang-ruang perlu diperbaiki ada kelemahan kerana ada prinsip-prinsip *equality*, prinsip *fairless*, keadilan prinsip *freedom of speech*, *freedom of association* tidak dilindungi oleh Undang-Undang Akta Lompat Parti 14A Pulau Pinang dan lebih malang, kenapa kita bangkitkan soal *double standard* sebab kita sudah ada akta di peringkat Parlimen, akta di peringkat Parlimen menyebut dengan jelas *expulsion involuntary expulsion* tidak dikira sebagai lompat parti ini terkait saya dengan Yang Berhormat Sungai Acheh dalam masa yang sama Yang Berhormat Bertam, Teluk Bahang juga terlibat sama kerana apa saya cakap begitu kerana kalau kita ingat apabila berlaku yang dipanggil langkah Sheraton tahun 2020 benda itu berlaku sekitar bulan Februari kemudian kita ada Sidang Dewan sekitar bulan Mei atau bulan Jun, saya selepas saya meletakkan jawatan sebagai EXCO Kerajaan Negeri diminta oleh Y.A.B. Ketua Menteri Padang Kota pada ketika itu saya letak jawatan, saya serahkan jawatan saya balik kepada Ketua Menteri dan juga kepada Kerajaan Negeri dan saya Yang Berhormat Sungai Acheh, Yang Berhormat Bertam dan Teluk Bahang kami duduk sebagai *backbencher* kami tidak duduk sebagai pembangkang *straight away*, kami duduk sebagai *backbencher* kerana ketika itu tidak ada langsung istilah kami keluar parti atau keluar daripada mana-mana parti politik.

Selepas hari raya barulah kami dimaklumkan melalui media, sidang media yang mana Kerajaan Negeri menarik balik status kami sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri mewakili kerajaan, barulah kami duduk di peringkat pembangkang, yang buat ini semua adalah kerajaan, kami tak buat apa kami duduk diam ketika itu COVID, kami angkat plastik pergi bagi makan pada orang susah, orang yang kena kuarantin, kami sedang menguruskan soal pandemik ketika itu di kawasan kami masing-masing, menguruskan bantuan, menguruskan soal vaksin menguruskan orang yang mati dalam rumah tak ada siapa pungut, itu yang kami sedang lakukan sebagai wakil rakyat ketika itu, tetapi Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk pecat kami daripada menjadi Ahli Dewan Undangan Kerajaan. Tak cukup di situ nak dibawa usul dalam Dewan untuk mengosongkan kerusi kami usul dibawa oleh Yang Berhormat Pinang Tunggal. Saya hairan benda sebesar ini, usul sebesar ini, yang menentukan hala tuju politik dan demokrasi Negeri Pulau Pinang, usul itu tidak dibawa oleh Ketua Menteri tapi dibawa oleh Timbalan Ketua Menteri, adakah kerana Timbalan Ketua Menteri boleh di arah-arrah untuk buat begitu atau tidak ada keyakinan kepada Ketua Menteri...(gangguan)

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Jangan perlekehkan Timbalan Ketua Menteri kita lah, mana boleh cakap macam tu! Timbalan Ketua Menteri tau!... tak penting ka? Tak penting ka pada pandangan Seberang Jaya? Saya rasa Seberang Jaya perlu tarik balik kenyataan itu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Kerana apa saya kata Ketua Menteri kena bawa. Kerana Ketua Menteri juga yang bertanggungjawab meluluskan usul pada 2012...(gangguan)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Sama juga.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Pada 2012. Yang Berhormat Pinang Tunggal tak ada dalam Dewan ketika itu. Saya tak ada dalam Dewan ketika itu. Yang ada, Yang Berhormat Padang Kota, Yang Berhormat Perai yang ada dalam tu. Kenapa tidak bawa TKM II yang bawa. Bagi mereka yang bawa, kerana mereka seharusnya pegang kepada undang-undang yang mereka bawa ini, baru betul saya ingat.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Owh, ini kalau Padang Kota atau Perai bawa, cakap, owh DAP yang buat ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Bahawa undang-undang ini adalah undang-undang yang adil, undang-undang yang benar-benar dapat menjaga kehormatan Dewan ini. Kerana hari ini apa yang berlaku orang di luar sana akan melihat bahawa *This is a mockery towards democracy*. Kerana kami semua dipilih oleh rakyat Seberang Jaya, dipilih oleh rakyat Bertam, Teluk Bahang dan juga Sungai Aceh. Bukan Ahli Dewan Perai yang pilih saya.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Seberang Jaya saya minta laluan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Bukan Padang Kota yang pilih saya.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Boleh saya minta laluan Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Bukan Bagan Dalam yang pilih saya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Dulu Parti Keadilan Rakyat yang memilih menjadi calon.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Ya betul.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya boleh ada di dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya boleh ada dalam dewan ini adalah rakyat.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Seberang Jaya minta laluan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Dan rakyat mempunyai hak mereka untuk tentukan nasib saya ketika pilihanraya.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Seberang Jaya minta laluan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Sebab itu kita ada pilihan raya setiap lima tahun.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Minta laluan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Kita ada pilihanraya setiap penggal, supaya rakyat tentukan. Hari ini apa yang Dewan ini sedang lakukan adalah untuk menarik hak rakyat, mengambil tugas rakyat, menentukan suara mereka yang berada dalam Dewan ini.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Saya minta laluan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Ini masalah kepada undang-undang Akta Lompat Parti ini. Sebab tu saya kata tadi ini soal *double standard*.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Seberang Jaya saya minta laluan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Tadi rakan-rakan saya sudah. *I'm not giving you*. Rakan-rakan saya sudah sebut bahawa tahun 2015 telah berlaku, kita tak *activate* undang-undang ini. Sekarang kita ada undang-undang di peringkat parlimen dan *clearly* Yang Berhormat Datok Keramat, Yang Berhormat Bukit Tengah sebut memberitahu saya bahawa, Oh di peringkat parlimen lain, dia hanya terpakai kepada Ahli Parlimen. Di peringkat negeri lain. Dia tak terpakai pada Ahli Parlimen. Dia berbeza. Saya faham, tetapi kita ada konsep sistem *federalism*. Kalau di *federal* dah dibuat begitu, kenapa tidak buat di negeri. Saya bukan minta hari ini berbicara usul yang sepatutnya dibawa...(gangguan)

Ahli Kawasan Permatang Pasir YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Dato' Yang di-Pertua, *Point of Order*.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Bicara soal sama ada kami ini patut dibuang atau tidak...(gangguan)

Ahli Kawasan Permatang Pasir YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Point Of Order.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Yang sepatutnya dibuat oleh Kerajaan Negeri hari ini....(gangguan)

Ahli Kawasan Permatang Pasir YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Dato' Yang di-Pertua.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Adalah untuk membawa usul supaya dipinda supaya sama dengan Akta Lompat Parti di Parlimen...(gangguan)

Ahli Kawasan Permatang Pasir YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Point Of Order. Point Of Order Yang di-Pertua. *Point Of Order.*

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Kerajaan Negeri telah mendahului daripada apa yang telah dibuat. *I'm not giving you...*(gangguan)

Ahli Kawasan Permatang Pasir YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Point Of Order....(gangguan) Kejaplah *Point Of Order....*(gangguan)

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Speaker tak bagi.

Ahli Kawasan Permatang Pasir YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Point Of Order. Point Of Order. ...(gangguan). Aturan 46 (vii). Sebarang perkara yang ada dalam pertimbangan mahkamah tidak sesekali boleh disebutkan. Dan mahkamah telah memutuskan, bahawa mahkamah telah memutuskan. Sebab...(gangguan), mahkamah persekutuan telah memutuskan Undang-Undang 14(A) ini sah. Ini sah. Kenapa nak ini, ini, ini. (gangguan). Dihujahkan lagi tentang kesahihan 14(A)...(gangguan). 14(A) telah diputuskan sah. Tidak boleh bagi sebagainya berbicara tentang 14(A).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya tak ada masalah dengan artikel 14(A).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seberang Jaya rumuskan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Tetapi yang saya sebut kita semua tahu dalam Dewan ini, apa yang konten, isi kandungan dalam 14A itu ada masalah. Yang mana bermasalah bercanggah dengan apa yang dibuat di peringkat parlimen. Sebab itu saya sebut tadi Datuk Keramat dengan Bukit Tengah setuju bahawa memang bercanggah *double standard it's up to the state*. Kan *you* kata tadi memang tak terpakai. Tak terpakai.

Ahli Kawasan Dato Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

I don't say that. You tarik balik that.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Okey saya tarik balik.

Ahli Kawasan Dato Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Tarik balik.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya tarik balik. Tapi Yang Berhormat sebut...(gangguan)

Ahli Kawasan Dato Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Simply cakap and then tarik balik. Cakap betul-betul.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Oh, marah betul...(gangguan). Oh. Ini, ini yang kita nak tengok sebenarnya. Ini yang mereka nak buat. *They can't wait to chase us out from this Dewan*. Mereka tak sabar....(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak apalah, Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya nak sebut tentang *double standard* tadi. Okeylah Yang Berhormat tak sebut, tapi Yang Berhormat sebut *clearly* bahawa...(gangguan)

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Seberang Jaya, Seberang Jaya. Bagi la peluang. Tadi *you* kata bagi peluang kan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Sekejap, kejam.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Bagi la....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

One minute.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

No, bagi sekarang. Tadi you kata pasal double standard.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Di peringkat Persekutuan dan Negeri....(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Bagi la peluang.

Ahli Kawasan Permatang Pasir YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Mana boleh dia hujah pasal undang-undang ini. Sama tak sama itu kesahihan undang-undang....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Oleh Yang Berhormat Padang Kota atau mana-mana Yang Berhormat dalam Kerajaan Negeri hari ini adalah usul untuk pinda artikel 14(A). Ini yang kita minta. Sebab itu Yang Berhormat Bertam bawa masuk usul pembangkang untuk pinda akta ini dan semangat ini bukan hanya kami yang cakap. Yang Berhormat Air Putih telah sebut tahun lepas bahawa perlu ada pindaan kepada artikel 14(A). Yang Berhormat tak setuju bahaya tau, kena pecat nanti. Jangan main-main. (gangguan). Sebab yang bercakap itu bukan saya, yang bercakap tu Air Putih. Yang bercakap tu termasuk Bertam termasuk kami di sini mahukan pindaan kepada artikel 14(A) supaya artikel itu dapat menjaga amanah dan juga *protect* Ahli Dewan daripada dizalimi seperti ini. Ini yang kita minta, bukannya kita minta supaya kami tak dibuang. Yang kita minta pada asasnya adalah 14(A) ini tidak boleh terpakai kerana ada banyak *loopholes* dalam undang-undang dan benda ini juga dipersetujui oleh Permatang Pasir. Dan Permatang Pasir pun beri pandangan dia sendiri. Tafsirannya sendiri.

Ahli Kawasan Permatang Pasir YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Saya tak cakap longgar, saya cakap ia perkataan yang luas. *Whatsoever means* luas.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Longgar lah.

Ahli Kawasan Permatang Pasir YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Tak, tak cakap longgar, dia luas, dia luas. Dia inclusive, dia inclusive. Longgar lain....(gangguan). Longgar *is so word*. Longgar *is so word*. *My word is processive*.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, okey Seberang Jaya rumus.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Jadi Yang Berhormat tujuan demokrasi bukan untuk memuaskan nafsu majoriti semata-mata. Demokrasi seharusnya digunakan untuk memberi hak dan melindungi kami yang minoriti.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Dan memberi hak kepada rakyat untuk memilih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Kami adalah minoriti. Dalam Dewan ini hari ini yang akan berlaku adalah 35 Ahli Dewan.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Seberang Jaya, Seberang Jaya. Bagi peluang. *You* sudah banyak kali kata nak bagi saya peluang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

I am sorry, Okay sorry, sorry. Sila, sila.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Tadi *you* kata demokrasi ini, demokrasi-demokrasi *double standard* ini pasal kena jaga minoriti bukan majoriti. Tapi saya rasa Seberang Jaya tak faham konsep-konsep ini. Bila kita kata pasal apa *double standard* ini saya nak tanya asas roh dan semangat artikel 14(A) itu apa. Adalah untuk menghormati pilihan rakyat yang telah

pun memilih sesebuah parti. Kita, I dengar tadi Bertam, apani Teluk Bahang termasuk kamu sahabat saya Seberang Jaya. *You all said* banyak kita ada buat banyak di kawasan kita masing-masing, bantu sini, bantu sana. Tapi kena ingat, *you* orang menang sebab *you* orang tanding atas tiket PH dan Keadilan. Kalau tak bertanding atas tiket PH tak boleh menang dan tak boleh berkhidmat. *You are here because of the party that gave you the opportunity to stand in* Seberang Jaya. Itu yang saya nak katakan.

R.Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya katakan (gangguan). Saya tak elak, saya jawab.

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):

Ini bukan pasal minoriti, ini pasal menegakkan Perlembagaan Negeri kita dan hak rakyat kita. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Terima kasih. Saya jawab, Yang Berhormat, PKR bertanding di kerusi Seberang Jaya ini sejak 1999, sejak 1999. Saya bukanlah nak kata bahawa, bahawa kerana saya tidak. Tetapi kerana rakyat memilih ketika 2013 pertama kalinya PKR menang. Bukan soal parti sahaja,

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Ia sebab calon BN masa tu tak kuat, kalau Datuk Arif Shah tak tentu lagi Seberang Jaya duduk di sini sampai sekarang.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Betul. Betul. Saya pun.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Ingat lagi bukan kerana calon seorang sahaja.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Yang Berhormat Bagan Dalam, saya tak ada masalah tu sebab tu saya sebut tadi, betul kalau calon lain ke apakah yang macam saya, saya biasa kalah pilihanraya, Yang Berhormat Pantai Jerejak pun biasa kalah pilihan raya, biasa menang pilihanraya. Apa yang kita dapat bahawa yang menentukan tu adalah rakyat. Rakyat tentukan. Jadi beri pada rakyat untuk tentukan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Kalau begitu Seberang Jaya jangan cabar di mahkamah bila kerajaan nak bawa usul hari tu, sampai ke situ halang Kerajaan Negeri bawa usul....(gangguan), sekarang cakap perlu diadili rakyat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Sebab pada hemat kami, Dewan ini tidak ada hak untuk buat itu, sebab sepatutnya kalau artikel 14(A) itu *stand, Speaker* hari tu tak perlu pun nak bawa ke Dewan. Macam sekarang contoh, kita ambil contoh Akta Lompat Parti dari peringkat parlimen, Baru ni timbul persoalan apabila wakil-wakil Ahli Parlimen daripada GRS yang mana *primary membership* mereka adalah BERSATU tetapi mereka memilih untuk bersama dengan kerajaan campuran PH dan Barisan Nasional, maka mereka tidak dikira sebagai lompat parti, macam mana yang itu pulak terpakai. Sebab-sebab tu saya kata, sebab yang mengundi di peringkat parlimen orang yang ada dalam dewan ini. Sebab tu saya sebut ianya soal *double standard, standard* apa kita pakai. Di Penang Ketua Menteri nak pakai yang ini, di peringkat *Federal* tak apalah kita terimalah GRS ini sebab dia sokong kita, kita dapat jadi kerajaan. *What kind of attitude is this.* Undang-undang apa ini. Sebab ini bukan soal *Federalism*. Ini *double standard*.

Tak apalah Yang Berhormat Bagan Dalam boleh terus bercakap tanpa *floor*. Tapi rakyat di luar sana menilai, melihat *attitude* kita pada hari ini. Sebab tu saya terkilan kerana di hadapan saya ini sahabat-sahabat saya juga, Yang Berhormat Perai, Pinang Tunggal, Padang Kota yang mana saya sama-sama juga menyumbang idea dan tenaga untuk membangunkan Negeri Pulau Pinang. Dan mereka tahu kesetiaan saya kepada Negeri Pulau Pinang. Mereka tahu apabila amanah diberikan kepada saya, bagaimana saya nak laksanakan amanah itu. Saya buat sehabis baik saya, pinda undang-undang, bawa akta baru, buat perubahan, tingkatkan hasil pertanian Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Lepas tu tanding di Shah Alam.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Yalah dah habis pilihanraya kan. Tukarlah tempat. Tampin pun bertanding, Permatang Pasir. Pulau Tikus, jangan *personal*. Relaks. Ha. Okey, sebab tu saya sebut tadi bahawa *double standard* ini sedang berlaku dan *is bad for Penang*. Dan saya sebut tadi bahawa amanah yang kita lakukan ini kalau orang nak kata bahkan tadi ada yang berkata bahawa ini mandat rakyat, mandat rakyat, okeylah saya terima. Tetapi cuba lihat pada keputusan PRU-15 yang lepas. Saya DUN Seberang Jaya dalam Parlimen Permatang Pauh. Kalau rakyat di Seberang Jaya dan Permatang Pauh tak setuju dengan Perikatan Nasional. Perikatan Nasional takkan menang di Permatang Pauh. Kalau rakyat tak setuju dengan apa tindakan saya yang dipecat dan kritik kepada pimpinan parti ketika itu, rakyat Seberang Jaya dan Permatang Pauh tidak akan pilih Perikatan Nasional. Ini bukti dia. Sebab tu saya sebut tadi, kita ada di sini lima (5) tahun. Kuasa yang kita ada ini dipinjamkan oleh rakyat.

Ini bukan kuasa Padang Kota, bukan kuasa Pinang Tunggal, bukan kuasa Datok Keramat. Ini kuasa rakyat kita berada dalam dewan ini. Rakyat yang pilih kita, biar rakyat yang tentukan dalam pilihan raya sama ada kami patut jadi wakil mereka balik atau tidak. Itu yang kita minta, dan dalam Akta 14a ini, kita rampas hak itu daripada rakyat. Kita nafikan hak itu pada rakyat. Mereka ada tiga (3) bulan sahaja lagi nak berhadapan dengan pilihan raya negeri. Mereka boleh tentukan masa depan Negeri Pulau Pinang, sama ada bersama Pakatan Harapan atau bersama dengan Perikatan Nasional. Itu boleh ditentukan oleh rakyat, tak perlu Ahli Dewan ini yang merasakan diri terlampau mulia, *noble* untuk tentukan masa depan kami dalam Dewan ini. *You have no rights* untuk bersikap seperti ini.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Yang Berhormat Seberang Jaya, kita adalah wakil rakyat mewakili rakyat di kawasan kita. *What are you saying here.....(gangguan)*. *What are you saying here?* Adakah anda menafikan rakyat di kawasan saya ini? Adakah Seberang Jaya menafikan hak rakyat di kawasan Pengkalan Kota, betul ke tidak?...*(gangguan)*. Kita adalah wakil rakyat, apa yang Seberang Jaya tak faham ni.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Cukup-cukup. Yang lain duduk. Seberang Jaya bagi habis. *I tau you already come to the end.*

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Sebab kita dapat lihat hari ini. Saya ingat bila bentuk Kerajaan Madani, Kerajaan Perpaduan, kerajaan yang kononnya ingin membawa perubahan kepada negara seharusnya benda yang lebih baik dibuat. Iaitu dengan meminda artikel 14A ini. Saya difahamkan mungkin Kerajaan Negeri yang selepas ini akan pinda benda ini. Saya difahamkan, saya tak tahu, saya tak pasti. Kerana jika itu berlaku maknanya apa yang kami sebut pada hari ini betul. Apa yang kami ulas pada hari ini kalau kerajaan selepas ini pinda akta ini maknanya apa yang kami sebut hari ini adalah betul, adalah benar. Seharusnya sebuah Kerajaan Madani memikirkan soal prinsip keadilan, memikirkan soal prinsip kebebasan, bukannya gunakan kuasa untuk sekat suara semak dan imbang dalam Dewan ini. Bukan jadi zalim untuk buang kami empat (4) orang ahli wakil rakyat yang mewakili masyarakat, rakyat Pulau Pinang, masyarakat Islam dan bumiputera Pulau Pinang dalam Dewan ini....*(gangguan)*. Mewakili rakyat. Saya sebut semua.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Saya ingat itu satu. Satu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Mewakili rakyat....*(gangguan)*

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seberang Jaya, sila rumuskan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Pulau Pinang, Datok Keramat...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Dr. Afif, *that is beyond you* lah. *Stop that nonsense. Don't go to that level...*(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Datok Keramat, saya nak sebut...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Datok Keramat sila duduk.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

You are going to a racial level...(gangguan).

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila-sila. Saya nak hentikanlah...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Takkan saya sebut mewakili rakyat tak boleh...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

That is inciting...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

No, saya sebut mewakili rakyat...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

You are inciting here, you are not immune, you remember that.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Bumiputera, Cina, India, Iban, Kadazan, semua yang duduk dalam Negeri Pulau Pinang...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Ini adalah politik toksik yang saya cakap tadi. Politik toksik ini yang kita tak nak. Dah buat dekat Kedah nak bawa mai *Penang* sekarang.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya pesan. Tak payah ulanglah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Mereka potong saya cakap, saya belum habis bercakap. Kita mewakili rakyat Negeri Pulau Pinang, mewakili generasi akan datang Negeri Pulau Pinang seharusnya kita fikirkan undang-undang ini dapat *protect* suara mereka. Yang berlaku hari ini, tidak ada langsung ikhtiar daripada kerajaan untuk melindungi suara kami, melindungi suara rakyat. Yang mereka lakukan hari ini, macam saya sebut tadi adalah politik balas dendam. *This is* politik balas dendam. Benda yang betul patut dilakukan adalah pinda Akta ini tetapi mereka pilih untuk bawa usul kosongkan kerusi. Tak apa, kami terima. Selepas ini *Speaker* akan umum, kami tak ada hak untuk duduk dalam Dewan ini. *You* sapa? *You* sapa Pulau Tikus? *You* sapa Pulau Tikus? (gangguan)...

Kita tahu, hari ini akhirnya keputusan sudah ada kerana yang di hadapan ini akan memilih untuk menyokong Usul ini. Itu hakikatnya kerana kalau mereka pilih untuk tidak bersama usul ini, mereka akan dipecat. Kalau mereka dipecat, takut-takut mereka juga nanti dapat usul untuk kosongkan kerusi. Jadi mereka pun tak berani dikosongkan kerusi, maka mereka takkan berani untuk undi *against* Usul ini. Tapi *this is not the final, this is only the journey for us to come back* dan menang di Pulau Pinang, insyaAllah. Kerana rakyat dapat melihat apabila DAP, Pakatan Harapan diberi kuasa, mereka gunakan kuasa untuk menzalimi mereka yang *minority*. Apabila mereka diberi kuasa, Ketua Menteri dan barisan kepimpinannya pilih untuk bungkam suara pembangkang, untuk nafikan suara pembangkang, walhal sepatutnya hari ini saya telah *submit* banyak...(gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Dato' Yang di-Pertua ini tuduhan jahat. Ini untuk memperkasakan demokrasi. Nak menyelamatkan demokrasi daripada pengkhianat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Soalan yang mewakili kawasan saya. Soalan yang mewakili suara rakyat, soalan tentang pengurusan di kawasan saya yang telah saya bangkitkan tapi kita terpaksa berbincang tentang perkara ini dan dinafikan hak kami untuk bangkit tentang suara rakyat. Tidak mengapa. Pilihan Raya Negeri akan tiba dan insyaAllah, dengan ketentuan *Allah subhanahu wataala*, rakyat Pulau Pinang akan bersama Perikatan

Nasional untuk menumbangkan Pakatan Harapan dan DAP yang zalim di Negeri Pulau Pinang ini, terima kasih. Dengan itu saya memohon tidak menyokong Usul ini.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Say whatever you want, for now I say two words for you, bye bye.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ya, Pantai Jerejak. Sila.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail):

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Dato' Speaker, rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat. Membahaskan perkara ini saya mulakan dengan menyebut bahawa kita berada di dalam Dewan, betul-betul dipilih oleh rakyat dan mewakili parti. Kita dapat watakah daripada ketua parti atau ketua badan gabungan. Dalam kes Pilihan Raya Mei 2018, yang tandatangan itu adalah Dr. Wan Azizah kerana Majlis Presiden pada waktu itu dipengerusikan oleh Tun Dr. Mahathir berpendapat bahawa kerana kegagalan kita untuk mendapat kelulusan mendaftar gabungan politik Pakatan Harapan maka logo Keadilan diguna pakai. Kita bertanding dengan menggunakan satu logo, kita berkongsi jentera, kita gabungkan kekuatan parti-parti dan kita tawarkan pilihan kepada rakyat, pilih Pakatan Harapan atau pilih Barisan Nasional pada Pilihan Raya Mei 2018. Itu hakikat. Faktanya kat situ. Baik. Kemudian berlaku peristiwa yang tak perlu saya ungkap dan ulang. Hakikatnya adalah telah berlaku satu perbuatan yang mengakibatkan *a violation of trust*, akibat daripada perbuatan watak-watak yang kemudiannya bertungkus-lumus membina sebab dan alasan untuk *justify* perbuatan itu. Perkaranya sangat jelas, terang-benderang.

Akibat yang kedua, ialah mencetuskan *political instability* yang memberi kesan kepada *governance*. Polisi menjadi *paralyzed*, mengancam sistem demokrasi dan kehidupan rakyat. Dato' Speaker, (dengan izin)...*it is the statement of facts*. Watak-watak ini telah menyerlahkan *opportunistic behaviour*...(dengan izin), untuk kepentingan-kepentingan tertentu, melakukan perundingan-perundingan politik yang memberi kesan lebih besar lagi iaitu *an eroding of public trusts*. Kerana itulah, Parlimen kemudiannya menyaksikan kerajaan bersilih ganti. Ada tiga Perdana Menteri yang tidak menjanjikan pun kestabilan politik. Sebelum Pilihan Raya 1911, tahun lepas. Dato' Speaker, kerana itulah di dalam satu persefahaman antara kerajaan pada waktu itu, pimpinan Ismail Sabri dengan Pakatan Harapan, antara yang kita persetujuan bersama adalah sebuah Penubuhan Jawatankuasa Parlimen yang dipengerusikan oleh Dato' Wan Junaidi, Menteri Undang-Undang supaya kita rangka, kita gubal daripada tak ada, bagi jadi ada iaitu lah Rang Undang-Undang ataupun Akta yang kita panggil sebagai Lompat Parti. Saya ikut mewakilinya dalam Jawatankuasa itu. Ada 19 proses libat urus yang membabitkan semua *stakeholders* yang kemudiannya dibentang dan dipersetujui, kemudian diwartakan setelah dilulus oleh Dewan Negara.

Dato' Yang di-Pertua, kenapa kita buat ke arah itu? Kita tak mau lagi insiden yang berlaku itu berulang kerana ia memberi kesan besar kepada politik negara. Saya tak mau pergi kepada *anecdotes* atau *innuendos* dalam Dewan ini mendengar alasan-

alasan daripada rakan-rakan berempat. Saya tak ada masalah dengan mereka tapi perbuatan berhempas pulas, itu seumpama menegakkan benang basah. Benda dah cukup jelas. Akibat perbuatan itu, bahawa pada saat, *moment* anda berada dalam Dewan ini bermulanya adalah pada 19 Mei, pada 9 Mei 2018, waktu kita bersama memberikan alternatif kepada rakyat dan rakyat buat keputusan bukan kerana nama kita A, B, C, D. Bukan. Rakyat pilih kerana gabungan yang kita tawarkan sebagai pilihan kepada rakyat. Kita tak perlu berbasa basi dan berdolak dalik lagi. Sebab itu apabila saya dengar umpamanya menjadi mangsa kezaliman, Seberang Jaya, dengan tindak tanduk sebagai anggota Parti Keadilan waktu itu, ada beberapa perbuatan yang dianggap bercanggah dan menyalahi Perlembagaan Parti. Maka diberikan surat notis penggantungan. Itu berlaku pada April 2020 supaya Lembaga Disiplin berpeluang untuk menilai, meneliti, menyiasat, itu prosesnya tapi belum pun proses penggantungan itu dan siasatan dan proses panggil itu dibuat, telah diumumkan keluar parti pada Jun 2020 menyertai BERSATU. *Google* saja dalam ni...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya minta Yang Berhormat...(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail):

Nanti sekejap, bagi saya *floor*, *floor*, ini *floor*. Saya guna hujahan sama, *floor*...(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Tak ada, saya tak pernah...(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail):

Bagi *floor* dululah. *Floor*.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Tak pernah umum...(gangguan).

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail):

Floor. Saya boleh tengok anda boleh buli yang lain, bangun sesuka hati tanpa hormat *Speaker*. Sekarang *floor* saya, aturan Dewan adalah kalau ketika saya ada *floor*, celahan atas saya nak bagi atau tidak. Sekarang saya tak bagi, dengar dulu. Ini *basic one on one*. April 2020, kita hantar surat penggantungan. Tentu ada sebab, takkan tak pasal-pasal *you* digantung? Bukit Tengah, anggota parti tak digantung. Bila masuk parti ini, ada disiplinnya, ada *the do's and the don'ts*. Kalau kita langgar sempadan itu mengikut pertimbangan parti, dikenakan tindakan, hormat. Ada *due* prosesnya, kalau kamu digantung, bagi penjelasan, kalau kamu dipecat, ada peluang untuk merayu, ikut itu semua. Ketika digantung, kemudiannya diumumkan keluar parti, Jun 2020, dilaporkan oleh media.

Dengan alasan bahawa atas prinsip memperjuangkan kebenaran dan keadilan dan kepentingan rakyat, saya berpindah parti. Itu alasannya. Kat mana yang parti zalim? Jadi Tuan Yang di-Pertua, *Speaker* yang saya hormati sekalian. Disebut juga "*Hoi ya Hoi*" berdakap sana sini dengan penyangak penyamun. Dato' Speaker, 19 November, bila keputusan pilihan raya diumumkan, faktanya tak ada gabungan parti yang boleh bentuk kerajaan sendiri. Tak ada. Ke Bawah Duli Tuanku Yang di-Pertuan Agong menggunakan kebijaksanaannya memanggil ketua-ketua parti. Saya berpeluang mengikuti proses itu menemani Pengerusi Pakatan Harapan yang ikut dipanggil giliran nombor dua selepas dua pemimpin Perikatan Nasional ke istana. Kepada kami, Ke Bawah Duli Tuanku maklumkan bahawa SPR telah mempersembahkan keputusan pilihan raya dan tak ada yang mendapat majoriti, maka Tuanku usulkan diwujudkan sebuah Kerajaan Perpaduan yang menang tidak mendapat semua, yang kalah tak hilang semua.

Kepada pemimpin-pemimpin parti yang dipanggil, blok GPS, GRS, Barisan Nasional, Perikatan Nasional, Pakatan Harapan, ditanya apakah boleh menerima Usul ini? Ini *wisdom* Ke Bawah Duli Tuanku. Pengerusi PH kata setuju dan turunkan tandatangan setuju. Gabungan lain sebut setuju. Yang tulis tidak bersetuju adalah Perikatan Nasional.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Yang Berhormat mohon laluan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail):

Pekak ke? Nantilah dahulu. *Floor, floor*. Nanti dulu. Ini *floor*.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Ini sebab berkenaan saya tadi.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail):

Ini bukan pasal ini. Ini istana.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Lepas ini ya Yang Berhormat?

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail):

Ya, lepas. *Floor*. Ke Bawah Duli Tuanku, nak *exercise* kuasanya mengikut Perlembagaan Persekutuan bahawa Ke Bawah Duli Tuanku boleh melantik seorang dari kalangan Ahli Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri yang baginda yakin boleh mendapat sokongan majoriti di kalangan ahli. Dalam proses itu, baginda *engaged* dengan yang lain. Ketika yang lain bersetuju dengan perpaduan, nilai yang sangat murni, faktanya adalah Perikatan Nasional, Bersatu dan PAS tolak, tidak bersetuju. Itu fakta, sangat jelas. Bukan sahaja *verbalnya*, tandatangan tidak

bersetuju. Sebab itu, orang yang didakwa mahkamah itu ikut berada dalam Kerajaan ketika pengerusi Tan Sri Muhyiddin Yassin menjadi Perdana Menteri, kenapa waktu itu tak tolak? Nampak? Sebab itu, hadirin saya hormati sekalian, kerana waktu kita nak jadi Kerajaan, kita pun terimalah tersebut. Dalam kes ini, dalam keadaan di mana tidak ada sebuah gabungan yang membentuk majoriti.

Maka kami berpendapat bahawa mematuhi titah nasihat Tuanku itu satu perbuatan mulia. Kerana itulah Dato' Yang di-Pertua, saya nak sebut bahawa fokus perbahasan kita hari ini ialah satu perbuatan yang saya sebut tadi melanggar beberapa prinsip utama, *violation of trust*, penyebab kepada *political instability*, *eroding of public trust*, menyerlahkan *opportunistic behaviour* di kalangan yang terlibat dari perspektif Islam sangat jelas *trustworthiness* amanah *full fulling one promises obligation to the best of one's ability*, bila *defect* bermakna dia *break the trust of the people* bercanggah dengan amalan nilai Islam itu sendiri.

Yang kedua, wahdah atau perpaduan asalnya bergerak bersama dengan cita-cita bersama, tekad bersama kemudiannya atas alasan-alasan yang bolehlah kita reka selepas itu kita berpaling tadah. Itu bercanggah dengan wahdah atau elemen perpaduan.

Yang ketiga, mas uliyah akauntabiliti setiap orang bertanggungjawab di atas perbuatan atau pun tindakannya dan mereka harus *accountable for breaking the trust* kerana itu Dewan Perundangan seperti ini tempat membuat undang-undang. Undang-undang itu dinamik sifatnya bukan statik, kita ada sudut pandang kita, orang lain ada sudut pandang yang lain dan kemudiannya majoriti mengatakan 14A itu ada kewajarannya ada rasionalnya telah diuji dicabar sudah ada pun keputusannya. Sekarang ini satu keputusan politik yang hendak dibuat oleh kerajaan adalah untuk mengambil satu ketetapan terhadap empat (4) individu. Itu yang maka kita bentang usul kita bahas Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang, saya tengok Yang Berhormat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dah kalih kening dua tiga kali. Nanti sekejap, saya tidak bangun saya sabar je tekun tengok karenah Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya yang gelisah sangat sebab apa ia dak?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Sebab saya hendak jawab tuduhan.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail):

Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya sebut saya Pantai Jerejak tadi dua tiga kali saya tidak bangun pun.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Tuduhan tadi tidak betul.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail):

Duduk, duduklah dulu, tak apa, duduk dulu. Peraturan Dewan mengatakan bila saya tidak bagi *floor*, duduk....(gangguan).

Peraturan Dewan mengatakan duduk.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya dipecat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudahlah Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail):

Floor saya. Sebab saya lupa Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya ketika dia berbahas sebut dua tiga kali saya tidak terdorong saya tidak makan provokasi itu politik orang lama.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Lama tak lama bukan pasal provokasi. Soal tidak betul.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya, duduk, sila.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Menipu dalam Dewan.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudah, sudah.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya dipecat.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail):

Saya bercakap, saya bagi fakta saya bercakap sebagai Setiausaha Agung Parti saya menjadi Setiausaha Agung selama 12 tahun. Saya tahu apa saya cakap dan fakta apa saya sebut saya ulangi dengan jelas saya pertahankan kenyataan awal yang saya sebutkan tadi

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Urusan parti itu sudah. Yang Berhormat Ahli Kawasan Pantai Jerejak, sila.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail):

Sebab itu Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Dewan tidak tahu urusan parti anda, sila.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail):

Ya, selesai.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang Berhormat Ahli Kawasan Pantai Jerejak, sila.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail):

Sebab dalam perlembagaan parti, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Yang Berhormat jangan tipu Yang Berhormat.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sudahlah Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail):

Bahawa seorang yang mengumumkan keluar parti dari segi perlembagaan itu termasuk dalam tafsiran sebagai terpecat dengan sendirinya. Itu isunya digantung kemudian dia keluar parti sebab itulah perlembagaan parti mengatakan perbuatan itu dianggap terpecat dan kita *notify* Kerajaan Negeri dan Kerajaan Negeri alih tempat duduk, itu isu dia.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Saya faham.

Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail):

Faham, terima kasih. Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, kerana itulah dalam perkara ini Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri untuk kita *moving forward* ini perkara jelas sahaja berulang kali saya dengar cabaran demi cabaran tunggu pilihan raya, tunggu pilihan raya kita pun tidak tahu lagi apa hendak jadi pada kita, benda itu urusan yang kita kena selesai sekarang adalah mengikut undang-undang yang dibuat dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang bersabit dengan perkara empat (4) ADUN kita ini yang perlu kita selesaikan dalam urusan aturan mesyuarat kita pada hari ini. Jadi saya berfikir bertindak di atas kerangka undang-undang yang *legitimate* diputuskan dalam Dewan itu adalah satu proses yang betul maka saya bangun dalam perbahasan ini untuk menyokong usul ini. Terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih, *one last*, Ketua Pembangkang lah.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Assalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh, Bismillahirrahmanirahim, *Alhamdulillah Hirobbil Alamin, Wassolah tuwassola muala asyrofil ambiya hiwalmursalim waala alihi wasohbihi ajmain*. Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri saya agak kurang sihat tetapi saya cuba untuk membahaskan usul yang penting ini yang saya rasa saya sebagai Ketua Pembangkang tersepit di antara kedua-dua ini dan saya masih lagi Ketua Pembangkang. Saya ingat saya sudah tukar kerusi tetapi masih lagi Ketua Pembangkang dan ini merupakan rakan-rakan saya dan saya adalah antara orang yang amat tidak bersetuju dengan lompat parti ini.

Saya antara orang yang rasa tidak puas hati bila ada berlakunya lompat parti bila Kerajaan Negeri buat Enakmen 14A, saya memang antara yang amat bersetuju sebab kita sebagai wakil rakyat yang dipilih perlu menjaga mandat yang diberikan oleh rakyat atas parti apa kita bertanding, ini saya sebut atas dasar lompat parti. Saya antara pemimpin yang setia, mai kot mana pun yang itu lah, tidak akan berubah kepada parti lain sebab kita ada asas perjuangan kita, kita ada pendirian kita, kita ada *stand* kita, kita ada kesetiaan kita kepada parti dan juga kepada pengundi dan rakyat, itu yang paling penting. Cuma apa yang saya hendak bangkitkan di sini, satu berkaitan dengan disebut tadi isu *double standard* dan saya kalau boleh benda ini perlu diperjelaskan satu *double standard* dari segi keputusan 2015 tentang PAS yang keluar daripada Pakatan Rakyat tetapi tindakan tidak diambil itu satu.

Kedua tentang isu yang berkaitan dengan keseragaman di antara Parlimen RUU dengan *state*, dengan Kerajaan Negeri 14A. Jadi ini perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum kita mengambil sebarang tindakan diperingkat negeri kerana ini merupakan perkara penting kena ada keseragaman, Parlimen macam lain, *state* macam lain ada pengecualian dan sebagainya di peringkat Parlimen jadi ini perlu diseragamkan terlebih dahulu sebelum tindakan di ambil. Kalau tidak diseragamkan nampak macam kita di negeri ini mengambil tindakan yang memang kita buat keputusan di sini tetapi tindakan, memang kita buat keputusan di sini tetapi tindakan yang agak terburu-buru atau pun terlalu segera saya pun tidak tahu sebab apa

tindakan yang segera ini perlu diambil masa cuma tinggal dua, tiga bulan kalau boleh kita tidak payah buat tindakan macam ini, teruskan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Ketua Pembangkang boleh minta penjelasan sikit sahaja tambahan kepada *point* Ketua Pembangkang sikit sahaja. Okey, terima kasih kepada Ketua Pembangkang yang membangkitkan tentang isu khususnya berhubung dengan keabsahan boleh saya gunakan Artikel ataupun Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang ini. Saya rasa apabila Mahkamah Persekutuan telah mengambil satu keputusan untuk memutuskan bahawasanya perkara 14A ini sebagai *constitutional* dengan izin dengan sendirinya ia telah mengiktirafkan bahawasanya Perkara 14A ini merupakan satu *good law* dengan izinnya dan *good law* itu juga termasuk berhubung dengan *expulsion* sebagai salah satu faktor untuk mengosongkan kerusi yang tidak menjadi pertikaian di mahkamah cumanya hendak tambahan *point* itu sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Okey terima kasih Yang Berhormat Ahli Kawasan Pengkalan Kota, jadi saya berbalik kepada yang tadi kalau boleh tindakan yang tergesa-gesa ini perlu kita fikirkan kembali saya bukan hendak memihak kepada sesiapa rakan-rakan. Tindakan ini macam tindakan yang ada tersirat ada benda-benda lain, tak tahu lah saya tidak tahu mungkin ada niat jahat dan sebagainya saya tidak pasti tetapi benda ini boleh kita tangguhkan atau pun tidak dilaksanakan dahulu kerana masa, masanya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

I just need to say one thing to put in record sekejap. Yang Berhormat Dato' my friend Undang-Undang ini 14A diluluskan 8 Januari 2013 dan seluruh Ahli Dewan Undangan Negeri melalui buku ini telah pun ambil sumpah bahawasanya kita akan menunaikan dengan sempurna kewajipan kita untuk mempertahankan Perlembagaan Persekutuan dan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang, very simple so legally this is the position and this book overwrite everything, we may have argument, yes with the law dengan pendapat kita that's how law all about that is why there are always two side and this is one person to decide but in this room this book reveal and its says went your took that you will defend the constitution and that constitution now include Article 14A and that particular Article has been affirm by the court, right up to the federal court, so itu sahaja saya hendak on the record itu sahaja Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Soalan saya sedikit sahaja, terima kasih Yang Berhormat. Saya tertarik pandangan beberapa rakan-rakan tentang undang-undang ini kita semua di sini adalah *law maker* penggubal undang-undang dan sejarah Malaysia ini ada banyak undang-undang yang pernah digubal dan dibetulkan dan yang mana undang-undang yang kita rasa tidak lagi boleh terpakai kita sebagai penggubal undang-undang bawa ke Dewan bahaskan dan betulkan undang-undang.

Sebagai contoh ketika sebahagian daripada Ahli-ahli Parlimen di sini 10 tahun, 20 tahun yang lepas mengangkat sumpah sebagai Ahli Parlimen mereka juga menjunjung Parlimen Persekutuan termasuk ketika itu Akta ISA tetapi dalam proses itu kerana kita tidak setuju dengan kezaliman Akta ISA. Kita gubal undang-undang dan ubah dan itu berlaku. Dengar dahulu, sama juga dengan situasi ini saya tidak ada masalah dengan sentimen bahawa kita kena kembalikan keyakinan rakyat dengan adanya Akta Lompat Parti, setuju ada Akta Lompat Parti bahawa tidak boleh ada lompat parti, tetapi yang menjadi isu adalah kalau Yang Berhormat bersetuju adalah cara mendefinisikan lompat parti ini harus yang pertama seragam dengan apa yang dibuat di Parlimen kerana ianya dibahaskan dengan lebih menyeluruh bahkan dibawa beberapa kali sebelum dipinda perlembagaan untuk membolehkan.

Jadi Yang Berhormat, adakah Yang terhormat setuju bahawa undang-undang Artikel 14A ini ada masalah, perlu diubah dahulu sebelum mengambil keputusan seperti yang kita perlu buat hari ini untuk mengambil tindakan terhadap individu-individu yang tidak terlibat pun dalam penggubalan undang-undang itu pada awalnya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Cuma saya hendak ambil balik apa yang disebut oleh Yang Berhormat Ahli Kawasan Seberang Jaya tentang keseragaman jadi itu perlu dibuat keseragaman dan penyelarasan walau pun mahkamah telah buat keputusan, kita terima keputusan mahkamah bagi keputusan kepada *state* Dewan Undangan Negeri untuk membuat keputusan ini tetapi penyeragaman itu perlu diselaraskan dahulu diperingkat Parlimen dan juga peringkat negeri.

Seterusnya tentang tindakan selepas ini kalau kita buat keputusan hari ini mesti ada tindakan rayuan dan dari segi rayuan ini kita di peringkat Kerajaan Negeri ini perlu melihat adakah kita boleh menang atau pun tengok-tengok kalah, kalah dalam rayuan itu, menang kepada empat (4) orang ini. Di mana imej kita? Di mana kedudukan kita sebagai membuat keputusan di sini sebab rayuan itu mungkin akan berlaku dan mungkin akan menyebabkan berlaku kesan lain kepada kita diperingkat keputusan disini dan satu lagi yang akhir ini saya hendak sentuh tentang tindakan kepada rakan-rakan terpulang kepada keputusan hari ini saya faham rakan-rakan bekerja cukup lama hampir lima tahun buat kerja di kawasan Bertam, Teluk Bahang, Sungai Acheh kawan-kawan pertanian, Seberang Jaya, semua yang ada di sini semua buat kerja untuk rakyat. Buat kerja di kawasan dan tidak kira ada peruntukan atau tidak ada. Saya sampai sekarang tidak ada peruntukan. Jadi ketua kerajaan bersama tapi tidak ada peruntukan. Rugi. Kena lompat parti juga apa.

Jadi itu masalah yang saya rasa perlu kita tengok rakan-rakan tadi ini dari segi hasil atau pun faedah yang mereka akan dapat. Kalau bolehlah keputusan itu dikuatkuasakan bukan tarikh 2020 kalau keputusan dibuat, saya mohon rayuan dibuat berkuatkuasa mungkin hari ini. Kalau hari ini saya rasa tak tahulah kalau saya silap kalau hari ini mungkin mereka adalah faedahnya pencen dan sebagainya kalau kuatkuasa 2020 saya rasa tak cukup dan mereka ini akan hilang segala-galanya. Rakan-rakan Yang Berhormat tolong tengoklah. Mereka akan hilang segala-galanya sebab baru tempoh dua (2) tahun dan mungkin tidak akan mendapat apa-apa pencen, *gratuity* dan sebagainya. Tapi pilihanraya yang akan datang kita tidak tahulah. Jadi sekali lagi saya melihat dalam konteks ini ramai yang sudah sebut tadi macam-macam perkara tentang undang-undang.

Saya bukan orang undang-undang, saya orang pertanian sahaja tapi tahu sedikit-sedikitlah undang-undang cuma kalau boleh keputusan yang kita buat kena tengok dalam semua aspek termasuklah aspek dari segi nilai kemanusiaan juga perlu di lihat. Bukan hanya sekadar kita nak melepas dendam, hendak bagi padan muka hendak bagi hangpa kena, bukan niat macam itu. Kita tidak sepatutnya ada niat macam itu sebagai manusia kita nak lihat semua orang *happy ending* macam cerita Hindustan *last-last* bergaduh-gaduh *happy ending*. Jadi kita hendak macam itu *happy ending*. Terima kasih banyak saya ambil jalan tengah tidak menyokong mana-mana saya berkecuali cuma saya minta rayuan tadi tolong dipertimbangkan. Terima kasih

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Ketua Pembangkang. Saya hendak gulung. Okey, lima minit tidak lebih dari itu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni Bin Mat Piah):

Assalamualaikum W.B.T. salam sejahtera, salam keluarga Malaysia. Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua kerana memberi ruang juga kepada saya pada hari ini untuk membahaskan berkaitan usul pengisytiharan kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di bawah Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang.

Dato' Yang di-Pertua, sebagaimana yang telah dibahaskan yang diperkatakan oleh rakan-rakan termasuk daripada Ketua Pembangkang sendiri tadinya berusul pengisytiharan kekosongan kerusi pada hari ini di bawa dalam keadaan tergesa-gesa kerana kita melihat aturan mesyuarat pun sepatutnya sebagaimana yang telah diedarkan kepada semua ahli Dewan aturan mesyuaratnya pada 9.30 pagi sepatutnya selepas daripada doa kita ada jawapan kepada soalan-soalan lisan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri selama satu jam setengah. Kemudian pada jam 11.00 pagi kalau berdasarkan kepada aturan mesyuarat pada hari ini barulah pembentangan dan perbahasan usul pengisytiharan kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di bawah Perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang sebab itu saya sebut nampak tergesa-gesa dan jangan kita menjadi contoh negeri yang pertama di Malaysia andai kata usul pada hari ini di sokong jadi negeri yang pertama di Malaysia yang mencatatkan apa yang kita buat ini tidak selari dengan perlembagaan atau pun Akta Lompat Parti di peringkat Persekutuan sebab itu saya hendak sebut apa yang telah dibangkitkan juga oleh sahabat-sahabat kita tadi bahawa sepatutnya dan kita juga telah difahamkan sebagaimana yang telah saya merujuk kepada kenyataan akhbar oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri sendiri pada 29 Julai 2022 tahun lepas.

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah menegaskan bahawa Negeri Pulau Pinang akan membuat pindaan Perlembagaan Negeri bagi melaksanakan Rang Undang-Undang RUU Perlembagaan Pindaan nombor tiga 2022 mengenai peruntukan larangan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) bertukar parti supaya kekal konsisten dan selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang dipinda. Ini daripada kenyataan akhbar dan sebagaimana komitmen atau pun jaminan daripada Ketua Menteri bahkan beliau juga telah mengarahkan Penasihat Undang-Undang Negeri Pulau Pinang untuk melihat dan membantu bagaimana ia dapat diselarikan dalam perkara tersebut katanya Pulau Pinang juga akan mengadakan sidang Dewan

Undangan Negeri khas untuk melaksanakan pindaan yang perlu kepada Perlembagaan Negeri Pulau Pinang supaya ia dapat dibentang dalam masa terdekat iaitu pada September nanti.

Jadi kita Ahli Yang Berhormat juga menunggu untuk sidang khas Dewan Undangan Negeri untuk membahaskan isu pindaan kepada akta ini supaya selari dengan Akta Lompat Parti Persekutuan tiba-tiba hari ini dibawa dan dibentangkan usul untuk mengosongkan kekosongan empat kerusi rakan-rakan saya ini. Adakah Pinang Tunggal tidak merujuk kepada Yang Amat Berhormat Padang Kota isu membawa usul tergesa-gesa pada pagi ini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Yang Berhormat saya hendak tanya boleh? Yang Berhormat Penaga, adakah Yang Berhormat setuju macam saya sebut dalam perbahasan saya tadi jika Kerajaan Negeri membawa usul untuk pinda akta ini selepas ini selepas pada hari ini untuk selaras dengan Parlimen. Maknanya apa yang kami bahaskan pada hari ini adalah benar belaka dan mereka memang ingin membalas dendam dan menzalimi kami empat orang?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah):

Ya, saya bersetuju sebab sekiranya selepas ini ada usul yang di bawa ataupun sidang khas yang dibuat untuk meminda maka keputusan yang kita buat hari ini adalah keputusan yang tidak matang dan keputusan yang kita buat hari ini adalah keputusan yang tidak selari dengan Akta Lompat Parti di Peringkat Persekutuan dan keputusan yang kita buat hari ini jelas di lihat tidak adil tidak berperikemanusiaan dan saya hendak sebut adalah *double standard*. Sebagaimana yang di sebut juga oleh Seberang Jaya saya sendiri sebagai ADUN PAS.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):

Minta penjelasan, minta penjelasan. Saya hendak minta penjelasan atau pun pandangan daripada Penaga tentang pendirian PAS dalam hal lompat parti ini. Saya nak peringatkan kepada Penaga. Rakan saya dari Penaga negeri pertama di Malaysia yang telah membuat Akta Lompat Parti adalah Negeri PAS Kelantan pada tahun 91, kes Nordin Salleh yang pernah diberi keputusan seolah-olah melanggar Perlembagaan Persekutuan dan di Pulau Pinang adalah negeri kedua dan kita sudah pun mendapat *clearance from the court* (dengan izin), menyatakan ini adalah berperlembagaan. Apakah pendirian itu sudah berpindah apabila sudah ada rakan baru BERSATU yang suka lompat sini lompat sana?

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah):

Sedikit saja daripada saya. Terima kasih. Memang sebagaimana di sebut Kelantan mendahului Pulau Pinang tetapi apabila Akta Lompat Parti telah dipersetujui ataupun diteruskan di peringkat Persekutuan maka setiap negeri perlu selaraskan akta peringkat negeri supaya selari dengan peringkat Persekutuan. Sebab itu saya hendak *code* sedikit apa yang telah disebut di sini dalam satu artikel Berita Harian

pada 4 Oktober 2022 dinyatakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Parlimen dan Undang-Undang ketika itu bahawa Perdana Menteri Ke Sembilan akan mengutuskan surat kepada semua Kerajaan Negeri meminta Kerajaan Negeri menyelaraskan dan menggunakan pindaan yang sudah digubal di bawah Jadual Ke Lapan (8) Pindaan Perlembagaan Akta 1663 untuk digunakan ke atas ADUN Ahli Dewan Undangan Negeri di peringkat negeri sebab itu di Kelantan juga perlu diselaraskan termasuk Negeri Pulau Pinang. Ini yang saya hendak tegaskan. Dato' Yang di-Pertua, saya tidak berhasrat untuk panjang sebab apa yang saya sebut ini telah disyarahkan oleh rakan-rakan jadi Penaga sememangnya tidak menyokong usul yang dibawa kepada pagi ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih. Ya, saya bagi *last*

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan kerana ada beberapa Ahli Yang Berhormat telah menyentuh beberapa perkara yang perlu saya memberi sedikit penjelasan Yang Berhormat Seberang Jaya menyatakan *we cannot wait they cannot wait* untuk membawa isu ini ke dalam dewan untuk mengosongkan empat kerusi. Sebenarnya kita pun sudah menunggu dua setengah tahun mula dari pengumuman bahawa satu usul akan di bawa untuk mengosongkan empat kerusi ini. Keempat-empat ADUN berkenaan telah memulakan proses perundangan dan persetujuan yang di capai pada masa itu adalah kita tidak akan membawa usul ini selagi proses perundangan tidak tamat dan kita pun setuju untuk memberi pemberitahu sekurang-kurangnya 14 hari jika kita berniat untuk membawa usul sedemikian dan kita pun sudah melakukannya setelah menunggu dengan sabarnya dua setengah tahun menunggu proses perundangan yang dimulakan oleh empat (4) orang Ahli Yang Berhormat yang menyaman Tuan Yang di-Pertua dan juga Kerajaan Negeri dalam perkara ini. Jadi tak betul lah dakwaan kita tak sabar, kita sabar kita mematuhi apa persetujuan yang dicapai oleh dua pihak di mahkamah sendiri. Jadi jangan tuduh kita tak sabar kita mematuhi segala proses undang-undang.

Sebenarnya saya mahu mengucapkan terima kasih kepada empat orang Ahli Yang Berhormat kerana membawa perkara ini ke mahkamah sebab akhirnya mahkamah sudah buat satu keputusan sudah hampir 30 tahun tak ada pihak yang berani menyentuh kes Nordin Salleh, kes presiden berhubung dengan perkara yang sama setelah pada awal 90an satu keputusan di buat yang sekarang disifatkan sebelum ini disifatkan sebagai *landmark decision case* Nordin Salleh maka selama 30 tahun ini kes ini menjadi undang-undang yang mengawal perkara yang sama tetapi oleh kerana tindakan empat orang Yang Berhormat membawa kes ini pada peringkat mahkamah tinggi maka respon pada Kerajaan Negeri pada masa itu adalah untuk merujuk perkara ini kepada mahkamah persekutuan untuk *judicial review* sama ada perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang adalah melanggar Perlembagaan Persekutuan itulah mula proses perundangan yang ambil masa hampir dua tahun lebih sehingga pada hari Khamis yang lalu permohonan *Erinford injunction* ditolak tetapi kita masih tunggu sebab ada hari Khamis ada hari Jumaat ada pagi Isnin ini untuk plantif iaitu empat orang Yang Berhormat pergi ke mahkamah untuk memohon

stay of exclusion tetapi saya percaya kita tak terima apa-apa perintah sehingga pagi ini harus ditekankan bahawa walaupun ada permohonan satu perintah ianya tidak bermaksud bahawa ia akan menghalang kita sebab rayuan itu *is not amounting to a stay of exclusion*. Jadi kita sudah mematuhi proses undang-undang dan kita tunggu sampai hari ini pagi ini untuk membawa usul untuk diputuskan oleh Dewan ini. Balik kepada Nordin Salleh punya *president* kes sebenarnya keputusan mahkamah persekutuan telah *overrule* kes Nordin Salleh dan apa yang dibawa oleh Yang Berhormat sendiri sudah menjadi *president* sekarang *you have created a landmark case because of your action to the high court which the state government refer directly to the federal court for judicial review and pronouncement*. Jadi kita tidak setuju kita sabar sehingga pagi ini, kita tidak terima apa-apa perintah untuk menghalang kita daripada membawa usul ini.

Empat (4) orang Yang Berhormat telah memberi ucapan. Saya menghormati hak Yang Berhormat untuk memberi ucapan, memberi justifikasi dan sebagainya menunjukkan keempat-empat orang secara individu mahupun secara kumpulan, telah melakukan perkara-perkara yang *honourable* semasa menjadi wakil rakyat khidmat kepada pengundi-pengundi.

Tetapi, jelasnya Yang Berhormat tak faham bahawa kita sampai peringkat ini adalah untuk melihat empat orang yang berkenaan *do the most honourable act* iaitu *vacate the seat*. Itulah kita sifat sebagai *honourable* bukan justifikasi-justifikasi yang diberikan tadi.

Berhubung dengan perseragaman Undang-Undang Negeri dan Undang-Undang Persekutuan, kedua-duanya melalui proses pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan dan di sini sebenarnya Perlembagaan Negeri pun sudah dipinda sejak tahun 2012. *The State Law exist before the federal law came into force last year and notwithstanding*. Parlimen sudah meluluskan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan untuk membuat *proviso* untuk melarang lompat parti yang diluluskan pada 26 Julai 2022. Mahkamah Persekutuan tidak terhalang, *notwithstanding a federal constitution amendment* yang mendefinisikan apa lompat parti itu.

Mahkamah Persekutuan yang buat keputusan seminggu selepas iaitu 3 haribulan Ogos untuk sampai keputusan itu. Walaupun Parlimen berhak buat apa-apa pindaan, tetapi ia tidak *stop* dan melarang Mahkamah Persekutuan untuk buat keputusan. Yang Berhormat Bukit Tengah ada mengongsikan sedikit mungkin Yang Berhormat Datok Keramat juga, dan memandangkan ianya satu keputusan Mahkamah Persekutuan, mahkamah yang paling tinggi di negara dan tanah air kita.

Ia menjadikan Perkara 14A, Perlembagaan Negeri Pulau Pinang Undang-undang yang sah dan sah dan tidak melanggar apa-apa peruntukan yang dicabar atau yang dibawa oleh plaintif dalam kes ini.

Tadi Yang Berhormat Penaga, janganlah gunakan satu kenyataan saya dan buat rumusan begitu. Sebab saya buat lebih dari satu kenyataan. Kenyataan yang dipetik oleh Yang Berhormat Penaga, adalah saya buat setelah ditanya oleh media selepas pindaan di Parlimen diluluskan.

Itulah pandangan saya, sebagai respon kepada Pindaan Perlembagaan Persekutuan. Tetapi ingat, saya kata seminggu selepas itu Mahkamah Persekutuan buat satu keputusan dan apabila menerima keputusan Mahkamah Persekutuan, sememangnya kita ada pandangan yang berlainan sebab Mahkamah Persekutuan mensahihkan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang. Oleh itu saya buat satu kenyataan

sekali lagi, bahawa pada peringkat itu setelah Mahkamah Persekutuan buat keputusan, kita tidak nampak ada keperluan untuk membawa pindaan seperti mana saya katakan seminggu sebelum itu. Sebab fakta sudah berubah. Jangan paksa saya ada pandangan yang sama, apabila Mahkamah Persekutuan telah buat satu *landmark decision*. Tetapi kita terbuka kepada kemungkinan sedemikian dan satu lagi faktor yang kita tak boleh buat keputusan sedemikian sebab kes yang dibawa oleh plaintif masih berjalan. Macam mana kita nak buat pindaan semasa prosiding masih berjalan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Boleh Yang Berhormat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Kita hormati proses itu. Kita hormati proses itu, jadi kita tunggu. Sekarang kita sudah tunggu dua setengah tahun, tapi proses mungkin tak habis lagi sebab ada *a few* yang mungkin jadi akademik. Memandangkan apa yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan. Mahkamah Tinggi pun tak ada pilihan, apakah prinsip undang-undang itu. *Resident*.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Betul-betul. Boleh Yang Berhormat?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Sama-sama pun bukan peguam, tak perlu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):

Saya nak tanya, Yang Berhormat.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Okey, okey.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey, okey.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Jadi, Mahkamah Tinggi pun buat keputusan tidak setuju dengan petisyen keempat-empat Yang Berhormat dan Yang Berhormat memilih untuk buat rayuan ke Mahkamah Rayuan, masih berada di Mahkamah Rayuan. Tetapi kita merasakan kerana prinsip presiden maka, Mahkamah Rayuan tak ada pilihan melainkan mematuhi keputusan Mahkamah Persekutuan atas isu sama ada Perkara 14A

Perlembagaan Negeri Pulau Pinang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Saya juga ada respon apabila Yang Berhormat Air Putih mencadangkan negeri buat pindaan. Itulah sudah pun saya jelaskan mengapa tidak kita tidak ambil tindakan sedemikian.

Sedikit lagi sepanjang perbahasan khususnya dari empat Yang Berhormat, saya mendapati Yang Berhormat cuba mempertahankan diri sendiri. Yang Berhormat Bertam kata "*what is the points to vacate the seat when the general election is just around the corner*". *So, you are looking at your interest. What is the point, because you don't see the point. It is not about us as Wakil Rakyat. It is about upholding our constitution.*

Yang Berhormat Datok Keramat sebut dengan jelasnya, kita angkat sumpah untuk mempertahankan perlembagaan kita. *What is the point? The point is about political ethics and morality and not our respective constituencies.* Itulah mengapa kita sampai ke peringkat ini. *It pays my heart to bring this motion to the house because kita pun sama-sama dalam perjalanan politik. Sama-sama main peranan sebagai Wakil Rakyat, sama-sama mahu bantu rakyat. Tetapi ia melangkaui diri kita. Tetapi apa yang kita ikrar adalah untuk mempertahankan perlembagaan, menjadi pemimpin yang mematuhi prinsip etika politik dan morality politik dan menjaga hak demokrasi Rakyat.*

Yang Berhormat Seberang Jaya, cuba ialah kita tahu prestasi Yang Berhormat semasa dalam EXCO pun boleh tahan. Ada idea, ada tenaga dan sebagainya, kita tidak nafikan. *But can you do it without the government? You were a member of the government, mind you. You were not a member of the opposition. You were not a member of the opposition. You were a member of the State cabinet. That's why you were able to do what you have done. You have benefited from the in, in government. But you betray the trust. You choose to betray the trust. The law is cleared, the law was innated 2012, you came in in 2013. Undang-undang sudah ada, tak kan kita tak tau. You came in 2018, lagi teruk. Undang-undang Anti Loping, Anti Hoping sudah dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang sejak 2012 ataupun kuat kuasa Januari 2013. We came in with our eyes open bahawa Anti-Lompat dilarang di Negeri Pulau Pinang. Tetapi Yang Berhormat pilih untuk menjadi calon. Itu pun bukan salah. Yang salah, Yang Berhormat pilih untuk lompat parti. Kadangkala kita tidak boleh pisah seorang wakil rakyat daripada parti.*

If I can quote the constitutional spirit and strain in dealing with the right of participation through election. Strictly govern by the federal constitution and also the state constitution and the election end enclosed the representation by the party or the coalition using any logo that make people to cast their vote.

Kita begitu ego, saya menang kerana saya *handsome*, saya yang wanita rasa dia cantik. Kita menang kerana itu apabila kita menang, kita sudah lupa parti sebelum tanding pegang parti mahu guna logo parti, mahu terima watakah itu parti. Selepas menang, saya saya saya tak ada pengasingan individu. Dengan parti sebab rakyat pilih seorang bukan semata-mata berdasarkan kepada orang itu. Sebenarnya di Malaysia kebanyakan pengundi tak tahu siapa pun calon. Tapi mereka pilih parti untuk menjadi kerajaan.

Jadi, itulah mengapa undang-undang ataupun perlembagaan ini diadakan pada tahun 2012 dan diikuti diperingkat negara di mana akhirnya ada undang-undang mencegah lompat parti di mana Yang Berhormat Pantai Jerejak telah pun mengupas dengan begitu teliti kerana Yang Berhormat sendiri adalah seorang ahli dalam jawatankuasa *review* panel berkenaan. Saya percaya dalam proses itu, saya pun pernah tanya mantan menteri yang bertanggungjawab mereka pun ada rujuk kepada Perlembagaan Negeri Pulau Pinang dan ada sebab mengapa mereka tidak mahu ikut penafsiran *hoping* yang berada dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang kerana kalau mengguna pakai apa yang berada dalam Perlembagaan Negeri Pulau Pinang, saya tak ada dalam jawatankuasa itu tetapi saya dengar banyak parti tidak akan dapat setuju dengan definisi seperti mana kita berikan dalam Perlembagaan Negeri.

Oleh itu, jawatankuasa itu terpaksa *waterdown* isi kandungan ke satu peringkat yang boleh diterima oleh semua parti *not we are standing that* kita tidak cadang *quarrel* dengan cara itu tetapi Pantai Jerejak telah menyatakan dengan begitu jelas bahawa akhirnya negara kita sudah pulih kerana ada undang-undang ini. Bayangkan dengan keputusan PRU-15 itu kalau boleh lompat parti mungkin sampai 100 hari selepas pilihan raya sudah ada dua tiga Perdana Menteri, bayangkan itu jadi kita merasakan sekiranya tidak ada undang-undang sedemikian maka kerajaan yang mungkin dapat dibentuk oleh kerana keputusan rakyat yang menyebabkan satu keadaan di mana tidak ada gabungan yang mempunyai kerusi yang cukup untuk membentuk sebuah kerajaan yang kukuh, maka itu dapat ditangani dengan *anti hoping law* di negara kita yang bukan baharu di lain-lain negara. Dan itu sahaja yang ingin saya nyatakan disini dan satu perkara yang dibawa oleh Ketua Pembangkang yang masih Ketua Pembangkang dan pasti akan menjadi Ketua Pembangkang selepas hari ini adalah undang-undang atau pun usul ini akan berkuatkuasa pada hari yang ianya diluluskan iaitu hari ini. Dengan itu sekian, terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua terima kasih kepada Dewan yang mulia ini.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang 75Berhormat Padang Kota yang bahas macam gulung dan sekarang saya nak...Ahli-Ahli Yang Berhormat sekarang kita berada dalam sesi penggulungan usul dan saya nak persilakan Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri jika ucapan penggulungan dipersilakan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua Dewan, seperti yang Dato' Yang di-Pertua cakapkan bahawa Y.A.B. Ketua Menteri telah pun menggulung tadi...gangguan..ya bahas tapi macam menggulung terima kasih ya jadi apa yang ada dihadapan kita. Pertamanya saya ingin nak buat pembetulan sikit berkenaan dengan satu kesilapan fakta tadi yang telah dibangkitkan oleh YB. Khalid tentang apa pendaftaran BERSATU itu memang pendaftaran Pakatan Harapan belum lagi didaftarkan pada pilihanraya 9 Mei hanya didaftarkan pada 16 Mei kan, BERSATU didaftarkan sebelum tu lagi tetapi apa yang ada dihadapan kita ini adalah sebenarnya kita nak bahaskan tentang *spirit* 14A itu saja dimana ke empat-empat ADUN yang disebutkan ADUN Seberang Jaya, Sungai Acheh, Bertam dan Teluk Bahang pada hakikatnya semua ADUN-ADUN ini telah pun bertanding bersama-sama dengan ADUN-ADUN di pihak kerajaan sekarang yang menggunakan logo Keadilan sebab pada masa itu Pakatan Harapan

belum didaftarkan tetapi pada hakikatnya semuanya bersetuju, semuanya tahu bahawa mereka mewakili Pakatan Harapan dan saya juga bersetuju *the most honourable thing to do* apabila apa nama berlaku lompat parti atau pun berlaku perubahan di dalam kepercayaan kepada parti yang mereka bertanding ini pada asalnya *the most honourable thing* seperti yang disebutkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri adalah dikosongkan mengikut perlembagaan tetapi itu telah tidak berlaku maka kita telah di *drag* sampai apa yang kita berada pada hari ini dan 14A telah pun disahkan oleh mahkamah bahawa 14A tidak menyalahi Perlembagaan Persekutuan walaupun ada perbezaan sedikit didalam 14A dan juga 39A, saya pun macam Y.A.B. Ketua Menteri dan Seberang Jaya juga bukan *lawyer*.

Tuan Yang di-Pertua, jadi tak berapa nak arif tentang proses undang-undang mungkin ada perbezaan sikit yang seperti disebut oleh Y.A.B. Ketua Menteri mungkin dilihat semula kan tetapi tidak mencegah kita daripada membuat keputusan bahawa empat (4) ADUN yang sepatutnya telah mengosongkan apabila mereka tidak bersama-sama dengan Kerajaan Negeri yang sepatutnya telah mengosongkan kerusi mereka dan memberi mandat kepada rakyat perkara itu diberikan kebebasan oleh Perlembagaan Negeri untuk mereka lakukan tetapi mereka telah tidak lakukan jadi apa yang ada di depan kita pada hari ini adalah untuk kita membuat keputusan kepada usul yang saya bawa iaitu usul untuk mengosongkan kerusi empat DUN yang tersebut. Saya ingat saya *press* disini saja serahkan kepada Dewan yang mulia ini dan ADUN-ADUN semua untuk membuat keputusan, sekian, terima kasih.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat Pinang Tunggal. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi penggulungan telah pun selesai dan masalah yang kita hadapi sekarang adalah usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Pinang Tunggal yang berbunyi "Bahawa Dewan ini meluluskan suatu usul yang bertajuk Pengisytiharan Kekosongan Empat (4) Kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang di bawah perkara 14A Perlembagaan Negeri Pulau Pinang akibat kegagalan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri yang berkenaan untuk mengosongkan kerusi mereka di bawah fasal 14A(1) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang. Senarai kerusi dan ADUN yang terlibat adalah seperti berikut:

- (1) Pertama Seberang Jaya N10, Yang Berhormat Dr. Afif Bin Bahardin yang kedua;
- (2) Sungai Acheh N21, Yang Berhormat Zulkifli Bin Ibrahim yang ketiga;
- (3) Bertam N2, Yang Berhormat Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq yang keempat;
- (4) Teluk Bahang N40, Yang Berhormat Zolkifly bin Md. Lazim

Bahawanya Dewan ini bersetuju sekiranya pengisytiharan tersebut diluluskan, Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri menurut fasal 14A(4) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang hendaklah memberitahu Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) bahawa telah berlakunya kekosongan kerusi Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan bahawasanya Dewan ini mengambil maklum mengenai proviso dibawah fasal 19(5) Perlembagaan Negeri Pulau Pinang, bahawa suatu kekosongan luar jangka tidak boleh diisi memandangkan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang akan terubur dalam tempoh kurang dari 2 tahun dipersetujui.

Ahli-Ahli yang bersetuju katakan "Ya"

Ahli-ahli Dewan:

“Ya”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-ahli yang tidak bersetuju katakan “Tidak”

Ahli-ahli Dewan:

“Tidak”

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

“Ya”, lebih banyak. Usul dipersetujui. Maka dengan itu Dewan mohon supaya empat (4) ADUN yang terlibat mengosongkan kerusi dan meninggalkan Dewan Persidangan sekarang, sila.

Yang Berhormat Seberang Jaya sila, Sungai Acheh, Bertam dan Teluk Bahang sama-sama kita ikut perintah Speaker dan saya ucapkan terima kasih kepada ke empat-empat Yang Berhormat sepanjang Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah pun berada didalam Dewan yang mulia ini, terima kasih.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Yusni bin Mat Piah):

Yang Berhormat Penaga mengiringi.

YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Boleh, sesiapa yang nak mengiringi...(gangguan). Terima kasih semua rasanya cara yang paling baik yang telah pun kita guna untuk kita mengosongkan kerusi ke empat-empat itu selepas kita bagi ruang, masa yang secukup-cukupnya untuk dibahaskan dan untuk digulungkan dan seterusnya diluluskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Maka, Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan untuk kita makan tengah hari dan kita akan bersambung jam 2.30 petang nanti untuk kita berada dalam sesi soalan lisan

Dewan ditangguhkan pada jam 12.50 tengah hari

Dewan bersambung semula pada jam 2.30 petang

Timbalan Setiausaha Dewan:

Soalan Lisan.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya adalah sesi soalan lisan. Dipersilakan soalan.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Ong Khan Lee):

Terima kasih Dato' Timbalan Speaker, soalan saya nombor 1.

No. 1. Sama ada *SmartPole* dengan ciri-ciri video dan *image processing* boleh dipasang di Padang Tembak?

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Dato' *Speaker* dengan terima kasih Yang Berhormat Kebun Bunga. Kerajaan Negeri telah memperkenalkan projek *Smart Street Pole* pada tahun 2019 sebagai satu *platform* untuk mempercepatkan pelaksanaan 5G di Pulau Pinang. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Garis Panduan Pemasangan *Smart Street Pole* yang telah berkuat kuasa pada 1 April 2022 yang lalu. Komponen utama bagi *Smart Street Pole* adalah penukaran tiang lampu sedia ada kepada *Smart Street Pole* atau penambahan *Smart Street Pole* pada jajaran lampu jalan sedia ada milik PBT. Kerajaan Negeri turut menggalakkan pemasangan peranti pintar seperti CCTV, sensor alam sekitar dan juga WiFi. Sekiranya terdapat permohonan pemasangan *Smart Street Pole* di Padang Tembak, CCTV boleh dijadikan sebagai syarat komponen peranti pintar untuk dipasang bersekali dengan *Smart Street Pole*. Ini saya bagi contohnya. Sehingga kini, tidak ada sebarang permohonan untuk pemasangan *Smart Street Pole* di kawasan Padang Tembak. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui MBPP bersedia untuk berunding dengan mana-mana syarikat penyedia infrastruktur telekomunikasi untuk memasang *Smart Street Pole* di kawasan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Soalan seterusnya.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Dato' Timbalan Speaker, soalan saya soalan nombor 2.

- No. 2. Bilakah Kerajaan Negeri akan memulakan kajian trafik secara menyeluruh di Seberang Perai?
- (a) Apakah status penaiktarafan Jalan Bukit Tambun dan Jalan Paboi oleh JKR?

- (b) Huraikan anggaran kos untuk penaiktarafan jalan dan jejambat Jalan Perusahaan Valdor.
- (c) Huraikan status sambungan jalan dari Bandar Tasek Mutiara ke Hijauan Hills.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Dato' *Speaker* dengan terima kasih Yang Berhormat Bukit Tambun. Yang Berhormat, Inisiatif Penyelesaian Lalu Lintas di Seberang Perai, kita ada perancangan melalui MBSP iaitu Pelan Strategik Majlis Bandaraya Seberang Perai 2023-2030. Di dalam inisiatif ini, senarai lokasi *hot spot* kesesakan lalu lintas dan cadangan penyelesaian bagi jangka masa pendek dan juga panjang akan dikenal pasti. Inisiatif ini akan disiapkan pada tahun 2023 dan kemudian dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Lalu Lintas dan Infrastruktur MBSP. Inisiatif ini akan membantu jabatan dan agensi berkaitan bagi mendapatkan cadangan penyelesaian kesesakan lalu lintas dan membuat permohonan peruntukan sama ada daripada Kerajaan Negeri atau pun Persekutuan. Untuk soalan Yang Berhormat mengenai Jalan Bukit Tambun dan Jalan Paboi, permohonan untuk mendapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan telah pun diminta dalam *Rolling Plan* Ke-12 dan di sini sukacita saya memaklumkan bahawa Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kerja Raya telah pun meluluskan RM350,000.00 untuk menaik taraf jalan *connector* di bawah jejambat Jalan Bukit Tambun, manakala RM600,000 telah pun diperuntukkan untuk Jalan Paboi untuk membuat *resurfacing*. Dan setelah siap, jalan *connector* di bawah jejambat tersebut, maka Kerajaan Negeri akan mempertimbangkan untuk membina satu '*U-turn*' di Jalan Bukit Tambun dan dengan adanya *connector road* yang telah siap dan juga '*U-turn*' ini, maka apabila susur keluar daripada Jalan Paboi menghala ke kanan, *right turn to*, boleh kita tutup dan ini akan langsung menjadikan aliran trafik menjadi satu *loop* dan kita berharap bahawa dengan penyelesaian ini, maka aliran trafik di kawasan tersebut akan sedikit sebanyak dikurangkanlah kesesakan.

Untuk soalan (b), anggaran kos bagi menaik taraf jalan dan jambatan di Jalan Perusahaan Valdor adalah sebanyak RM115 juta. Skop kerja termasuk menaik tarafan jalan sepanjang 675 meter dan membina jejambat baru sepanjang 425 meter merentasi lebuhraya LLM. Cadangan JKR adalah untuk menyambungkan jalan yang sedia dibina oleh PDC di Jalan Perusahaan Valdor.

Soalan (c), status sambungan jalan pintasan dari Jalan Tasek Mutiara 10 ke Jalan Hijauan Hills 1 kini dalam proses penyediaan pelan pengambilan balik tanah. Manakala pelan reka bentuk konsep telahpun dibentangkan kepada saya pada 13 Januari dan telah diluluskan. Pelan pengambilan tanah pula telah dikemukakan kepada Pejabat Daerah dan Tanah SPS pada minggu kedua Februari 2023. Lukisan dan dokumen tender telahpun siap dan akan diiklankan setelah selesai proses pengambilan balik tanah. Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekelip mata saja, saya telah berada di sini lima (5) tahun. Balik kepada soalan lisan pertama saya adalah mengenai kesesakan lalu lintas. Sepanjang lima (5) tahun ini memang saya ingin

mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Padang Kota dan juga Yang Berhormat Tanjong Bunga kerana telah mengambil inisiatif untuk menaik taraf jalan-jalan yang ditanyakan oleh saya selama ini.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang berskala kecil dan menaik tarafan secara *in field* itu masih tidak dapat menangani kesesakan lalu lintas di Jalan Bukit Tambun, Jalan Persekutuan dan Jalan Paboi dengan pembangunan pesat di Bandar Tasek Mutiara dan Batu Kawan. Oleh yang demikian, saya berharap kita dapat peruntukan yang lebih banyak untuk menyelesaikan secara menyeluruh kesesakan di SPS ini.

Soalan tambahan saya, kita pernah, untuk menangani kesesakan lalu lintas di Plaza Tol Bukit Tambun arah selatan, apakah status cadangan pintasan Sungai Bakap yang menghubungkan Lebu Raya Utara Selatan dengan Jalan Persekutuan di Persimpangan Bandar Cassia? Soalan kedua, tentang kesesakan di Jalan Persekutuan, apakah status pelebaran Jalan Persekutuan dari JPJ Valdor sehingga ke jejambat Valdor, iaitu di Taman Rebana, iaitu sambungan selepas fasa kelima? Itu sahaja, terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tambun yang senantiasa membangkitkan isu-isu yang berkait dengan trafik dan Kerajaan Negeri sememangnya mendengar rintihan daripada Yang Berhormat dan juga daripada rakyat mengenai kesesakan trafik dan kita menyambut baik semua kritikan-kritikan yang membina serta idea-idea baru yang mungkin boleh dipertimbangkan untuk menyelesaikan masalah trafik. Antara idea-idea baru yang telah dicadangkan adalah Jalan Pintasan Sungai Bakap ini. Dan sukacita dimaklumkan JKR Negeri Pulau Pinang telah pun siap membuat penyediaan anggaran kos projek cadangan jajaran pintasan dari Lebu Raya Utara Selatan (KM154.1) ke FT001 Jalan Sungai Bakap. JKR Pulau Pinang telah pun membuat pembentangan tersebut kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri berkenaan cadangan projek ini dan kini JKR dalam proses penyediaan kertas kerja untuk diangkat ke pihak Kerajaan Negeri untuk keputusan.

Soalan kedua, mengenai pelebaran Jalan Persekutuan, dari JPJ Valdor ke jejambat Valdor, projek ini sebenarnya Yang Berhormat, ada dalam skop, dalam reka bentuk projek fasa 5 penaiktarafan FT001. Namun skop dalam pelebaran fasa 5 ini adalah dihadkan sehingga JPJ Valdor dan sehingga kini sambungan pelebaran jalan ini belum lagi kita dapat maklumat daripada Kementerian. Namun, saya dimaklumkan terdapat lawatan tapak tempoh hari oleh pihak Kementerian dan juga telah diterima RM1.38 juta untuk penurapan. Sementara kita buat penurapan itu, kita harap juga Kerajaan Negeri telah pun menulis kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengutamakan, menjadikan projek ini sebagai salah satu keutamaan bagi Negeri Pulau Pinang dalam *Rolling Plan* Keempat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Soalan tambahan. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Soalan saya berkaitan juga dengan isu trafik di kawasan Daerah SPS di mana saya ingin menanya kepada YB. EXCO, di mana, apakah status pembinaan jambatan yang melintasi Sungai Tengah iaitu BKIP dan BKIP2. Walaupun kita sedia dimaklum bahawa

penangguhan oleh PDC untuk pembinaan jambatan ini disebabkan insiden kebakaran berlaku di tapak pelupusan sampah Pulau Burung. Walau bagaimanapun, saya berpendapat sebagai wakil rakyat di kawasan SPS, saya berpendapat bahawa jambatan ini amat penting untuk menghubungkan atau pun memberi manfaat kepada penduduk-penduduk di Nibong Tebal, di Sungai Acheh kerana banyak juga walaupun kita difaham terdapat jalan pintas yang dari Changkat ke Batu Kawan tetapi sambutan penggunaan jalan tersebut amat tinggi. So saya cuma nak dapatkan status pembinaan jambatan dan jalan di BKIP pembinaan itu, terima kasih.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Yang Berhormat Jawi seperti Yang Berhormat sedia maklum tadi pun Yang Berhormat ada sebut dia sebenarnya cadangan pembinaan jambatan ini adalah terkait dengan BKIP 2 dan disebabkan pembangunan BKIP 2 yang telah tertangguh selama lima (5) tahun maka projek ini juga sama-sama tertangguh dan faktor utamanya seperti yang disebut tadi adalah kerana kebakaran di tapak pelupusan sampah Pulau Burung dan kemudiannya menjadikan kawasan di BKIP tu mungkin kurang ya sambutan maka projek itu ditangguh, namun begitu saya mengambil maklum cadangan Yang Berhormat bahawa perancangan infrastruktur seharusnya dibuat sebelum keperluan itu menjadi nyata dan bukan setelah kita nak buat pembangunan baru kita nak fikir, jadi perkara ini akan saya bangkitkan kepada pihak PDC mungkin kita boleh bincang sama-sama dan juga kepada perhatian Ahli Parlimen kawasan Batu Kawan untuk dibincang secara lanjut, terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya.

Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di Pertua, soalan saya soalan No.3.

- No. 3. Terangkan status terkini tentang krisis African Swine Fever (ASF) di Negeri Pulau Pinang.
- (a) Senaraikan lading ternakan khinzir yang terkesan mengikut lokasi, bilangan ekor khinzir dilupuskan serta anggaran kerugian.
 - (b) Bilakah jangkaan industry ternakan khinzir boleh diumumkan disease-free?
 - (c) Terangkan secara terperinci rancangan Kerajaan negeri dalam menyelamatkan sector industri ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Terima kasih Timbalan Yang di Pertua, saya juga memohon kebenaran untuk menjawab soalan 62 kerana isu-isu ini juga berkaitan. ASF atau *African swine fever* atau penyakit demam berdarah Akut yang di sebabkan oleh virus *Asfarviridae* yang menyerang ternakan babi domestik dan babi liar serta menyebabkan peratusan kematian yang tinggi, tempoh itu ASF di antara lima sehingga 15 hari tanda-tanda

klinikal adalah agak berbeza mengikut tahap-tahap di *viral strain virus* satu adalah perkut. Gejala ini berlaku sebab jangkitan virus *African swine fever* yang sangat viral babi yang demam tinggi, hilang selera makan dan tidak aktif, kematian mengejut boleh dilakukan dalam satu sehingga 3 hari selepas jangkitan tanpa menunjuk tanda-tanda klinikal yang ketara. Kedua adalah Akut kadar kematian boleh mencapai sehingga 100% babi dan estik komersial, yang ketiga adalah *subacute* di mana kematian adalah 7 hari sehingga 20 hari dan kadar kematian antara 30 sehingga 70% dan kronik atau kronik *form* tanda-tanda klinikal boleh dilihat di antara 14 hingga 21 hari selepas jangkitan dan jangkitan boleh menjangkau sehingga 2 sehingga 15 bulan kadar kematian adalah amat rendah yang lebih kurang 30 % babi yang boleh dibawa virus seumur hidup tanpa menunjuk tanda-tanda klinikal bersejarah ASF adalah ASF dilaporkan dijangkit babi liar dan babi hutan dan babi domestik pada Afrika sejak tahun 1921 daripada 1957 ASF dilaporkan di Portugal pada 3 Ogos 2018 ASF telah disahkan mengalami di Xian China sejak 1921 sehingga 2018 sebanyak 100 juta babi telah mati manakala di Malaysia yang ASF telah dilaporkan pada Februari tahun 2021 di Sabah dan Sarawak. Institusi kepada di seluruh dunia pada kini pada sejak 2021 dan setakat 16 hari bulan Februari 2023 ASF telah disahkan di 41 buah negara seluruh dunia melangkaui iaitu dapat lebih kurang 828 ribu ekor babi telah mati daripadanya 23 babi liar yang terkesan.

Sehingga 17 Februari 2023 terdapat 16 ladang ternak babi terkesan dan menjalani pelupusan yang meliputi dua (2) daerah iaitu Daerah Seberang Perai Selatan, Daerah Seberang Perai Tengah, di Seberang Perai Selatan terdapat 14 ladang yang terkesan iaitu kata ladang kod PS77, PS90, PS56, PS44, PS66, PS44, PS127, PS057, PS141, PS029, PS061, PS83, PS131 dan PS1001.

Manakala di Seberang Perai Tengah terdapat dua (2) ladang yang dikesan iaitu iaitu kod ladang PT007 dan PT008. Manakala jumlah yang telah dilupuskan pergi ke semua ladang di daerah yang terlibat sebanyak 14,385 ekor dan anggaran kerugian adalah RM14,770,660.00.

Berhubung pencapaian adalah seperti di Lampiran A yang akan di letak di meja Yang Berhormat selepas sesi soalan lisan. Pulau Pinang khasnya dapat disahkan bebas penyakit ASF setelah penumpang dan ujian ke atas semua ladang-ladang kesan negatif dan tanda ini tidak positif dan kemungkinan akan ambil lebih kurang dua (2) tahun sehingga tiga (3) tahun. Bagi menyelamatkan industri penternak babi di Pulau Pinang pihak jabatan telah melaksanakan Enakmen Perhutanan Babi 2016, Enakmen 18 bersama-sama dengan Peraturan-Peraturan PU32/2020 pihak jabatan juga telah mewartakan perintah kawalan penyakit *African Swine Fever* di negeri Pulau Pinang 2022 di bawah Seksyen 36(i), Akta Binatang 1953 dan berkaitan Kawalan Penyakit ASF *African Swine Fever* Pulau Pinang untuk 2022 di bawah Sub Seksyen 36(2) Akta yang sama telah diluluskan pada 6 April 2022 dan tarikh warta adalah 23 Jun 2022. Pewartaan ini akan memberi JPVPP lebih kuasa untuk, kuasa yang lebih menyeluruh bagi menawarkan penularan penyakit ASF dan ternak babi bagi dengan sekeras seperti dinyatakan dalam Seksyen 36 Akta Binatang 1953 Akta(647) JPVPP juga telah mewartakan perintah kawalan membasmi penyakit *African Swine Fever* Negeri Pulau Pinang tahun 2023 sebaiknya kes-kes pertama *African Swine Fever* dikesan di Pulau Pinang dan pemberi JPVPP kuasa dalam menjalankan pembasmian penyakit dengan berkesan.

Ahli Kawasan Machang Bubok (YB. Lee Khai Loon):

Soalan tambahan, terima kasih Sungai Puyu yang telah menjawab persoalan ini bagi saya ini ASF ini adalah satu krisis dan krisis ini memang telah juga membangkitkan atau menyebabkan kita perlu lihat balik soalan yang ketiga iaitu rancangan Kerajaan Negeri bagaimana kita nak menguruskan *pig farming - pig farming* ini. Saya nak tanya pandangan daripada kerajaan dimanakah, apa pandangan tentang, tentang cadangan untuk membangunkan *modern pig farming* kerana apa yang kita dapati adalah beberapa walaupun kita ada Enakmen tetapi dari segi penguatkuasaan kita nampak masih terdapat banyak *loophole* itu kenapa kita hari ini kita berdepan dengan krisis ini juga adalah disebabkan masih ada banyak penternak-penternak yang tidak mengamalkan penternakan *close house* yang sepenuhnya? .So ini soalan yang pertama, adakah kerajaan akan memastikan bahawa penternakan ladang khinzir ini akan dimodenkan dan bagaimana ia akan dilaksanakan dalam masa yang akan datang dan kedua tadi tu Yang Berhormat Sungai Puyu juga ada sebut tentang ada 16 ladang yang terkesan daripada ASF ini. Antaranya SPS dan juga SPT, SPT ada dua tapi kita juga di maklum bahawa SPU juga terkesan daripada ASF termasuk juga Barat Daya. So bagaimana 2 daerah ini, adakah mereka telah bebas daripada ASF atau apa-apa tindakan yang telah diambil ke atas SPU dan juga Barat Daya dan soalan yang terakhir adalah Kerajaan Pusat juga menyatakan bahawa akan adakan pampasan kepada penternak-penternak khinzir yang secara sukarela untuk melupuskan khinzir-khinzir tersebut boleh Yang Berhormat EXCO juga memberi *update* tentang apa status terhadap pampasan tersebut adakah ia akan diberikan oleh Kerajaan Pusat atau tidak, itu sahaja, terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Baik, terima kasih memang ada satu cara adalah kita mewujudkan satu PFA iaitu *pig farming area* akan tetapi apabila cadangan *pig farming area* telah disebutkan timbul satu masalah *not in my backyard* memang Kerajaan Negeri telah ambil tindakan supaya mereka bahawa semua daripada orang kata ni secara macam dulu, macam asli untuk *closed house farming* kerajaan memang tak nak ambil tindakan akan tetapi persoalan *food security* itu amat penting *food security* kita juga bagi masa pada mereka jika jika ini kita telah bagi mereka sampai 30 Jun 2023 untuk semua ditukar kalau tak ada semua akan ditutup tetapi soalan adalah *food security* kalau pun *food security* dimanakah Pulau Pinang pada kini, Kita adalah 2% to 5%, 100 ekor babi dimakan oleh warga Pulau Pinang, 125 dikongsi dengan lain *state* pada kini sudah jadi satu masalah tapi jadi masalah bahawa nya macam mana untuk difahami, macam mana untuk *supply* yang mana kekurangan memang di sini juga kita ada di SPU terhadap ladang-ladang yang telah adalah bahawa dipercayai positif akan tetapi atas rayuan-rayuan rakyat yang sedang dijalankan mereka nak *second opinion* bahawa macam mana nak buat *test*, buat *test* oleh penternak buat test oleh JVS ini semua dijalankan.

So, kita tidak mahu menakutkan rakyat bahawa semua sudah kena. Memang di negeri Pulau Pinang di DBD juga ada perkara macam ini, di mana mereka ada melalui 2. Satu, ambil *testing* di dia punya ladang dan satu lagi di tempat supaya tidak ada pelupusan yang ketaksan dan untuk ini pampasan-pampasan kita telah dimaklum bahawa mereka telah sediakan 12 juta tunggu sehingga bajet *meeting*. Tetapi apa yang saya difahamkan 12,000 tu tidak termasuk Pulau Pinang dan rayuan telah dibuat, 12 juta itu adalah untuk Johor, Melaka, Pahang, Negeri

Sembilan dan Perak dan di Pulau Pinang mereka belum tambah angka-angka itu dalam bajet rayuan telah dibuat.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih, seterusnya....

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Dato', boleh satu soalan tambahan, Terima kasih kepada Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan. Terima kasih kepada Sungai Puyu berdasarkan rekod kalau ASF di SPS ini bermula pada 4 Januari dan kes yang terakhir adalah 5 Februari di SPU bermula 17 Januari berakhir pada 7 Februari. bererti Kerajaan Negeri telah dapat mengawal perebakan ASF ini dalam jangka masa yang pendeklah bagi saya. Dalam tempoh satu bulan sudah tidak ada perebakan lagi. So, adakah kejayaan ini disebabkan kita melakukan pelupusan. Walaupun mendapat tentangan, adakah kaedah pelupusan itu merupakan kaedah yang telah mengekang perebakan ini.

Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):

Memang pada mulanya saya telah bagitahu bahawa dia ada beberapa punya *symptom*. Dia punya *symptom* seperti tadi yang saya mengatakan bahawa dia adalah *peracute* dan *chronic equate*. Di sini memang rayuan telah dibuat di SPS kerana apabila mereka terletak *emergency disaster management* untuk daripada SPS mereka telah merosakkan penuh pada mereka akan tetapi rayuan-rayuan telah dibuat. Seperti apa ladang-ladang yang telah disahkan positif tetapi dengan kawalan sehingga kini ada mereka tidak ada kematian kerana ia aset. So ini adalah satu kejayaan dimana kita urus dengan secepat dan juga kerjasama yang daripada penternak dan juga daripada DBS bersama dengan Kerajaan Negeri. Saya ada keyakinan bahawanya jika kita semua bergerak sebagai satu pasukan kita akan jaya, terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih, seterusnya.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua Dewan soalan saya nombor empat.

No. 4 Melalui dasar kesaksamaan gender Kerajaan Negeri, apakah insentif dan program yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan yang terjejas dari tahun 2018 hingga 2022?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Lancang untuk soalan 4. Dasar Keterangkuman Gender atau dalam pendeknya (DKG) dirangka selaras dengan Visi Penang2030 yang bermatlamat untuk mencapai kesaksamaan *gender* tanpa mengira etnik, agama dan status sosioekonomi. Pihak Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang atau (PWDC) merupakan agensi pelaksanaan bagi DKG di Negeri Pulau Pinang. DKG memastikan sebarang dasar, prosedur serta penguatkuasaan undang-undang dibuat secara menyeluruh dengan menitik beratkan perspektif *gender*. Kaedah pengurusan *gender* seimbang melalui nisbah 40% (wanita): 40% (lelaki): 20% (lelaki atau wanita) diperkenalkan bagi memastikan kedua-dua golongan wanita dan lelaki diberi peluang yang sama rata dalam bidang kerjaya terutamanya di jabatan/agensi Kerajaan Negeri.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah mengambil langkah untuk melaksanakan keterangkuman gender melalui Bajet Penyertaan Rakyat dan *Responsive Gender* atau *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) yang telah dilaksanakan sejak tahun 2012. GRPB merupakan suatu pendekatan atau metodologi yang mesra *gender* dan memastikan sumber-sumber yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dapat menjamin keseimbangan sosial dan ekonomi untuk rakyat selain dapat membantu merangka bajet yang lebih seimbang untuk membantu golongan terjejas.

Pihak MBPP dan MBSP telah berjaya menjadi jabatan contoh bagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lain di seluruh Malaysia menerusi pelaksanaan GRPB yang berkesan melalui kerjasama dengan pihak PWDC dan URBANICE Malaysia yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan serta turut sama terlibat adalah pihak *United Cities and Local Governments Asia Pacific* (UCLG-ASPAC).

Tambahan pula, DKG turut menjadi *instrument* penting dalam literasi gender di peringkat komuniti. Pihak PWDC telah berjaya memberi pendedahan kepada pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan juga komuniti dalam usaha memberi kesedaran gender di samping mewujudkan kumpulan penggerak di bawah *GRPB Movers*. Bagi tujuan memberi kesedaran gender kepada masyarakat, komik yang bertajuk "Cerita Anak Penang" juga telah diterbitkan dan dilancarkan oleh YAB Ketua Menteri pada Januari tahun ini. *Thank you*.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Teruskan.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Boleh saya dapatkan penjelasan Yang Berhormat EXCO tentang cadangan TWOS (*Top-up Women-Only Additional Seats*). Sejauh mana TWOS sejauh mana pelaksanaan cadangan itu dan jika positif bilakah akan dilaksanakan supaya kesenjangan gender terutamanya dalam Dewan ini dapat di kurangkan.

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih, tentang soalan tambahan ini. Keterangkuman gender dasar keterangkuman gender ini memang sudah terpakai melalui umpamanya kita adakan platform untuk JPWK kita juga menyediakan Sidang Wanita supaya kita boleh menambah perwakilan wanita dalam membuat keputusan termasuk di dalam Dewan ini. Sampai sekarang kita masih dalam menelitikan untuk *define* supaya dia boleh diterima pakailah. Jadi dalam proses masih dalam proses, Terima kasih *for asking*.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Dato' Timbalan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya untuk gender kesaksamaan gender ini. Saya ingat Kerajaan Negeri juga melalui iSejahtera untuk diberikan kepada golongan ibu tunggal ataupun juga suri rumah. So bagaimana dengan adanya soalan kepada bapa tunggal ataupun suri rumah lelaki kerana tidak dapat dinafikan ini juga terdapatnya juga bapa tunggal dan suri rumah lelaki yang juga terjejas so *what I mean kesaksamaan gender towards in most of us about this*.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih ini soalan yang sangat baik saya rasa kita nak terangkuman gender. Jadi kita sekiranya kita bagi kepada ibu tunggal kita pun mesti bagi pada bapa tunggal jadi saya rasa sudah sampai masa kita punya kita punya program untuk ibu tunggal. Dia mesti rangkumkan bapa tunggal juga jadi ialah ibu bapa tunggal jadi saya rasa ini adalah hala tuju kita. Kita akan bagi kepada sesiapa yang di yang di belakang yang sekarang ada di belakang dia merupakan golongan minoriti. Ibu tunggal adalah golongan minoriti bapa tunggal lebih minoriti lagi dan juga *homemaker* kalau *homemaker* ialah kaum bapa saya rasa mereka perlu diberi sokongan juga jadi ini adalah tuju hala Dasar Keterangkuman Gender terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Padang Lalang. Boleh silakan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Soal gender ini ada banyak isu keterangkuman dia *covering a lot of issues*. Satu isu yang saya nampak kesaksamaan gender itu tidak wujud adalah apabila golongan wanita yang menghadapi masalah pergi ke balai polis dan baharu-baharu ini tahun ini bulan Januari ada kes rogol di balai polis sendiri oleh anggota polis dan isu ini pernah saya bangkitkan sebelum ini. Ada tak Kerajaan Negeri ada rancangan untuk bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia *since* kita ada ADUN kita yang jadi Menteri Dalam Negeri tubuhkan satu balai polis khusus untuk wanita seperti yang dibuat di Brazil, India dan negara-negara lain. Di mana wanita rasa lebih selesa untuk membuat laporan polis untuk membuat untuk membawa masalah mereka kepada pihak polis. Tentang bukan sahaja *domestic violence* dan banyak isu yang berkaitan. Apa pandangan Kerajaan Negeri atau pun cadangan Kerajaan Negeri. Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Lalang. Memang ini satu soalan yang kita perlu fikirkan tapi pada waktu sekarang memang PWDC ada bekerjasama dengan PDRM. Kita memberi kursus latihan tentang *domestic violence* dinamikanya supaya mereka lebih sensitif apabila mereka mengendalikan kes *domestic violence*. Sama ada kita perlukan satu balai polis yang hanya untuk wanita. Saya rasa sekiranya kita boleh menambah anggota polis wanita dan kita tambah unit di B11 yang untuk jenayah seksual dan juga jenayah keganasan rumah tangga. Saya rasa kita perlukan membanyakkan unit itu dan meramaikan anggota polis sekurang-kurangnya sekiranya ada sekurang-kurangnya 30 peratus anggota polis wanita dan juga kalau boleh kita *extend* kan semua anggota polis diberi kursus gender sensitiviti kesedaran gender. Jadi saya rasa itu boleh secara *sustainable* boleh menangani masalah ini selain daripada sebuah balai polis yang khas untuk wanita. Tapi terima kasih untuk *suggestion* itu. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih Padang Lalang. Seterusnya

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua. Soalan saya soalan nombor lima.

- No. 5. Kontraktor pungutan sampah yang baru dilantik gagal menjalankan tugas dan memberi alasan kekurangan logistik dan sebagainya. Isu ini telah membawa impak serius kepada rakyat.
- (a) Memandangkan perkhidmatan kutipan sampah adalah keperluan asas yang perlu disalurkan kepada rakyat, apakah tindakan yang telah diambil?
 - (b) Nyatakan spesifikasi baru untuk tender terbuka yang disediakan oleh pihak MBPP.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua dan juga kepada rakan saya daripada kawasan Air Itam atas soalan berkenaan isu pungutan sampah di bahagian pulau oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang yang mendapat beberapa kritikan baru-baru ini yang kita tidak nafikan. Bagi mengatasi masalah perkhidmatan kutipan sampah yang tidak memuaskan ini, MBPP telah pun mengambil tindakan-tindakan seperti berikut Dato' Timbalan Yang di-Pertua iaitu:

- (i) Mengambil alih sendiri perkhidmatan kutipan sampah di kawasan-kawasan terjejas sejak 4 Januari tahun ini;
- (ii) Mengeluarkan notis penjelasan kegagalan memenuhi obligasi kontrak kepada kontraktor pada 12 Januari tahun ini juga; dan
- (iii) Menamatkan dua (2) syarikat kontraktor kutipan sampah pada baru-baru ini akhir Februari 20 Februari; serta

- (iv) Mengkaji tindakan perundangan yang boleh diambil ke atas syarikat kontraktor yang gagal mematuhi syarat-syarat perkhidmatan mengikut syarat kontrak tersebut.

Kita ambil berat isu ini kerana ini adalah satu daripada teras dan *I would say core business* Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Majlis-Majlis Bandaraya kita bukan sahaja di sini di pulau tetapi juga di bahagian seberang. Bagi melancarkan pengurusan pemungutan sampah kita telah menambah beberapa kriteria baru dalam tender terbuka kita untuk kontraktor baru iaitu:

- (i) Menyediakan lori *Compactor Unit* (CU) dan *Mini Compactor Unit* (MCU) jenis *single piece* bagi mengatasi masalah tumpahan *leachate* di jalan;
- (ii) Menyediakan *Mini Packer Unit* dan PU untuk angkut sisa-sisa pembersihan daripada parit;
- (iii) Sediakan lori kitar semula bagi perkhidmatan kutipan barangan kitar semula; dan
- (iv) Menyediakan *Portable Compactor Unit* bagi pasar awam yang telah dinaik taraf untuk ganti penggunaan tong yang dulu *RORO*, so now we have the *PCU* there as well.

Jumlah jentera pungutan sampah bagi tender baru adalah sebanyak 121 buah kenderaan, Dato' Timbalan Speaker dan perincian jumlah tersebut mengikut Parlimen dan DUN saya ada dalam lampiran. *I think* semua ada di atas meja Yang Berhormat, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah bin Ismail):

Soalan tambahan Datok Keramat berhubung dengan kutipan sampah seperti yang kita faham tadi ada dua (2) kontraktor telah dihentikan di kawasan Lembah Permai apa yang saya dapat aduan di kawasan Balik Pulau kekangan kita adalah kekurangan tenaga di pindah ke sana masalah longgokan sampah di kawasan Balik Pulau macam tak terurus. Mohon Datok Keramat untuk bagi penjelasan tentang kekurangan di Balik Pulau ini dipindahkan ke Lembah Permai.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sepertimana saya telah nyatakan kita di dalam usaha dan di dalam transisilah untuk mendapat lebih kontraktor yang baru sementara telah pun kita tamatkan beberapa kontraktor yang lain yang tidak membuat kerja mereka sepertimana diperlukan di bawah kontrak so kita akan lihat kepada semua tempat bukan sahaja kawasan Yang Berhormat di semua tempat di seluruh Pulau Pinang di bahagian Pulau dan juga di bahagian Seberang, Seberang *for your information* Yang Berhormat and Dato' Timbalan Speaker *we have taken over fully at the moment because of now of the RFP stage for us to lantik yang baru is the same thing now is happening here in Penang and we will move forward and that point in time* di peringkat sekarang memang kita akan cuba kawalkan sebaik mungkin pungutan sampah tersebut melalui kaedah kita sendiri. *Thank you very much.*

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor):

Terima kasih soalan tambahan, sampah ini yang masalah di kawasan Datok Keramat tempat sampah tu tong-tong sampah tu dia kadang-kadang tempat dia tak strategik dan menimbulkan masalah adakah perancangan pihak Majlis Bandaraya untuk mencari tempat yang sesuai atau pun pihak penduduk itu kena cari? Kadang-kadang dia berdekatan dengan kedai makan dia menimbulkan masalah kepada gerai makan dan sebagainya itu kadang-kadang menimbulkan masalah kepada persekitaran dan saya tahu sampah ini dia ada berkaitan daripada mula sampai ke pelupusan ke akhirnya dan saya rasa masalah pelupusan di akhir itu saya rasa masih belum selesai sepenuhnya masih dalam peringkat RFP dan sebagainya dan bila nak siap RFP ini selagi tak siap dia kan timbul banyak masaaah termasuklah di Pulau Burung dan sebagainya jadi saya minta kepastian.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh):

Terima kasih pada rakan saya atas soalan tersebut, saya boleh jawab sekarang juga tetapi kalau saya jawab sekarang nanti Dato' Timbalan Speaker dan Speaker tak perlulah saya jawab banyak soalan lain yang terbabit dengan isu ini, *like Dato' said* ini satu proses *first of all* apabila kita sebut tentang isu sampah kita perlu ada pendidikan di mana di Pulau Pinang kita sememangnya sudah pun ada program di mana kita hendak ada pengasingan sampah di sisa *we have this program for a long time this is one and of course the process the cycle* adalah seperti Dato' kata tadi adalah pungutan dia *which is this question* apabila kita pungut ada tarikh-tarikh tertentu akan dipungut di bahagian sini dan bahagian seberang tempat tertentu *of course* di sini sekarang itulah isu dia kontraktor yang mana kita hendak perbetulkan keadaan dia dan *move forward as soon as possible I know you want a time I know I also want a timeline* tapi kita akan mempercepatkan kerana ini tidak boleh kita lewatkan *and definitely for sure I give you that assurance from the State Government and of course in the end of the day* apa yang berlaku dengannya ia akan perlu pergi ke satu tapak pelupusan dan kita ada beberapa tapak pelupusan walhal di sini pun atau di seberang yang mana kita sedang aturkan supaya dipercepatkan persediaan dia *and I think for your side for Pulau Burung kita sedang lihat kepada RFP itu diselesaikan dan dimuktamadkan dengan teknologi yang terbaru supaya kita boleh lihat pada satu solution yang menyeluruh rather than piece by piece enough we move forward now with a new technology that we have we gonna do that not just there but also hereon the Island. Thank you.*

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):

Soalan tambahan, terima kasih Timbalan Dato' Speaker dan juga Datok Keramat saya rasa ini satu soalan yang penting kerana sejak kebelakangan ini Batu Uban juga terjejas teruk akibat daripada kontraktor sampah yang baru maka saya nak tanya Yang Berhormat Datok Keramat untuk masa ke hadapan *we are moving forward* apakah langkah yang akan diambil oleh MBPP adakah kita akan membuka semula tender atau pun MBPP akan mengambil alih terus kerja-kerja pungutan sampah di kawasan KADUN Batu Uban dan juga saya nak tahu juga dari segi tender itu adakah kita mengkaji atau pun meneliti dengan baik setiap syarikat-syarikat yang mengambil bahagian dalam proses tender ini kerana saya difahamkan dua syarikat Yang Berhormat Datok Keramat sebut tadi tu telah gagal menjalankan tanggungjawab

mereka kerana memberikan alasan mereka tidak dapat menyediakan logistik, lori dan juga tenaga kerja dalam tempoh masa yang secukupnya maka apakah langkah yang akan diambil oleh MBPP supaya isu-isu ini tidak menjadi punca dalam proses tender yang akan datang terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sepertimana yang telah saya nyatakan tadi, sememangnya penamatan beberapa kontraktor kutipan sampah tersebut adalah memandangkan kegagalan mereka mematuhi apa dalam kontrak mereka jadi kita tak ambil ringan keadaan tersebut dan *of course* di negeri Pulau Pinang semua akan berlaku melalui satu RFP di mana pemilihan dibuat melalui satu jawatankuasa penilaian yang akan menilai syarikat-syarikat yang datang ke hadapan untuk melihat sama ada mereka boleh dapat kontrak tersebut *we are very clear about that so that's the reason why number one we terminated them that answer your second question we'll make sure that does not happen again* and itulah apa yang kita akan buat *so I think my short answers to YB. Batu Uban macam itu and the rest is already has answered.*

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih seterusnya

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Terima kasih Dato' Timbalan Yang di-Pertua, soalan saya soalan no. 6.

- No. 6. Nyatakan kesemua tarikan ataupun "*landmarks*" yang akan dibina atas projek Gurney Wharf.
- (a) Adakah beberapa tarikan itu boleh siap dibina pada pertengahan tahun 2023?
 - (b) Bolehkah Kerajaan Negeri memastikan "kawasan hijau" diberi keutamaan dalam projek tersebut?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih kepada Dato' Timbalan Speaker dan rakan saya daripada Pulau Tikus atas satu soalan yang begitu gembira saya cuba jawab berkenaan apakah keadaan kita di Gurney Wharf, Gurney Wharf sama ada tentang status dia ingin saya nyatakan bahawasanya sememangnya ia adalah satu inisiatif Kerajaan Negeri selaras dengan agenda kita melalui visi Penang2030 yang adalah antara lain *but this is one of the icone of Penang* ia akan mengubahsuai segala senario Penang kepada satu keadaan antarabangsa yang lebih baik iaitu kita akan pelbagaikan pelbagaikan kemudahan rekreasi sukan seni dan budaya yang akan dilaksanakan dalam dua fasa kita panggil *priority 1* dan *priority 2*.

Priority 1 adalah 27.53 ekar manakala *priority 2* atau pun fasa dua adalah 87.82 ekar, sekarang yang ada yang telah pun kita luluskan dalam projek ini adalah komponen seperti taman permainan, *skatepark*, tempat letak kenderaan terbuka, tempat letak kenderaan bertingkat, sudut pandang utara, sudut pandang selatan,

kioks, rizab lebuhraya yang ada sekarang akan dihijaukan, pusat penjaja, jeti teksi air, pantai pembuatan manusia dan laluan jalan taman air dan *storm water channel*. *I mean this is going to be a game changer for Penang the Gurney Wharf and it's going to happen in June the first priority. Let me tell all of you here as soon as that happen all of us can go and step*, kita boleh pijak atas tanah baru hijau negeri Pulau Pinang adalah selaras dengan visi Pulau Pinang untuk jadi satu negeri hijau yang pintar fokuskan *family* kerana kita boleh ambil keluarga kita ke sana *not only car park's, we also looking at bicycle park's*. *So that we can also be healthy and family focus and I continue* kita lihat pada pelaksanaan dia *priority 1* atau fasa 1 kita jangka *actually it was supposed to be in March which is now but there have been delayed because let me be very frank in term of machinery and items that required to be procure that was delayed that is the reason why so I have already spoken* JKR adalah agensi pelaksanaan dan kita telah pun berbincang dan dalam perbincangan itu kita telah datang pada satu pencapaian bahawasanya tak boleh ada kelewatan lagi,

So, sekarang Dato' Timbalan Speaker *is June this year so in another three (3) months we shall step on The Wharf* di mana kita akan lihat *priority 1, phase 1* atau pun *phase 1* kemudahan seperti taman permainan, *skatepark*, tempat letak kenderaan, kioks untuk kegunaan orang awam akan siap, *in fact for your information Dato' Timbalan Speaker, the skatepark is almost there if you see my Facebook page or the state Facebook page you can see we have drones monitoring it on daily basis and the skatepark is done we are looking the waterfront area the entire promenade is done on the first priority so it's moving quickly we are looking now at the planting of grass and the trees because it's supposed to be complete the first phase* adalah hijau kesemuanya untuk kemudahan awam. *So that is what we are looking at and* kita ada satu perbincangan baru-baru ini untuk lihat berapa nombor pokok yang perlu ditanam *at the moment they are looking at about 1,500* tetapi kita telah dalam perbincangan kita minta supaya ia dipertingkatkan kepada hampir-hampir 10,000 dan mereka kata itu boleh dipertimbangkan *so we are looking at that, for your information Dato' Timbalan Speaker and my Chief Minister* kita juga akan sepertimana saya nyatakan apabila kita bina komponen-komponen dalam Gurney Wharf ini ambilkan kira juga, supaya kita dalam agenda pintar kita menjadikan semua komponen di situ hijau bukan sahaja hijau tetapi pintar juga dan kita sedang lihat bagaimana semua kemudahan di situ boleh jadi kemudahan yang adalah hijau *in terms of green building* itu penting *so this little thing are very big to me and we are doing that so we have to that's why maybe it might take a little bit time a little bit more of time but it is part of and parcel of the plan* jadi itu sahaja yang saya hendak nyatakan dan saya harap saya boleh jemput semualah pada satu hari pada bulan Jun untuk kita pijak pada satu kawasan bersejarah baru di negeri Pulau Pinang. Terima kasih Dato' Timbalan Speaker.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Terima kasih soalan tambahan, boleh soalan tambahan? Terima kasih Yang Berhormat Datok Keramat atas penjelasan Gurney Wharf tu. Saya *just* nak tanya sebab pada pelan-pelan yang akan datang kemungkinan besar tapak penjaja Anjung Gurney akan dibawa masuk ke Gurney Wharf lah. Saya harap kajian dibuat secara

teliti kerana kita nak menjaga kebersihan Gurney Wharf, itu adalah projek baru kita yang akan mungkin jadi mutiara yang baru di negeri kita. So, oleh itu yang kebersihan adalah penting *especially* kalau nak membawa satu (1) *hawker centre* ke dalam Wharf yang baru. Saya harap kajian semua akan dibuat secara teliti sebelum satu *movement* yang cepatlah akan dibuat. Okey, dengan itu terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Sing Deo A/L Karpal Singh);

Just a quick response, thank you YB. Kawasan Pulau Tikus. Sememangnya itupun adalah salah satu komponen dia tetapi ia dalam fasa dua atau pun *priority* dua tetapi ia sedang berlaku secara serentak dengan fasa pertama kita sekarang so sememangnya sudah pun dirancang tempat dan kawasan akan berada di dalam pemindahan astaka sekarang kepada yang baru di mana ia akan melihat kepada pulau baru iaitu Tanjung Pinang 2 dan 3 , fasa 2A dan 2B yang sudah pun hampir siap sekarang ini kita boleh lihat. *So it's is happening simultaneously*, Dato' Speaker, Timbalan Speaker *it's is happening simultaneously but of course like you said for us, for me and the state government it's very important for us to ensure* kita..(dengan izin), Dato' Speaker, kita pelihara semua penggerai-penggerai dan kita bukan sahaja lihat pada itu kita sedang lihat pada bagaimana kita boleh ada lebih unit supaya lebih penggerai yang memerlukan gerai-gerai tersebut akan dapat satu (1) unit tersebut pada satu (1) size yang lebih besar *that is the biggest things now*, kalau kita lihat pada MBPP dan MPSP *that is our new format we are looking at wherever we do any new project we want to increase the size as best as we can and the it is happening I can give a few other examples but this is that example and the it is in our planning. Thank you very much.*

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih, seterusnya Batu Uban.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan a/l Aramugam)

Terima kasih Timbalan Dato' Speaker, soalan saya nombor 7.

- No. 7. Berikan indeks jenayah di Pulau Pinang untuk tempoh tahun 2022 dan 2023.
- (a) Indeks jenayah mengikut daerah dan jenis jenayah.
 - (b) Langkah-langkah mengurangkan indeks jenayah.
 - (c) Berapakah jumlah pegawai dan anggota di Pulau Pinang mengikut daerah dan balai?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Uban atas soalan. Bahagian A, statistik kes jenayah indeks yang berlaku di negeri Pulau Pinang bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Disember 2022 dan 1 hingga 31 Januari 2023 mengikut daerah adalah seperti berikut yang akan juga diletak atas meja Yang Berhormat. Bagi tahun 2022, sebanyak 3,463 kes dicatat bagi semua kategori jenayah

di negeri Pulau Pinang di mana pecahan adalah seperti berikut. Timur Laut 1,180, Barat Daya 352, SPU 689, SPT 928 dan SPS 314. Manakala bagi bulan pertama tahun ini jumlah yang dicatatkan adalah 264.

Bahagian B, langkah-langkah yang telah diambil oleh PDRM Pulau Pinang bagi mengurangkan indeks jenayah adalah dengan memperkasakan prasarana pencegahan jenayah dengan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan program-program pencegahan jenayah dan keselamatan komuniti melalui peranan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan seperti berikut.

Rondaan berkala unit MPV, unit URB dan unit Polis Pelancongan di kawasan *hotspot* jenayah dan tumpuan pelancong. Pelaksanaan program kepolisan komuniti yang melibatkan kerjasama PDRM dengan masyarakat tempatan. Meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pencegahan jenayah melalui program *Volunteer Smartphone Patrol* (VSP) dan AMANITA dan seterusnya pendidikan dan publisiti untuk meningkatkan tahap kesedaran dan pengetahuan serta mendidik masyarakat tentang keselamatan dan pematuhan undang-undang.

Seterusnya, kerjasama dan jaringan pencegahan jenayah dengan agensi kerajaan, pihak swasta dan NGO seperti MCPF dan sebagainya dan meningkatkan program pencegahan jenayah melalui kolaborasi dengan rakan strategik seperti pelantikan Pegawai Perhubungan Sekolah dan Pegawai Perhubungan Masjid bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman mengenai *trend* jenayah semasa di kalangan remaja sekolah dan masyarakat tempatan.

Saya boleh menyatakan pada Dewan ini bahawa mengikut laporan PDRM yang memberi laporan berkala kepada pihak Kerajaan Negeri bagi dua (2) tahun kebelakangan ini memang menunjukkan *trend* menurun bagi kes-kes jenayah yang berlaku di negeri Pulau Pinang.

Dan jawapan kepada bahagian C, jumlah pegawai dan anggota PDRM di negeri Pulau Pinang mengikut daerah dan balai juga akan diletakkan di atas meja Yang Berhormat namun jumlah anggota yang berada di negeri Pulau Pinang adalah 5,663 anggota yang terdiri dari pegawai kanan 553 dan lain-lain peringkat pegawai di lain-lain peringkat adalah 5,110 dan kalau kira secara nisbah adalah seorang pegawai kepada 317 penduduk. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy)

Bagan Dalam, terima kasih Dato' Timbalan Speaker. Daripada statistik yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri menyatakan Seberang Perai Utara di mana Bagan Dalam adalah menunjukkan satu (1) kawasan yang mempunyai *trend* jenayah yang ketiga tertinggi selepas Timur Laut dan juga SPT. Soalan saya adalah berkenaan dengan jenayah, kebanyakan jenayah-jenayah seperti ragut, dan seperti itu berlaku kerana adanya dadah dan kita nampak Pulau Pinang menjadi satu (1) *hotspot* untuk pengedaran dadah beberapa tahun kebelakangan ini dan kita nampak walaupun ada usaha-usaha polis tangkap sindiket dadah dan lepas itu mereka pulak terlepas.

Kes terbaru pada tahun Julai 2022, ada satu (1) tangkapan besar di Juru dan semua yang terlibat sudah pun terlepas dan mereka sedang mengiat aktif balik dalam aktiviti dadah ini dan ini menunjukkan satu (1) kadar jenayah lain seperti ragut dan itupun sedang meningkat dan saya minta kalau boleh selain daripada pihak polis perlu

ada juga tentang, Kerajaan Negeri boleh bincang dalam Majlis Keselamatan Negeri tentang dasar daripada pihak pendakwa raya di mana kita nampak sabitan itu kurang dalam kes-kes melibatkan sindiket dadah. Adakah apa-apa perancangan untuk mengatasi masalah ini daripada pihak Kerajaan Negeri. Itu soalan saya, terima kasih Timbalan Speaker.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada Yang Berhormat Bagan Dalam, tidak dapat dinafikan bahawa PDRM sememangnya melaporkan bahawa masalah dadah menjadi satu punca yang menyebabkan berlakunya jenayah-jenayah yang lain yang direkodkan dalam negeri Pulau Pinang dan sememangnya menjadi satu sasaran penting bagi PDRM negeri Pulau Pinang khususnya Ketua Polis Negeri yang melihat pembeterasan dan penangkapan atau penguatkuasaan terhadap aktiviti dadah di negeri Pulau Pinang perlu diperhebatkan memandangkan mengikut sejarah negeri Pulau Pinang memang menjadi pusat transit kepada dadah-dadah yang datang dari negara-negara ke utara kita melalui pelbagai saluran.

Dan memang ianya masih berlaku pada kini dan untuk memutuskan rangkaian ataupun pengaruh dadah kepada berlakunya aktiviti jenayah yang berlaku di tepian jalan atau taman-taman perumahan dan sebagainya. Memang seperti mana saya memberi jawapan tadi penglibatan komuniti NGO, pertubuhan, agensi kerajaan, masjid, sekolah semua memainkan peranan penting supaya melengkapkan dan menjadi rakan strategik kepada PDRM dan agensi-agensi pencegahan yang lain demi membanteras jenayah yang berlaku di negeri Pulau Pinang.

Dan seperti saya nyatakan tadi, memang walaupun masalah ini masih berlaku, tetapi atas segala usaha bagi dua (2) tahun kebelakangan ini memang *trend* menurun dari segi statistik yang dicatatkan. Mungkin ianya pun ada kaitan dengan pandemik COVID-19 yang sememangnya pada tahun 2020, kes-kes semua menurun kerana jenayah pun perlu mematuhi PKP yang dikuatkuasakan pada masa itu. Tetapi sememangnya selepas PKP ditarik balik atau pun dilonggarkan kita lihatlah aktiviti jenayah akan naik tetapi pada keseluruhannya ia adalah menunjuk *trend* menurun pada keseluruhannya.

YB. Timbalan Yang di-Pertua Dewan:

Terima kasih, seterusnya Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (Haji Mohd Tuah bin Ismail)

Dato' Speaker soalan saya nombor 8.

- No. 8. Apakah usaha Kerajaan Negeri untuk mengenal pasti potensi-potensi setempat (khususnya di Balik Pulau) ke arah memajukan sektor pelancongan di kawasan tersebut?
- (a) Apakah pernah dibuat kajian untuk mengenal pasti potensi-potensi tersebut?

- (b) Apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk memajukan sektor pelancongan di Balik Pulau?

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih Yang di-Pertua Dewan dan juga Pulau Betong. Kerajaan Negeri sentiasa menggerakkan agenda mempromosi kawasan Balik Pulau menerusi pelancaran kempen '*The Other Side of the Island*'. Pada masa yang sama, risalah dan video mengenai kawasan menarik di Balik Pulau telah diedarkan dan dikongsi di semua aplikasi media sosial.

Selain itu, produk pelancongan lain seperti *Penang International Container Art Festival* (PICAF) merupakan salah satu keunikan yang ada, di mana unsur kreativiti dan kesenian berlatarbelakangkan suasana kampung yang indah lagi nyaman dapat ditonjolkan kepada para pengunjung.

Pelan Induk Pelancongan Pulau Pinang (*Penang Tourism Master Plan*) telah mengenal pasti potensi Balik Pulau yang merangkumi kategori-kategori pelancongan iaitu agropelancongan, pelancongan berasaskan komuniti dan eko pelancongan yang sememangnya menjadi tarikan kepada pengunjung yang gemar bercuti sambil menikmati keindahan alam semula jadi.

Kajian mengenai ini telah dibuat dan dirangkumkan dalam satu pelan yang komprehensif, iaitu Pelan Induk Pelancongan yang telah mengenal pasti beberapa potensi yang ada di kawasan Balik Pulau. Kerajaan Negeri melalui pejabat saya sedang melaksanakan empat (4) teras utama yang disenaraikan dalam pelan induk pelancongan iaitu kepelbagaian produk pelancongan, meletakkan Pulau Pinang sebagai destinasi perdana, memastikan pelancongan mampan dan bertanggungjawab dan juga destinasi pelancongan pintar.

Bagi perancangan jangka masa pendek, sektor pelancongan Negeri Pulau Pinang khususnya di kawasan Balik Pulau boleh ditingkatkan melalui agenda mempromosikan kawasan unik ini yang menjadi tarik pengunjung. Manakala perancangan jangka masa panjang pula, penghasilan pelbagai aktiviti di Balik Pulau khususnya aktiviti dan penggalakan penglibatan masyarakat tempatan supaya para pengunjung dapat meneroka alam semula jadi yang tersedia disana. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah bin Ismail):

Soalan tambahan. Terima kasih ya Kerajaan Negeri di atas mempromosi eko pelancongan di Balik Pulau. Cuma soalan tambahan. Apakah tindakan drastik untuk khususnya kawasan di Balik Pulau. Balik Pulau di KADUN Pulau Betong, kita ada diantara lokasinya ialah pasir, Pantai Pasir Panjang dan berhampiran itu kita ada juga iaitu Pantai Telok Air. Kita ada juga di Pantai Malindo iaitu *sunset* tempat turunnya matahari.

Jadi apa pendekatan yang drastik daripada Kerajaan Negeri, khususnya pelancongan. Untuk kita nak bagi pertingkatkan segera-kan supaya pelancongan ini, kita dapat perhebatkan di kawasan Balik Pulau, kalau kita tengok timbang di kawasan bandar, saya nampak beza. Jadi saya nak minta pencerahan daripada wakil Bagan Jermal supaya apakah tindakan drastik dan saya juga nak minta wakil dalam majlis

dalam MMK ada wakil Balik Pulau untuk bersama, khususnya orang tempatan, kita tau apa yang ada di Balik Pulau. Terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Terima kasih Yang Berhormat, Pulau Betong. Kerajaan Negeri memang tidak pernah mengabaikan sektor pelancongan di kawasan luar dari bandaraya Georgetown. Memang merupakan salah satu misi penting dalam Pelan Induk Pelancongan untuk membangunkan dan juga untuk mengimbangkan sektor pelancongan di seluruh Negeri Pulau Pinang. Memang saya pun mengenal pasti dan juga notis bahawa memang wujudnya pantai-pantai yang sangat cantik di bahagian Balik Pulau yang masih belum lagi begitu masyhur atau yang begitu dikenali oleh orang ramai. Dan memang untuk membangunkan satu destinasi pelancongan bukan, bukan hanya satu tahun atau dua tahun kita memerlukan sedikit masa untuk membangunkan tempat itu dan juga untuk mempromosikan tempat itu. Memang berbanding dengan bandaraya George Town, George Town pun telah mempunyai sejarah yang lebih lama dan juga pun telah pelbagai usaha pun telah dilaksanakan, begitu lama untuk mempromosikan bandaraya George Town.

Jadi sekarang untuk membangunkan Balik Pulau ini, khususnya di kawasan Pulau Betong ini, saya dalam MMK pun telah memberi arahan kepada Pejabat Daerah Barat Daya supaya dapat meningkatkan dan juga melaksanakan lebih lagi *infrastructure* untuk menyenangkan aksesibiliti untuk pengunjung ke kawasan pantai-pantai tersebut. Dan untuk makluman Yang Berhormat juga, saya juga telah memberi arahan kepada Penang Global Tourism supaya untuk, semasa menjalankan jelajah warah iaitu *roadshow* di luar negara. Mestilah memberi tumpuan kepada kawasan kawasan dan juga destinasi dan tempat-tempat atau tarikan pelancong di kawasan Balik Pulau juga.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Terima kasih, tambahan sikit. Saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Paya Terubong tentang kawasan pelancongan baru. Jadi kalau boleh, masukkan sekali kawasan *agro tourism* dan *eco-tourism* di Sungai Dua. *River cruise* memang banyak pelancong dah mula datang ke situ. Apabila dimasukkan dalam Penang Global Tourism, dengan pakej jadual dan sebagainya, masukkan sekali, libatkan sekalilah kawasan Sungai Dua dan juga Tasek Gelugor. Memanglah ramai pelancong, insyaAllah, ke situ.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

River cruise dan juga ni *bird watching* di Seberang, Seberang Perai, Seberang Jaya ni. Seberang Perai ini pun kita tidak pernah di mengabaikan, kita pun sedang melakukan, apa ni, pelbagai *repackaging* untuk mempromosikan tempat-tempat tersebut juga.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir bin Aziz):

Terima kasih Timbalan Speaker, cuma apa yang saya faham daripada soalan yang dibangkitkan oleh sahabat saya daripada Pulau Betong, bukan isu mempromosikan sektor pelancongan tu, kita lebih fokus kepada fasiliti, bukan kawasan-kawasan pelancongan. Bagi kami, walau saya di DUN Bayan Lepas adalah sebahagian daripada Balik Pulau. Kita dah memang dah ada dah pelancong domestik, memang dah ada dah ramai. Kita tak perlu promosi besar-besaran, cuma seringkali dalam DUN saya minta supaya kita tingkatkan fasiliti, kena ada minima dia punya kemudahan awam, tandas, bilik air, dan juga jalan masuk seperti yang Teluk Bayu. Macam tu jugalah, jalan masuk teruk, di Tanjung Asam. Dan dalam sidang DUN yang lepas pun, YB, YB Ketua Menteri sudah *respond* perkara ini dan saya mintalah sahabat-sahabat saya daripada MMK Pelancongan dan juga EXCO supaya ambil maklum dan dapat buat sesuatu supaya kita dapat tingkatkan fasiliti pelancongan di sana. Dan saya amat bersetuju juga, dengan cadangan supaya ada wakil daripada barat daya dalam MMK pelancongan, terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Haji Mohd Tuah bin Ismail):

Saya nak tambah sikit lagi, Balik Pulau ni merupakan satu anugerah tuhan alam sekitar dia di Balik Pulau ni, kita manfaatkanlah sepenuhnya. Kita ada Pantai Pasir Panjang, Pantai Malindo, kita manfaatkan supaya kita dah kempen dah kepada masyarakat dan juga luaran supaya datang ke Balik Pulau. Kadang-kadang dia tengok di Balik Pulau, ada apa yang kita nak manfaatkan. Jadi, kita minta supaya kerajaan, kita manfaatkan keindahan di Balik Pulau ni dengan alam yang ada di dianugerahkan tuhan ni, untuk kita tarik lagi pelancong khususnya ke Balik Pulau. Tindakan yang drastik yang perlu kita, kita buat khususnya kerajaan, terima kasih.

Ahli Kawasan Paya Terubong (YB. Yeoh Soon Hin):

Saya memang setuju bahawa itu Pantai Malindo merupakan satu tempat yang boleh dikatakan dianugerahkan oleh tuhan ni memang sangat cantik. Sebab sebelum ni saya pun tahu banyak itu pelancong-pelancong Korea, dia suka pergi ke Kota Kinabalu sebab nak tengok itu *sunset*. Mereka menggelarkan *sunset* di Kota Kinabalu merupakan *sunset* yang paling cantik di dunia ni tetapi saya mempunyai itu Pantai Malindo pun memberi satu potensi yang sangat baik untuk dibangunkan sebagai destinasi untuk menonton itu *sunset*, yang sangat cantik juga. Memang saya setuju dengan Bayan Lepas, bahawa kemudahan asas, fasiliti ini masih kurang di kawasan tempat-tempat tarikan pelancongan di Balik Pulau. Jadi saya akan berbincang dengan Pejabat Daerah dan juga MBPP untuk bagaimana untuk meningkatkan apa ni, infrastruktur, aksesibiliti, kemudahan asas untuk tempat-tempat di Balik Pulau ini.

YB. Timbalan Yang Di-Pertua Dewan:

Terima kasih. Seterusnya, Telok Ayer Tawar

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad):

Terima kasih Dato' Timbalan Yang Di-pertua. Soalan saya, soalan number 10.

- No. 10. Berapakah peruntukan Jelajah Penang2030 bawah LovePENANG dan bagaimanakah cara pengagihan bajet tersebut dijalankan serta berapa banyak program tersebut dijalankan?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Telok Ayer Tawar atas soalan yang ke sepuluh (10). Untuk makluman Dewan yang mulia ini. Salah satu program yang dijalankan di bawah kempen LovePENANG, adalah siri jelajah LovePenang Ketua Menteri ke 13 Kawasan Parlimen yang berlangsung dari 16 haribulan Jun 2022 hingga 10 Oktober 2022. Manakala pada tahun ini siri jelajah 2.0 telah mula berlangsung pada 14 Januari, mula dengan Kawasan Parlimen Bayan Baru. Secara keseluruhannya jumlah peruntukan yang digunakan untuk pelaksanaan siri jelajah berkenaan sehingga kini adalah berjumlah RM123,170,00. Lanjutan daripada pelaksanaan siri jelajah ini, sebanyak 23 permohonan projek telah dikenal pasti sama ada membabitkan kerja-kerja penaiktarafan termasuk kemudahan-kemudahan sukan, pembinaan jeti untuk keperluan nelayan, projek-projek tabatan banjir, penyelenggaraan perumahan dan lain-lain.

Cadangan projek yang dikenal pasti adalah berdasarkan permohonan yang diterima. Daripada 23 senarai projek yang diterima, dua (2) projek telah siap dilaksanakan pada tahun 2022 iaitu pembaikan perumahan Taman Sri Pinang di KADUN Sungai Pinang dengan kos RM635,465,00 dan pemasangan karpet gelanggang badminton, dewan MPKK Bandar Cassia di KADUN Bukit Tambun dengan kos RM40,000. Daripada jumlah keseluruhan tersebut, dua (2) permohonan ditolak dengan mengambil kira keperluan peruntukan sangat tinggi.

Sebaliknya, pendekatan yang diambil adalah memberikan keutamaan kepada projek yang mendesak di KADUN yang sama. Dalam pada itu, peruntukan sejumlah RM382,817.10 telah disalurkan untuk pelaksanaan projek-projek yang dikenalpasti mengikut perincian berikut. Iaitu RM241,777.10 telah disalurkan kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk pelaksanaan projek membina bumbung gelanggang bola keranjang di tanah lapang Desa Mawar, di KADUN Ayer Itam dan RM141,040 disalurkan kepada Lembaga Perumahan Pulau Pinang untuk kerja-kerja menurap semula jalan serta lain-lain selenggaraan kecil di Rumah Pangsa Halaman Damai Blok 10 KADUN Sungai Pinang. Dan bagi baki 17 projek ianya masih dalam peringkat penyediaan spesifikasi dan penelitian sebelum pelaksanaan boleh dimulakan dan apa pun sepertimana diumumkan dalam belanjawan 2023 pada akhir tahun lepas, RM2.0 juta diperuntukkan di bawah bajet untuk melaksanakan projek-projek berkenaan tetapi dengan bajet yang terhad, saya boleh katakan di sini bukan semua projek dapat dilaksanakan pada tahun ini dan kita akan terus berusaha mendapat peruntukan seterusnya, bagi tahun bagi pelaksanaan bagi tahun yang akan datang.

Di samping itu, peruntukan RM400,000 juga disalurkan kepada semua pejabat daerah dan tanah bagi tahun yang lepas bagi memperkasakan kempen LovePENANG. Itu saja untuk makluman, Dewan yang mulia ini.

YB. Timbalan Yang Di-Pertua Dewan:

Terima kasih. Seterusnya, Bayan Lepas

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):

Terima kasih Dato' Timbalan *Speaker*. Soalan saya number 13.

- No. 13. Dengan pesatnya pembangunan perumahan di Daerah Barat Daya (DBD) dan masalah kesesakan lalu lintas yang amat serius, apakah cadangan Kerajaan Negeri untuk mengkaji kemudahan infrastruktur di DBD?

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):

Terima kasih Yang Berhormat, Bayan Lepas. 7-0 saya dengar, *Speaker*....(gangguan). Dia nak bangkitkan isu macam ni, kita nak jawab dengan pantun juga. 1,2,3,4,5,6,7 setengah, sungguhpun pandai tupai melompat, ada masa jatuh ke tanah. Kita menang, kerbau *cup* juga. Yang Berhormat, Kerajaan Negeri amat peka dan akan pembangunan yang pesat dan kesesakan lalu lintas yang dihadapi di Daerah Barat Daya.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah merancang pelbagai inisiatif bagi menaik taraf kemudahan infrastruktur di daerah ini. Antara tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri bagi melegakan kesesakan lalu lintas di DBD, adalah dengan membuat penyelarasan sistem lampu isyarat bagi mewujudkan *green way*, penyelarasan semula ini akan melancarkan lagi aliran trafik dan dijangka mengurangkan kesesakan yang dialami. Selain itu, Kerajaan Negeri juga bekerjasama dengan pihak polis dalam mengawal lalu lintas di persimpangan-persimpangan jalan yang mengalami kesesakan serta melaksanakan tindakan penguatkuasaan seperti saman, kapit dan tunda kenderaan oleh PBT bagi memastikan aliran trafik tidak terganggu.

Bagi tujuan keselamatan, pemantauan lalu lintas dan pengawalan kesesakan, Kerajaan Negeri juga telah memasang sistem kamera litar tertutup atau pun CCTV di beberapa kawasan, Kerajaan Negeri juga mempunyai perancangan untuk menaik taraf sistem CCTV sedia ada yang akan dilengkapi dengan sistem analitik video atau pun video analitiks bagi meningkatkan keupayaan pengurusan lalu lintas dan keselamatan orang awam. Antara perancangan-perancangan lain, bagi melegakan kesesakan di Kawasan Bayan Baru, termasuklah penaiktarafan Persimpangan Jalan Tun Dr. Awang, Jalan Bukit Gambir dengan membina persimpangan bertingkat dan pembinaan laluan bawah tanah atau pun *underpass* di bulatan Bayan Baru.

Kerja-kerja pembinaan ini akan dilaksanakan oleh pihak pemaju di bawah Projek Pembangunan EICC (Penang International Commercial City) yang dijangka siap pada tahun 2027. Kerajaan Negeri juga amat menyokong *mod* pengangkutan yang lebih mesra alam dengan menggalakkan penggunaan basikal melalui penyediaan laluan basikal baru dan naik taraf laluan basikal sedia ada serta pembinaan jambatan dan jejantas basikal seperti yang disediakan di kawasan pesisiran pantai dari George Town ke Bayan Lepas.

Dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian, Kerajaan Negeri juga komited dalam menambah baik perkhidmatan kenderaan awam melalui kerjasama bersama Rapid Penang. Bilangan bas akan ditambah secara berperingkat mengikut keperluan untuk penyediaan perkhidmatan yang lebih efisien dan berkualiti.

Selain itu Kerajaan Negeri juga mempunyai beberapa rancangan di bawah komponen projek pengangkutan awam dan lebuh raya baru di bawah PTMP bagi menangani masalah di Barat Daya. Contohnya komponen projek Bayan Lepas LRT telah dirancang untuk menghubungkan kawasan George Town ke Bayan Lepas. Pembangunan *Penang South Island* juga akan dihubungkan melalui Projek Lebuhraya PIL 2 dan PIL 2A.

Yang Berhormat, sebenarnya banyak projek di sini. JKR bagi jawapan yang lebih khusus untuk kawasan Yang Berhormat. JKR akan melaksanakan projek menaik taraf Jalan Teluk Kumbar dari 2 lorong pada 4 lorong dan perkara ini telah dimohon kepada Kerajaan Persekutuan yang telahpun maklum bertahun-tahun kita mohon tapi kali ini kita telah mohon dengan penekanan sebagai projek keutamaan dan kita akan menjalankan kajian dan sedang menjalankan kajian terlebih dahulu untuk penyelesaian jangka masa pendek juga Yang Berhormat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Aziz):

Terima kasih YB. EXCO yang memberikan *respond* persoalan mengenai kesesakan di Barat Daya terutama sekali di kawasan sayalah. Cuma saya nak tanya mengenai status permohonan yang saya buat dan kita pun telah turun ke Simpang Masjid Sungai Batu yang mana kita telah cuba rancang supaya Kerajaan Negeri campur tangan melalui MBPP agar dapat dibuat satu penyelesaian jangka pendek untuk membesarkan jalan di *traffic light* Sungai Batu ke Bukit Belah. Jadi saya nak dapatkan maklumat apakah statusnya sekarang dan adakah kajian telah dimulakan dan juga jika kajian telah dimulakan, siapakah, pihak manakah, atau pun adakah Kerajaan Negeri sendiri bersetuju untuk menanggung kos pelebaran jalan di seksyen berkenaan.

Soalan yang kedua adalah memandangkan Jalan FT6 ini adalah Jalan *Federal*, selain usaha lagi mendapatkan peruntukan *Federal*, kita tau memang susah tetapi bagi saya sebagai Kerajaan Negeri kita juga perlu menjalankan langkah-langkah awal untuk kita merangka jajaran tersebut sama ada kos yang kita anggarkan sekitar RM403 juta itu adakah mencukupi? Jika Kerajaan Pusat meluluskan kos RM400 juta itu adakah termasuk sekali dengan kos pampasan rumah-rumah yang terpaksa dirobohkan. Jadi benda inilah, perkara inilah yang saya cuba *highlight* kan supaya RM403 juta yang dijawab dalam soalan bertulis saya itu adakah ianya termasuk sekali dengan kos pengambilan tanah dan sebagainya sebab kita tak nak apabila diizinkan Tuhan, dapat RM403 juta itu kemudian kita *stuck* untuk kos pampasan dan sebagainya, mohon.

Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zhairil Khir Johari):

Terima kasih Yang Berhormat Bayan Lepas. Sukacita dimaklumkan Kerajaan Negeri telahpun setuju untuk menyalurkan peruntukan sebanyak RM500,000 melakukan kajian TIA dan juga untuk membuat reka bentuk bagi persimpangan Jalan

Teluk Kumbar dengan Jalan Sungai Batu. Ianya telahpun diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan dan kini saya difahamkan di peringkat Lembaga Tender Kerajaan Negeri. Setelah selesai Lembaga Tender untuk melantik perunding tersebut, maka kerja-kerja akan dilaksanakan dan dijangka mengambil masa 2, 3 bulan. Kos projek secara kos akhir projek tersebut hanya akan diketahui selepas perunding membuat reka bentuk tersebut.

Untuk soalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, selain daripada menunggu peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan sudah tentu Kerajaan Negeri tidak hanya duduk dan tidak membuat apa-apa. Langkah-langkah yang jangka masa pendek telahpun dilaksanakan termasuk dengan penaiktarafan persimpangan Jalan Sungai Batu / Jalan Teluk Kumbar walau pun ia adalah Jalan Persekutuan, tapi Kerajaan Negeri mengambil inisiatif bersama-sama dengan JKR Pulau Pinang dan juga MBPP untuk membuat apa yang kita mampu. Dan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai kos pengambilan tanah adakah ianya termasuk dalam anggaran RM400 juta, yang ini saya perlu *confirmkan* tapi yang saya faham, dia memang termasuk disebabkan kos pembinaan sendirinya tidak begitu mahal. Dia yang menjadikan RM400 juta ni disebabkan pengambilan tanah. Biasa projek yang kita nampak kos tinggi itu termasuk kos projek tebatan banjir juga disebabkan pengambilan tanah yang menjadikan kos begitu tinggi. Kalau tak silap saya memang termasuk tapi yang ni saya boleh semak dan akan dimaklumkan kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

YB. Timbalan Yang Di-Pertua Dewan:

Terima kasih TanjOng Bunga. Ahli-ahli Yang Berhormat, satu (1) jam 30 minit untuk soalan lisan telah tamat selaras dengan Sub Peraturan 26(7) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Yang Di-Pertua, jawapan kepada Soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletak di atas meja ahli-ahli yang bertanya dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

YB. Timbalan Yang Di-Pertua Dewan:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan Dewan akan bersidang kembali pada esok hari, waktu pukul 9.30 pagi dan terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.10 tengah hari.